


Jilid II  
Bil.4



Hari Isnin  
4hb Mei, 1992

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN:**  
[Ruangan 6931

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah**

— Y.B. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar) [Ruangan 810]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATIHR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S, SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.  
(Kanowit).

.. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.  
(Permatang Pauh).

.. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

.. Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala PUah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T, (Besut),
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.MJ., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Menlakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titawangsa).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim-Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

„ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. JP. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tengah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUI, RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kola Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkatan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AJIMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang),

- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT Joo (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARIIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Jo**Bahru**).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., K.st.J. (Limbawang),
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian),
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIK WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., p.i.s. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Ramaswamy

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop,

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hasan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT****Isnin, 4hb Mei, 1992***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****PENSWASTAAN JABATAN  
POS—KEBERKESANAN  
PERKHIDMATAN**

**1. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang sejauh manakah penswastaaan Jabatan Pos akan dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan berkenaan serta:

- (a) sejauh mana telah diselesaikan masalah skim gaji kesemua kumpulan pegawai dan kakitangan Jabatan setelah diswastakan;
- (b) bilakah jangka pulangan sepenuhnya pelaburan Kerajaan setelah penswastaaan;
- (c) berapakah jangkaan pulangan pelaburan dalam tempoh 5 tahun pertama dan purata pulangan tahunan pada tahun kewangan berikutnya; dan
- (d) bilakah dijangka saham Pos Malaysia akan disenaraikan di BSKL dan berapa peratuskah dari keseluruhan peruntukan saham akan diagihkan di kalangan pegawai dan kakitangan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, dengan penswastaaan Jabatan Perkhidmatan Pos, Kerajaan Pusat dapat mengurangkan perbelanjaan lebih kurang S200 juta setahun. Ini termasuk perbelanjaan gaji, pencen dan kos operasi. Di samping itu, projek-projek pembangunan seperti penubuhan pejabat pos baru yang bernilai \$100 juta bagi tempoh 1991 hingga 1995 akan ditanggung dan dilaksanakan oleh Pos Malaysia. Ketika Jabatan Perkhidmatan Pos diswastakan, pegawai dan kakitangannya telah diberi peluang untuk berkhidmat dengan syarikat di bawah dua pilihan:

- (1) Skim "A"-Skim ala-Kerajaan di mana syarat-syarat dan terma perkhidmatan termasuk gaji masih tertakluk kepada peraturan dalam perkhidmatan awam.
- (2) Skim "B"-Skim di mana terma dan syarat-syarat perkhidmatan termasuk gaji Syarikat.

Dengan demikian, Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) setelah diswastakan, skim gaji bagi kesemua pegawai dan kakitangan JPP telah pun selesai.

Jawapan untuk (b), (c) dan (d):

Ingin saya maklutkan bahawa pada masa sekarang Kerajaan belum bercadang atau menetapkan tarikh untuk menyenaraikan saham Pos Malaysia di BSKL. Dalam mengkorporatiskan perkhidmatan pos, Kerajaan Malaysia hanya

memindah asetnya daripada Jabatan Perkhidmatan Pos kepada Syarikat Pos Malaysia dan tidak ada pelaburan baru.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut berhubung dengan berapakah jumlah pegawai dan kakitangan Jabatan Pos dahulu yang telah menerima Skim Gaji "A" yang disebutkan tadi dan berapakah yang telah menerima Skim Gaji "B" dan adakah mereka ini kemudiannya akan ditanggung oleh Kerajaan dalam pembayaran pencen sehingga ke akhir hayat mereka?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan Pos pada masa ini lebih kurang 12,800 orang dan saya difahamkan bahawa hampir kesemuanya telah menerima Skim Gaji "B" yang ditawarkan oleh pihak Syarikat. Kalau tak silap saya-saya tidak ada angka itu- lebih kurang 200-300 orang sahaja yang tidak menerima gaji syarikat.

Berkenaan dengan pencen, pihak mereka yang layak menerima pencen akan menerima bayaran pencen apabila mereka berumur 55 tahun dan sudah tentulah bayaran ini akan ditanggung oleh Kerajaan. Kalaupun mereka tidak menjadi pekerja swasta dan pekerja Kerajaan, ia tetap ditanggung oleh Kerajaan tetapi Kerajaan tidak akan menanggung jumlah pencen sekiranya mereka bersara pada umur 55 tahun. Kalau berumur 45 tahun, maka jumlah pencen yang ditanggung oleh Kerajaan berkurangan sekiranya mereka pencen pada umur 55 tahun.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Perscutuan bercadang untuk memegang saham paling besar dalam Pos Malaysia Berhad ini supaya boleh terus mengawal operasi syarikat swasta ini dari segi contohnya untuk memastikan bahawa perkhid-

matan pos ke kawasan luar bandar akan memuaskan ataupun memastikan bahawa kadar setem yang diperlukan tidak dinaikkan dengan tidak munasabah dan sebagainya? Ini soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, apakah dasar Kerajaan untuk memastikan perkhidmatan selepas ia diwastakan akan meningkatkan mutunya dari segi menjadi lebih "customer oriented", dengan izin, supaya perkhidmatan yang kurang memuaskan sekarang tidak akan berlaku selepas penswastaaan?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil contoh penswastaaan yang lalu, misalnya Jabatan Telekom, apabila Jabatan Telekom dikorporatiskan pada tahun 1987, ia hanya mendapat keuntungan \$75 juta. Tahun 1988-3180 juta; tahun 1990-4565 juta; tahun 1991-\$1.085 bilion.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya Pos Malaysia Berhad juga akan mencatatkan keuntungan-keuntungan seumpama ini. Tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum, Kerajaan yang ada hari ini didukung oleh pengundi-pengundi yang datang daripada kawasan luar bandar. Tidak mungkin Kerajaan akan lupa kepada penduduk luar bandar yang telah memastikan bahawa Kerajaan dipilih pada hari ini. (*Tepuk*) Kalau Pos Malaysia ataupun Telekom Malaysia tidak memberikan perkhidmatan yang baik kepada penduduk luar bandar, Kerajaan terpaksa mengambil satu langkah yang lain, misalnya kita boleh beri lesen kepada orang lain. Pada hari ini, Telekom Malaysia dan Pos Malaysia mendapat keuntungan yang baik oleh kerana kita mewujudkan keadaan monopoli. Walaupun mereka beroperasi dalam keadaan monopoli, mereka mesti memberikan perkhidmatan yang baik terutama sekali kepada penduduk di kawasan luar bandar.

**PRESIDEN/YANG DI-PERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN—  
PERLANTIKAN DARI TOKOH  
POLITIK**

**2. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan brikutan perlantikan tokoh politik sebagai Presiden atau Yang Di-Pertua, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan di beberapa Negeri, adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan perlantikan Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh negara dari golongan ahli-ahli politik.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk menyclaraskan perlantikan Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh negara dari golongan ahli-ahli politik sahaja. Ini adalah kerana mengikut peruntukan seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kuasa bagi melantik Yang Di-Pertua Pihakberkuasa Tempatan adalah di bawah tanggungjawab Pihakberkuasa Negeri. Oleh itu, terpulanglah kepada Pihakberkuasa Negeri melantik sesiapa sahaja yang difikirkan berkelayakan dan sesuai untuk menjadi Yang Di-Pertua Pihakberkuasa Tempatan di bawah pentadbiran masing-masing.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyarankan mereka yang dilantik hendaklah terdiri daripada mereka yang bertugas sepenuh masa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan yang ada sekarang untuk menyelaras dan menyempurnakan perlantikan-perlantikan seumpama itu? Adakah beliau sedar bahawa oleh kerana ada masalah-

masalah seperti berebut tempat-tempat di Majlis-majlis oleh parti-parti komponen Barisan Nasional menyebabkan kelewatan perlantikan ahli-ahli Majlis sehingga tidak ada Majlis-majlis yang tidak boleh mengadakan mesyuarat untuk Majlis yang tertentu dan ini akan menjejaskan perjalanan Majlisnya. Adakah hasrat?

**Seorang Ahli:** *(Keluar)*

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang di sebelah sana, dia hendak dilantik sebagai ahli Majlis maka dia tidak mahu mendengar apa yang betulnya. Dia tidak mahu dengar.

**Beberapa Ahli:** Soalannya apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Soalannya sudah dua, cuma saya hendak tambah sahaja lagi.

**Beberapa Ahli:** Sudah cukup.

**Dr Tan Seng Giaw:** Cukup? Adakah hasrat pihak Kerajaan untuk mengemaskinikan peraluran-peraturan dan undang-undang Kerajaan Tempatan supaya semua boleh berjalan dengan lancar dan bolehkah pihak Kerajaan mempertimbangkan semula cara-cara perlantikannya? Misalnya, diadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, soalnya panjang sangat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang panjang kerana ini satu masalah yang rumit yang direka oleh Barisan Nasional.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Kepong tidur kerana soalnya ialah perlantikan Yang Di-Pertua, bukan perlantikan ahli-ahli Majlis. Saya harap Ahli Yang Berhormat janganlah terlalu excited dalam membuat soalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini yang utamalah. Ini menunjukkan perlantikan ahli Majlis. Yang Di-Pertua sebagai ahli Majlis ....

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri dia kena duduk. Dia tidak boleh bercakap semasa saya tengah berdiri. Dia tidak mengerti undang-undang nampaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia ambil peluang menjawab. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa melantik adalah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan tidak berhak untuk merampas kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Jika hendak berbual demikian, kita terpaksa membuat pindaan kepada Perlembagaan Negara. Saya harap pihak yang bertanya faham mengenai undang-undang. Terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setengah-setengah Majlis Perbandaran seperti Kelang, Presiden dan ahli-ahli Majlis membuat keputusan melarang akhbar dan orang ramai menghadiri Majlis sedangkan MPSA dan MPPJ membenarkannya. Soalan saya ialah, apakah cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membetulkan ketidakseragaman ini?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, setiap Pihakberkuasa Tempatan mempunyai pilihan sama ada mahu membenarkan orang ramai menghadiri majlis persidangan mereka. Saya percaya perkara ini boleh dipertimbangkan oleh mana-mana Majlis.

## BELIA DAN SUKAN—AKTIVITI DI LUAR BANDAR

**3. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada Kememeriannya menyedari bahawa aktiviti belia dan sukan di kalangan belia-belua luar bandar semakin menurun prestasinya di mana padang-padang permainan tidak lagi dipenuhi oleh mereka di waktu sebelah petang;
- (b) apakah sebab-sebab perkara seperti ini boleh berlaku;
- (c) apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, yang sebenarnya pada masa ini aktiviti belia dan sukan di kalangan belia luar bandar telah meningkat. Pelbagai aktiviti belia dan sukan telah berkembang di kawasan luar bandar sekarang ini. Yang nyata sekali ialah dalam bidang latihan kemahiran, perniagaan, pertanian, pengembaraan, seminar serta aktiviti rekreasi dan sukan. Malahan pada hari ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menerima banyak permohonan daripada pertubuhan belia di kawasan luar bandar untuk mendapatkan peruntukan bagi kemudahan padang permainan dan lain-lain lagi.

Berhubung dengan pembangunan belia dan sukan, Kementerian saya sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi penglibatan masyarakat belia dalam aktiviti belia dan sukan. Di antara program utama ialah pelaksanaan 10 Program Induk Belia Negara di mana akan dipergiatkan khasnya di kawasan luar bandar.

**PILIHANRAYA BUKIT  
PAYONG—PERANAN  
ANGGOTA POLIS**

**4. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab begitu ramai polis ditugaskan di kawasan pilihanraya Bukit Payong sehingga terlalu berbeza dengan pilihanraya-pilihanraya kecil yang lain. Adakah tujuannya menggerunkan pengundi-pengundi yang cenderung kepada Pembangkang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan supaya Pilihanraya Kecil Bukit Payong yang lalu bebas dari sebarang kejadian yang tidak diinginkan. Di kawasan pilihanraya ini pernah terjadi beberapa kejadian yang tidak diinginkan seperti pembunuhan yang disebabkan oleh fahaman parit yang berlainan pada tahun 1982 dan pada tahun lepas pula di Kampung Laut dalam kawasan pilihanraya ini, Imam Masjid telah digantikan secara kekerasan.

Memandangkan kawasan pilihanraya ini agak sensitif dan terdedah kepada kemungkinan-kemungkinan kejadian yang menjejaskan keselamatan, maka anggota-anggota polis yang ditempatkan di kawasan pilihanraya Bukit Payong adalah untuk menjaga keselamatan dan keselamatan para pengundi dan memastikan pilihanraya berjalan dengan lancar. Dengan keadaan aman dan tenteram pengundi-pengundi termasuklah penyokong-penyokong parit Pembangkang dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan bebas tanpa rasa takut dan gerun dan dengan itu peratusan pengundi yang keluar mengundi adalah lebih tinggi iaitu 84.7% jauh lebih tinggi dari pilihanraya-pilihanraya yang lalu. Inilah sebenarnya peranan yang telah berjaya dilaksanakan oleh anggota-anggota polis berkenaan.

**Puan Hajah Ilani bin Dato Haji Isahak:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan mencadangkan setiap kali kita mengadakan pilihanraya kecil akan datang ini ribuan polis akan bertugas di kawasan-kawasan itu walaupun kawasan itu aman?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bergantung kepada latar belakang dan sejarah satu-satu kawasan itu. Kalau keadaan kawasan itu aman damai dan dapat rakyat jelata menjalankan tugasnya untuk menjalankan demokrasi, tidak payahlah diadakan anggota polis. Tetapi dalam keadaan seperti ini terpaksa kita adakan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri memberi perincian tentang keselamatan yang wujud di sekitar Bukit Payong sewaktu sebelum pilihanraya kecil diadakan? Saya bertanya demikian, betapakah yang menyebabkan limbunya tidak senang hati di kalangan Pembangkang oleh kerana polis begitu ramai tetapi pada masa yang sama kita dapati banyak majlis-majlis dibuat oleh Pembangkang nyata sekali tidak mengikut peraturan. Rapat umum tidak dibenarkan dan malah mereka mengungkit bahawa rapat umum tidak dibenarkan tetapi mereka mengadakan rapat umum luar biasa iaitu dengan puluhan ribu ramainya dan cara ceramah itu diadakan benar-benar ianya satu rapat umum.

Apakah tanpa bantuan dan sokongan polis yang telah ditunjukkan baru-baru ini dari segi pandangan Kementerian Dalam Negeri, apakah ianya boleh menimbulkan ketidaktertenteraman ataupun huru-hara dalam negara kita ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lepas ini tidak mahulah saya memperkatakan secara terperinci tetapi secara keseluruhannya, kita lihat pilihanraya

ini telah berjalan dengan lancar melainkan hanya dua insiden iaitu kebakaran kereta kepunyaan ADUN Tanggol yang bukan terbakar di kawasan pilihanraya tetapi di Kuala Terengganu dan kebakaran van Jabatan Penerangan Perlis pada 20-4-92. Yang lain-lain itu nampaknya dengan adanya anggota polis, pilihanraya itu telah berjalan dengan baik dan keamanan telah dapat dikekalkan.

#### AIR MANI—PENJUALAN

**5. Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang kes-kes penjualan air mani:

- (a) apakah langkah ini dibenarkan mengikut undang-undang dan juga sama ada ianya bertentangan dengan hukum syarak; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil untuk mengawal keadaan ini supaya tidak berleluasa terutama sekati jika ianya membabit pasangan beragama Islam.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada peruntukan undang-undang yang membenarkan atau melarang penjualan air mani. Dari segi hukum syarak, ia memanglah bertentangan. Walau bagaimanapun, belum ada fatwa rasmi mengenainya dikeluarkan.
- (b) Tindakan yang akan diambil untuk mengawal keadaan ini ialah dengan mengadakan peruntukan undang-undang dan fatwa rasmi serta penerangan dan pendidikan kepada masyarakat khususnya pasangan yang beragama Islam.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Apakah Kerajaan berhasrat untuk membenarkan kepada orang-orang yang bukan beragama Islam untuk melakukan hal yang seperti itu?

**Dato' Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan. Kami sedang dalam perbincangan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi soalnya penjualan. Kalau yang hendak beri "free" itu macam mana, Tuan Yang di-Pertua? (*Ketawa*)

**Dato' Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau yang bertanya itu orang beragama Islam, hukumnya ialah haram. "Free" pun haram. (*Ketawa*)

#### GERAKAN HIZBULLAH DI LEBANON—PERJUANGAN

**6. Tuan Haji Mohamad bin Sabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Malaysia terhadap perjuangan gerakan Hizbullah di Lebanon dalam menentang kewujudan negara haram Israel dan kejayaan Zionis di Palestin dan Lebanon; dan
- (b) apakah Kerajaan Malaysia bersedia menghulurkan bantuan kepada perjuangan Hizbullah sepenimana yang dihulurkan kepada PLO memandangkan Israel kini memperhebatkan serangan tenteranya ke atas pejuang-pejuang dan perjuangan awam yang pro-Hizbullah di Lebanon.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) dan (b) serentak, gerakan Hizbullah merupakan satu di antara beberapa gerakan yang wujud di Lebanon seperti Islamic Amal, Islamic Jihad dan Tawheed Islam, dengan izin yang menentang kewujudan Israel serta pencerobohan, keganasan dan kekejaman Zionis di Lebanon dan Palestin. Walaupun Malaysia menyokong hasrat murni gerakan-gerakan di Lebanon itu seperti Hizbullah di dalam perjuangan mereka menentang Zionis, kita harus jangan lupa akan usaha-usaha oleh pihak berkuasa Lebanon sendiri selaku sebuah negara yang berdaulat di dalam menyelesaikan masalah penjajahan Israel ke atas bumi Lebanon mengikut cara dan tindakan yang difikirkan sesuai olehnya. Justera itu, Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk menghulurkan bantuan kepada parti Hizbullah supaya tidak disalah anggap sebagai mencampuri urusan dalaman di Lebanon.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tidak minatnya Malaysia untuk menghulurkan bantuan kepada gerakan Hizbullah sedangkan gerakan mereka hampir sama dengan gerakan PLO untuk membebaskan Palestin. Apakah ini kerana sidang damai yang dijalankan sekarang menyebabkan Malaysia tidak berminat untuk membantu mana-mana pertubuhan yang mengangkat senjata menghadapi Israel.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** saya sudah sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya kita lebih cenderung membantu negara bukannya badan-badan tertentu disebabkan ianya banyak sangat. Saya cadangkan supaya parti Yang Berhormatlah menderma kepada pertubuhan yang berkenaan.

## **SKIM TABUNG PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI— PENUTUPAN**

**7. Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah projek perumahan terbengkalai yang berjaya dipulihkan menerusi Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) dan berapa lagi yang belum siap sehingga kini; dan
- (b) sama ada benar bahawa tabung ini akan diberhentikan, jika benar, apakah sebab-sebabnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada 28hb April semasa menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Johor Bharu dan juga soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Kota Melaka.

**Tuan Fong Kui Lun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, daripada jumlah perumahan TPPT, berapakah jumlah yang ditolak dan saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan memberi sebab-sebab permohonan oleh pemaju itu ditolak.

Soalan yang kedua, menurut kajian Kementerian, berapakah sebenarnya jumlah projek terbengkalai yang masih tidak memohon kepada TPPT dan adakah sebab mereka tidak merebut peluang ini kerana syarat-syarat TPPT terlalu ketat.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sejak skim ini dibuka permohonan sebanyak 268 telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 188 telahpun diproses dan sebanyak 55 telah ditolak. Antara sebab-sebab yang ditolak itu termasuklah tidak mempunyai pembeli rumah langsung dalam projek berkenaan iaitu kira-kira

27 kes, 11 kes merupakan projek-projek di mana bilangan pembelinya kurang daripada 5 orang dan banyak lagi sebab-sebab yang lain. Tetapi sebab yang utama ialah projek-projek yang dipohonkan itu masih lagi belum dimutakan. Itulah antara sebab-sebab mengapa 55 permohonan ditolak sehingga ini.

Yang keduanya, berkaitan dengan sama ada kajian dibuat, ini tidak dibuat oleh Kemementerian kerana sepertimana dinyatakan peluang yang seluas-luasnya lelahpun diberikan iaitu dari bulan Jun 1990 sehingga Februari 1992, tempoh selama kira-kira 18 bulan diberikan kepada pemohon-pemohon untuk membal permohonan. Oleh yang demikian, adalah difikirkan tidak perlu dibuat kajian sedemikian kerana peluang yang secukupnya telahpun diberikan.

#### **PENGELUARAN BERAS DI VIETNAM—HUBUNGAN LPN**

**8. Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah perhubungan LPN dengan pihak-pihak berkuasa pengeluaran beras di Vietnam. Apakah lain-lain bidang di dalam sektor pertanian yang boleh dimanfaatkan bersama oleh Malaysia dan Vietnam.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, perhubungan LPN dengan pihak-pihak berkuasa pengeluaran beras di Vietnam hanyalah dalam pembelian beras Vietnam. Di dalam hubungan ini, LPN juga membantu menggalakkan pemasaran baja ke Vietnam dan tindakan-tindakan seterusnya di dalam hal ini diambil oleh Syarikat Pertubuhan Peladang MADA (SPPM) dan Petronas. Bidang-bidang sektor pertanian yang boleh dikaji secara lebih mendalam untuk dimanfaatkan bersama oleh Malaysia dan Vietnam ialah dalam pengeluaran dan perdagangan pertanian di mana dalam bidang perdagangan/pertanian terdapat kemungkinan negara

kita boleh memperolehi beberapa komoditi pertanian seperti jagung bijiran yang lebih murah untuk industri ternakan negara.

Dalam bidang pengeluaran terdapat kemungkinan bidang-bidang seperti sektor perladangan, penternakan dan juga ternak air di mana projek-projek usaha sama boleh diadakan di samping menghulurkan bantuan teknik kepada negara Vietnam.

Menerusi projek-projek bantuan teknik, negara kita mungkin boleh juga memperolehi variety-variety baru biji benih dan bahan tanaman yang akan memberi manfaat kepada sektor pertanian negara.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd Hassan:** Soalan tambahan. Saya diberitahu dalam lawatan ke Vietnam baru-baru ini yang balik mengatakan beras Vietnam panjang dan sedap. Adakah dalam rangka pemikiran Kerajaan untuk menanam atau membuka sawah padi di Vietnam walaupun niat yang sama belum dapat kita tunaikan di negeri China.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui bahawa beras di Vietnam adalah baik mutunya dan mendapat sambutan yang baik seperti juga beras-beras daripada negeri-negeri lain di mana kita import beras bagi keperluan negara.

Buat masa sekarang kita tidak ada rancangan untuk mengadakan kawasan menanam padi sawah di negeri Vietnam tetapi kalau ada sektor swasta yang berminat dalam bidang ini kita akan membantu pihak swasta.

**Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah pihak Kementerian akan membuka banyak lagi peluang kepada pengimport-pengimport swasta untuk memasuki beras-beras dari Vietnam dan juga pengeksport-pengeksport barang-

barang perdagangan/pertanian yang disebut tadi. Kerana pada masa ini kita perlu mengambil peluang sebanyak-banyak dari keadaan perdagangan bebas yang mana pengguna-pengguna mungkin mendapat manfaat yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang yang mana LPN memegang monopoli beras ini.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, beras adalah satu komoditi yang memang dimonopoli oleh LPN. Ini adalah satu komoditi yang diperlukan dan oleh kerana itu Kementerian tidak akan membenarkan pihak-pihak lain untuk mengimport beras. Tetapi bagi barang-barang lain untuk dieksport tidak ada sebarang sekatan kepada mana-mana pihak dan usaha-usaha ini boleh dijalankan oleh pihak swasta.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dengan pembelian beras dari Vietnam pihak Bank Bumiputra Malaysia telah membuat hubungan ataupun perjanjian dengan Agriculture Bank of Vietnam, dan untuk tahun ini berapa tan metrik beraskah yang akan diimport dari Vietnam dan juga yang dijangka akan diimport dari Vietnam untuk tahun hadapan. Adakah ini bermakna bahawa pengimportan beras dari Thailand yang pada biasanya berjumlah lebih daripada dua ratus ribu tan hingga empat ribu tan metrik setahun akan dikurangkan supaya kita dapat membeli beras dari Vietnam? Dan adakah Kementerian bercadang untuk menggalakkan kilang-kilang beras ditempatkan di Vietnam untuk maksud tersebut?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang buat sementara ini untuk menubuhkan kilang-kilang di luar daripada negara kita. Untuk penjelasan Ahli Yang Berhormat, kita mengimport beras bukan sahaja dari Vietnam tetapi juga daripada negara-negara lain seperti Thailand, baru-baru ini dari negara India dan juga lain-lain

negara. Ini adalah untuk memenuhi keperluan beras dalam negara dan tidak ada tujuan lain dan kita membeli beras ini adalah dengan harga yang kompetitif dan mempunyai kualiti yang baik. Maka pada tahun 1991 kita telah membeli sebanyak 64 ribu tan metrik beras daripada Vietnam dan nilainya adalah lebih kurang \$49 juta dan pada tahun 1992 sehingga bulan Mac, kita telah membeli beras sebanyak lebih kurang 60,000 tan metrik yang bernilai \$44 juta dan kita tidak ada satu anggaran yang tetap mengenai beras yang akan dibeli pada tahun 1993. Ini kita akan ubah dari masa ke semasa mengikut keperluan negara.

#### **BEKALAN AIR LUAR BANDAR— PERUNTUKAN DI SARAWAK**

**9. Tuan Robert Lau How Chew** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

(a) jumlah keseluruhan peruntukan dan projek-projek utama yang dicadangkan bagi tahun 1992 dan di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk memasang bekalan air paip di kawasan luar bandar di:

- (i) seluruh negeri Sarawak;
- (ii) Parliamentary Constituency Sibu (P. 172).

Untuk pengetahuan Menteri, penduduk-penduduk menghadapi kesukaran untuk mendapatkan air minuman bersih disebabkan oleh kedua-dua air sungai dan hujan telah dicemar dengan teruknya oleh pembangunan pelbagai jenis industri;

(b) jumlah keseluruhan peruntukan dan projek-projek utama yang dicadangkan bagi tahun 1992 dan di dalam Rancangan Malaysia

Keenam bagi memasang bekalan elektrik di kawasan luar bandar di:

- (i) seluruh negeri Sarawak;
  - (ii) Parliamentary Constituency Sibü (P. 172).
- (c) jumlah keseluruhan peruntukan dan projek-projek utama dalam tahun 1992 dan di dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membangunkan jalan-jalan dan jambatan luar bandar di kawasan luar bandar di:
- (i) seluruh negeri Sarawak;
  - (ii) Parliamentary Constituency Sibü (P. 172).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Jumlah keseluruhan peruntukan untuk projek Bekalan Air Luar Bandar di dalam Rancangan Malaysia Keenam di Negeri Sarawak adalah sebanyak \$79.3 juta dan dalam tahun 1992 adalah sebanyak \$13.9 juta. Manakala bagi kawasan Parlimen Sibü (P. 173) di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah sebanyak \$9.332 juta yang melibatkan 4 projek utama bekalan air luar bandar. Peruntukan untuk kawasan Parlimen Sibü 1992 adalah sebanyak \$3.2 juta yang melibalkan dua projek.
- (b) Jumlah keseluruhan peruntukan untuk projek bekalan elektrik luar bandar di dalam Rancangan Malaysia Keenam di negeri Sarawak adalah sebanyak \$210 juta dan dalam tahun 1992 adalah sebanyak \$30 juta. Manakala bagi kawasan Parlimen Sibü bagi tahun 1992 ialah sebanyak \$1.638 juta yang melibatkan lima projek.

- (c) Jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam di Negeri Sarawak ialah \$38.62 juta yang melibatkan 40 buah projek dan 29 buah jambatan. Pelaksanaan projek jalan luar bandar dijalankan berperingkat-peringkat dan bersambungan. Sebanyak \$9.83 juta diperlukan untuk perlaksanaan 20 buah projek jalan luar bandar. Tiada peruntukan di bawah jalan luar bandar bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam dan tahun 1992 bagi Parlimen Sibü.

#### **PROJEK PERUMAHAN— KELEWATAN PENGELUARAN SIJIL (CF)**

**10. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan:

- (a) projek-projek perumahan yang lambat mendapat Sijil Kelayakan untuk duduk (CF) yang mengakibatkan terlalu banyak kesulitan kepada para pembeli khususnya yang telah membuat pinjaman bank atau Kerajaan; dan
- (b) Pinjaman Perumahan oleh Pegawai Kerajaan yang gagal untuk dibuat potongan bagi pembayaran semula yang menyebabkan kerugian di pihak Kerajaan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar mengenai kelambatan untuk mendapatkan sijil kelayakan menduduki (CF) dan tindakan untuk mempercepatkannya telahpun diambil. Pihak perunding ataupun konsultan pemaju-pemaju perumahan diminta mengemukakan surat-surat sokongan dan akuan dari semua agensi-

agensi teknikal semasa menghantar borang "E" kepada pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Berkuasa Tempatan selepas menerima borang "E" tersebut akan mengeluarkan sijil kelayakan menduduki (CF) dalam masa dua minggu.

Jawatankuasa Tempatan telah menctapkan jangkamasa bagi agensi-agensi teknikal untuk membuat ulasan dan komen kepada pihak konsultan pemaju-pemaju perumahan supaya semua syarat-syarat yang diperlukan termaklum dan perubahan yang diperlu dibuat untuk memenuhi syarat-syarat bagi mengemukakan borang "E" kepada pihak Berkuasa Tempatan. Adalah dijangkakan masalah ini akan dapat diselesaikan dengan procedure yang telah diperkenalkan ini iaitu semua sijil CF akan dapat dikeluarkan dalam masa dua minggu selepas borang "E" diserahkan kepada Pihakberkuasa Tempatan.

Menjawab soalan (b), perkara pinjaman perumahan adalah di luar bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana ia diuruskan oleh pihak Perbendaharaan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, berapakah jumlah rumah-rumah yang sudah siap diduduki tanpa CF di seluruh negara ini? Itu soalan pertama.

Soalan kedua, sesudah Jawatankuasa dibentuk untuk menyelesaikan masalah CF ini, yang sudahpun banyak mendapat publisiti, saya ingin tahu berapakah jumlah yang sudah selesai dan sudahpun dikeluarkan sijil CF ini? Terima kasih.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, masalah CF ini adalah unik sedikit kerana ada Majlis

Perbandaran ataupun Pihakberkuasa Tempatan yang mengeluarkan sijil CF terlalu cepat tetapi kemudahan-kemudahan asas tidak wujud, seperti bekalan air belum selesai, tetapi CF telah diberikan. Tetapi kebanyakannya adalah terbalik di mana CF tidak dapat diberikan kerana kemudahan-kemudahan asas tidak ada. Pihak Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah ini dan keputusan telah dibuat untuk melaksanakan perkara ini bermula pada bulan Julai. Jadi, pelarasannya belum dilaksanakan, masalah ini belum lagi dapat diselesaikan. Adalah dijangkakan perkara ini akan diselesaikan selepas habis bulan Julai, insya Allah.

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian sedar bahawa Pemaju Perumahan biasanya meminta pembeli rumah untuk mengambil kunci rumah mereka walaupun tiada sijil kelayakan menduduki (CF)? Ada terdapat keadaan di mana ketiadaan bekalan elektrik atau bekalan air di rumah tersebut. Tujuan mereka memberi kunci itu ialah untuk menjamin supaya pemaju perumahan tidak dikenakan untuk membayar ganti rugi bagi late delivery, dengan izin, selepas pengambilan kunci-kunci, walaupun rumah tersebut masih belum siap untuk didiami di sisi undang-undang.

Kedua, adakah Kementerian bertujuan untuk mengeluarkan satu peraturan supaya pembelian rumah baru dalam sesuatu projek perumahan hanya boleh dibuat seiepas CF dikeluarkan dan pemaju mesti juga menggabungkan satu clause dalam surat perjanjian jual beli yang tetap bahawa ganti rugi untuk kelewatan pemberian atau late delivery akan dikira selepas 24 bulan dari tarikh perjanjian itu ditandatangani sehingga kepada tarikh CF telah dikeluarkan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya selepas prosedur yang dicadangkan dibuat, Kerajaan bersedia untuk meminda Akta Pemaju Perumahan termasuklah menahan pembayaran-pembayaran yang dibuat kepada pemaju-pemaju. Kemungkinan kita akan memperkenalkan perubahan iaitu pembayaran-pembayaran tidak akan diberikan kelulusan sekiranya pihak pemaju belum lagi menyelesaikan masalah infrastrukturnya. Itu kemungkinan-kemungkinan yang akan dimasukkan dalam pindaan.

Saya berpendapat, di masa yang lalu pihak consultant ataupun perunding pemaju tidak mendapatkan keperluan kelulusan daripada pihak agensi-agensi teknikal sebelum mereka menghantar permohonan atau Borang "E" untuk mendapatkan Sijil Perumahan. Jadi, oleh sebab Borang "E" ini dihantar kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk diluluskan dan jika ianya tidak mencukupi syarat, maka Pihak Berkuasa Tempatan tidak boleh meluluskan. Oleh sebab itu pada masa akan datang kita tidak akan menerima Borang "E" ini sehingga syarat-syarat kelulusan teknikal itu diluluskan ataupun diperakui oleh agensi-agensi leknikal tersebut.

#### **PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI SEBERANG PRAI TENGAH**

**11. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) projek-projek perumahan yang masih terbengkalai di Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang dengan menyebutkan nama-nama projek dan lokasi-lokasinya;
- (b) apakah pertolongan telah, sedang dan akan diberi oleh Kementeriannya kepada

pem. beli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju projek ini;

- (c) apakah perkembangan terbaru berkenaan dengan Projek Perumahan Taman Bunga Mawar (Lot 679 Mukim II Bukit Mertajam) itu; dan
- (d) mengapa tuan-tuan tanah asal Taman ini terpaksa membayar bayaran tambahan kepada pemaju projek perumahan taman ini yang terbaru dan apakah pertolongan atau bantuan akan diberi kepada tuan-tuan tanah asal itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat 31 Disember 1991 sebanyak 2 projek perumahan swasta yang masih terbengkalai di daerah Seberang Perai Tengah. Kedua-dua projek tersebut masih di dalam peringkat kajian kemungkinan. Lokasi projek-projek tersebut adalah seperti berikut:
  - (i) Taman Bunga Mawar, Fasal 1 dan 2, Mukim 11 dan Mukim 13 Seberang Perai Tengah.
  - (ii) Taman Kampung Baru, Lol 864 Mukim 15 Seberang Perai Tengah.
- (b) Mengenai pemulihan projek perumahan yang terbengkalai, peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanyalah sebagai orang tengah atau, dengan izin, fasilitator, untuk menemukan semua pihak yang terlibat dalam projek-projek yang berkenaan, berbincang untuk mencari jalan, untuk memulihkan dan menyiapkan projek-projek terbengkalai demi kebaikan semua pihak terutama pembeli-pembeli rumah. Tanpa kerjasama

dari semua pihak, kerja-kerja pemulihan projek tidak akan dapat diselesaikan dengan berkesan.

- (c) Berhubung dengan perkembangan projek perumahan Taman Bunga Mawar, Bukit Mertajam, adalah difahamkan bahawa pemaju telah menyerahkan projek tersebut kepada Mui Finance yang berminat untuk meneruskan projek tersebut.
- (d) Projek Taman Bunga Mawar ini adalah satu projek usahasama di antara pemaju dan tuan tanah berdasarkan satu perjanjian atau private arrangement, dengan izin, yang dilandatangani oleh kedua-dua pihak. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai maklumat berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang.

(Soalan No. 72 Y.B. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang tidak hadir)

#### TINDAKAN DISIPLIN TERHADAP GURU DAN MURID—BILANGAN

**13. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan guru dan murid sekolah yang dikenakan tindakan disiptin oleh kerana berbagai kesalahan mengikut negeri di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan murid sekolah dan guru yang dikenakan tindakan disiplin

oleh kerana berbagai kesalahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negri</i>	<i>Bilangan Murid</i>	<i>Bilangan Guru</i>
Perak	28,938	26
Selangor	20,267	17
Pahang	15,338	10
Johor	13,891	13
Kelantan	9,008	12
Melaka	6,897	7
Kedah	9,670	10
Pulau Pinang	12,065	13
Negeri Sembilan	9,289	10
Pcrlis	2,063	0
Terengganu	7,297	1
Wilayah Persekutuan	21,573	23
Sabah	2,648	7
Sarawak	9,652	18
Jumlah Besar	168,596	167

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, apakah jenis-jenis kesalahan yang telah dilakukan oleh guru-guru tersebut?

Dan soalan yang kedua, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian setakat ini?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan tatatertib yang diambil terhadap guru dan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan adalah kerana berbagai kesalahan yang melanggar Perintah-perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab D) 1980.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah program yang Kementerian lakukan untuk membantu murid-murid yang dikenakan tindakan disiplin?

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu faham soalan itu.

**Tuan Fong Kui Lun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah program yang Kementerian lakukan untuk membantu murid-murid yang dikenakan tindakan disiplin.

**Dr Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program yang kita jalankan untuk mengelakkan pelajar-pelajar kita terbabit dalam kegiatan yang tidak sihat adalah berbagai kegiatan kokurikulum dan juga meningkatkan kegiatan-kegiatan yang disediakan oleh pihak sekolah dan yang telah dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan menerusi Program Kokurikulum di sekolah-sekolah.

#### FILEM-FILEM CINA DARI HONG KONG—TAYANGAN DI RTM

**14. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Penerangan menyalakan:

- (a) mengapakah pihak Kementerian hanya mengurangkan dan mengambil lindungan ke atas filem-filem dari Hong Kong kerana mempunyai unsur-unsur keganasan dan seks tetapi tidak ke atas filem-filem dari bahasa lain yang mempunyai unsur-unsur yang sama;
- (b) mengapakah pihak Kementerian enggan menggantikan filem-filem Hong Kong dengan filem-film bermutu seni dari Negeri China atau Taiwan yang tidak mempunyai adegan seks atau keganasan;
- (c) mengapakah program-program tempatan yang menggantikan filem-filem import ini semuanya dalam Bahasa Kantonis dan bukan dalam Bahasa Mandarin serta adakah cadangan dibuat untuk memulihkan drama Mandarin seperti "Drama Pelangi".

(d) berapa banyakkah drama tempatan dalam Bahasa Mandarin dan Kantonis akan ditayangkan; dan

(e) berapa banyak peruntukan yang diberikan untuk drama tempatan Bahasa Mandarin atau Kantonis.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Usaha RTM untuk mengawal filem-filem lucu atau filem-filem yang berunsurkan seks dan keganasan adalah menyeluruh. Oleh itu tidak benar ianya bermatlamatkan untuk filem-filem dari Hong Kong sahaja.
- (b) Kementerian Penerangan tidak perlu menghalang penayangan filem-filem bermutu daripada Negeri China atau daripada Taiwan jika ianyadidapali sesuai untuk disiarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RTM pernah menayangkan filem-filem dari kedua-dua negara yang disebutkan di atas pada satu masa dahulu.

- (c) RTM dari masa ke semasa pernah menayangkan rancangan-rancangan tempatan dalam bahasa Mandarin. Filem-filem Cina sama ada diimport atau buatan tempatan didapati diminati oleh rakyat Malaysia semua kaum. Oleh kerana populariti pada masa ini adalah filem-filem dalam bahasa Kantonis, siaran filem-filem atau dratna Cina adalah tertakluk kepada selera penonton pada satu-satu masa. RTM tidak ada halangan dan tidak akan menghalang penayangan rancangan tempatan dalam bahasa Mandarin jika pengusaha-pengusaha filem tempatan bersedia mengeluarkan karya

yang bermutu dan bersesuaian dengan kriteria RTM buat masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, pada masa ini RTM tidak lagi menayangkan drama "Pelangi" kerana drama-drama tempatan yang lain didapati lebih sesuai untuk ditayangkan.

- (d) Seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan baru-baru ini, RTM sedang berusaha untuk memenuhi dasar 80% pengeluaran drama dan filem-filem tempatan menjelang tahun 2000. Drama atau filem bahasa Cina itu adalah tertakluk kepada dasar berkenaan, Dasar ini akan menggalakkan pertumbuhan pengusaha-pengusaha drama dan filem tempatan yang mampu mengeluarkan drama-drama dan filem-filem dalam bahasa Cina, sama ada Mandarin, Kantonis ataupun lain-lain dialect, dengan izin.
- (e) Peruntukan yang dibekalkan untuk rancangan tempatan tidak dipecahkan mengikut bahasa. Pembelian program-program drama akan dilakukan berdasarkan keperluan dan jadual siaran.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tiga ataupun empat bulan lepas Superman II dicadang untuk ditayangkan di kaca televisyen, lepas itu filem itu ditarik balik dan diganti dengan satu cerita bernama "Flowers in the Attic". Landasan mengatakan Superman adalah satu fantasi yang mana Flowers in the Attic menunjukkan sadism, sex, brutality dan berbagai-bagai lagi. Apakah rasional di belakang penukaran filem yang tersebut?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini

tidak ada kena-mengena dengan drama Mandarin atau Kantonis, tetapi ingin saya menjelaskan serba sedikit berhubung perkara yang ditanya, Saya percaya setiap filem yang dimainkan di RTM telah pun ditapis oleh Lembaga Penapis Filem dan juga ditapis oleh Jawalankuasa Penapis Filem RTM sendiri. Apabila sesebuah filem diluluskan untuk ditayangkan, bcrerti ia tidak mungkin menimbulkan sebarang kontroversi yang serius pada umumnya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilangan drama tempatan yang ditayangkan dan nampaknya semua adalah dalam satu dialect. Bolehkah pihak Kementerian menimbang bahawa salah satu daripada drama tempatan yang ditayangkan adalah dalam bahasa Mandarin memandangkan bahawa kaum Cina mempunyai dialect yang berlainan dan bahawa bahasa pengantar bagi kaum Cina adalah bahasa Mandarin. Bolehkah ini ditimbang bahawa sekurang-kurangnya satu drama Mandarin dilayangkan.

Yang kedua, mengenai program dalam bahasa Cina, adakah pihak MCA dan Gerakan pernah meminta pihak Kementerian mengenai perkara ini dan juga bahawa TV3 menyiarkan bahasa Mandarin dengan pihak Kementerian?

**Tuan Railey bin Haji Jaffrey:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira dalam jawapan saya tadi lelah pun saya terangkan bahawa RTM tidak menghalang sama ada sesebuah drama itu dalam bahasa Mandarin, bahasa Kantonis atau Hokkien, Hakka dan sebagainya. Tetapi buat masa kini kita dapati bahawa drama-drama atau filem-filem sama ada buatan Malaysia ataupun yang diimport daripada luar, yang berbahasa Kantonis adalah didapati lebih popular menurut survey kita, apatah lagi yang telah dibuktikan melalui penajaan sendiri. Itulah sebabnya kita lebih mem-

banyakkan siaran drama-drama ataupun filem dalam bahasa Kantonis. Tetapi dalam jawapan saya tadi, saya telah terangkan bahawa jika ada filem-filem dalam bahasa Mandarin yang bermutu dan daripada segi penajanya juga diterima dan begitu popular sekali, jika bersedia menerimanya.

Yang kedua, berhubung dengan soal sama ada Gerakan atau MCA pernah menyiarkan soal filem-filem Mandarin ataupun tidak, ini boleh disiasat. Tetapi sama ada soal MCA, Gerakan ataupun DAP, kita pertimbangkan sama ada penerimaan daripada orang ramai itu ada. Kalau ada penerimaan filem Kantonis, kita akan buat. Kalau ramai menerima siaran Mandarin dan popular kepada pcnajaan, kita akan terima.

#### **FILEM "TURTLE BEACH"—SINOPSIS**

**15. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sudahkah pihak Malaysia mendapatkan sinopsis filem "Turtle Beach" terbitan swasta Australia serta maklum balas terhadap tayangannya di pawagam Australia dan Amerika Syarikat mulai 19 Mac 1992. Apakah sinopsis tersebut dan bagaimanakah reaksi tayangan filem tersebut. Adakah filem tersebut mempunyai persamaan pola dan motif dengan filem-filem lain terbitan Australia seperti "Slow Boat to Surabaya" dan "Embassy". Adakah benar tuduhan Australian People's Conference bahawa sebilangan besar usaha mensabotaj serta memfitnah Malaysia yang berpangkalan di Australia adalah didalangi oleh pihak Zionis yang beroperasi di benua tersebut. Apakah lindakan Kerajaan Malaysia terhadap usaha mensabotaj serta memfitnah sebegini.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri telah menerima sinopsis dan juga pita rakaman

video "Turtle Beach" daripada perwakilan kita di Canberra. Pihak Wisma Putra telah menonton filem tersebut dan mendapati bahawa filemnya bermutu rendah dan penuh dengan fakta yang salah dan bohong mengenai negara kita Malaysia. Secara ringkasnya, filem ini ialah mengenai seorang wartawan wanita Australia yang ditugaskan ke Malaysia untuk membuat liputan berita mengenai masalah pendatang haram Vietnam. Objektif filem ini agak sama dengan filem "Slow Boat to Surabaya" dan "Embassy", iaitu untuk menjatuhkan imej dan maruah Malaysia di kacamata anlarabangsa. Namun begitu, filem "Turtle Beach" tidak dapat sambutan daripada rakyat Australia seperti yang diharap-harapkan oleh pihak pengeluar dan penerbil filem kerana filem itu tidak bermutu. Oleh itu, tempoh tayangannya pun pendek, tidak sampai 2 minggu dan penontonnya juga tidak ramai, hendak dapat separuh penuh pawagam pun susah.

Pihak media massa Australia juga mengecam filem "Turtle Beach" dan menekankan bahawa Malaysia mempunyai rekod yang baik dalam layanannya terhadap pendatang haram Vietnam.

Tuduhan Australia People's Conference bahawa sebilangan besar usaha mensabotaj serta memfitnah Malaysia yang berpangkalan di Australia adalah didalangi oleh pihak Zionis yang beroperasi di benua tersebut sedang disiasat oleh pihak Kementerian Luar Negeri.

Kerajaan sememangnya mengambil tindakan untuk menentang usaha mensabotaj serta memfitnah negara kita yang sedemikian, seperti mengadakan program lawatan untuk wartawan asing melawat ke Malaysia supaya mereka dapat dan boleh menyaksikan sendiri kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh kita. Selain daripada itu, pegawai-pegawai kita di perwakilan Malaysia di seberang laut terus menjalin

hubungan rapat dengan pihak media massa tempatan dan memberi mereka fakta-fakta yang betul dan benar untuk membetulkan langgapan salah mengenai Malaysia.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Becrapa scene ataupun senario di dalam filem "Turtle Beach" tersebut berlatarbelakangkan setting di sebuah negara jiran, iaitu di Haadyai dan di Phuket yang menggambarkan banyak keburukan-keburukan yang ada di tempat-tempat tersebut seolah-olah itu adalah Malaysia. Adakah setting pada film ini tidak dibuat di Malaysia kerana Kerajaan Malaysia tidak membenarkan syarikat tersebut membuat penggambaran di Malaysia?

Soalan yang kedua, adakah benar bahawa seorang Atase Pendidikan Malaysia terlibat berlakon di dalam filem tersebut. Kalau benar, apakah tindakan kita dan adakah kita akan melarang selepas ini pegawai-pegawai kita melibatkan diri di dalam filem-filem yang dikeluarkan oleh syarikat dari negara asing?

**Dato' Dr Abdulah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan bagi soalan pertama, memang benar filem tersebut bukan dibuat di Malaysia, tetapi di negara Thailand, khususnya di Phuket.

Untuk soalan yang kedua itu, adalah benar juga tentang ada pekerja kita yang pada mulanya kita tidak tahu apa tujuan filem tersebut dan telahpun bersetuju untuk berlakon dalam filem yang berkenaan dan beliau sebenarnya tidak bersalah, setelah kita membuat siasatan. Maka untuk masa-masa muka, kita akan menasihatkan warganegara kita bila dijemput untuk berlakon dalam mana-mana filem harus tahu tentang apakah bentuk rupa dan cara filem itu sebelum mereka menerima mana-mana jemputan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa terperanjat sedikit dengan jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pengakuan bahawa terdapat salah seorang pegawai kita yang mengambil bahagian di dalam penerbitan filem Turtle Beach ini. Saya hendak tahu apakah tindakan yang diambil terhadap pegawai tersebut, adakah kita panggil balik, ambil tindakan disiplin, pecat dia atau sebagainya kerana seorang pegawai yang kita letakkan di luar negeri ini kita berharap bahawa pegawai ini menjaga imej, bukannya menurunkan imej negara kita. Jadi, saya mahu tahu apakah tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan terhadap pegawai tersebut?

**Dato' Dr Abdulah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setelah disiasat oleh pihak Kementerian Luar Negeri tentang pegawai yang berkenaan, sebenarnya tidak ada niat jahat dan kebetulan beliau tidak tahu langsung tentang apakah sebenar filem yang dijemput berlakon itu ada mempunyai motif yang tidak baik atau tidak terhadap Malaysia. Beliau pun menyatakan bahawa beliau berasa begitu kesal sekali kerana terheret untuk berlakon dalam filem yang tersebut. Oleh kerana penyiasatan menunjukkan bahawasanya beliau tidaklah mempunyai apa-apa motif yang jahat, maka pihak Kementerian Luar Negeri tidak mengambil tindakan yang tegas terhadap beliau.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Penjelasan sedikit, mungkin Yang Berhormat kurang jelas. Maksud saya itu, kalau itu jawapannya, kalau sekiranya besok ada seorang dua pegawai kita di Kedutaan kita di luar negeri mengambil bahagian dalam filem-filem yang boleh meruntuhkan imej negara kita dengan memberi alasan kemudiannya selepas disiasat bahawa beliau tidak sedar, tidak ada niat atau motif dan sebagainya, ini saya rasa satu perkara yang pada pandangan saya kita

mesti ambil tindakan tegas supaya ianya menjadi pengajaran kepada pegawai-pegawai kita yang lain, Ini saya rasa jawapan yang Ahli-ahli Yang Berhormat lain hendakkan dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Dr Abduliah Fadzil bin Che**

**Wan:** Saya kira kalau ada selepas ini mungkin kita akan bertegas. Oleh kerana ini pertama kalinya, bukan selalu, bukan biasa pegawai-pegawai kita dijumpai untuk berlakon dalam mana-mana film dan peranan pun amat kecil sekali dan tidak langsung membabitkan mana-mana episod yang memburukkan Malaysia di atas peranan yang beliau mainkan. Saya kira perkara ini tidak perlu Yang Berhormat khuatir sangat. Saya tidak yakin dan tidak percaya di lain-lain masa pegawai-pegawai kita akan begitu mudah untuk ditarik berlakon dalam mana-mana filem terbilan luar negara.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar**

**bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa perfileman Turtle Beach dibuat di negara Thailand. Saya tidak tahulah di mana negara Thailand, kata Yang Berhormat dari Tasck Chenderoh di Phuket dan di Haadyai, tetapi saya percaya di negara Thailand. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, memandang bahawa ini adalah pada anggapan saya satu pembohongan yang amat besar terhadap Kerajaan dan rakyat Malaysia, adakah pihak Kementerian Luar Negeri mengambil apa-apa tindakan memandangkan negara Thailand ini adalah sebuah anggota ASEAN. Adakah pihak Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan terhadap negara Thailand ataupun membawa perkara ini di dalam mesyuarat-mesyuarat ASEAN dan menetapkan supaya perkara-perkara seumpama ini tidak berulang lagi terhadap mana-mana negara di dalam ASEAN?

Soalan yang kedua, adakah pihak Kerajaan ingin atau mencadangkan supaya kita juga mengambil tindakbalas supaya memberi galakan kepada industri perfileman tempatan mengeluarkan filem-filem bukan sahaja menangkis, tetapi juga menjelaskan dan menerangkan bahawa negara-negara seperti Australia tidak kurang buruknya kejadian-kejadian yang berlaku. Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Australia terhadap orang-orang Asli atau orang-orang Aborigines Australia.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che**

**Wan:** Tuan Yang di-Pertua, selahu kita, pihak Thailand tidak lahu menahu tentang hajat dan hasrat penerbit ataupun pengeluar filem Turtle Beach itu apabila mereka membuat filem itu di negara berkenaan. Maka, kita tidak salahkan Thailand pun, tidak berapa tepat juga, tetapi saya percaya kalau diketahui oleh pihak Kerajaan Thailand ataupun mana-mana negara jiran dalam ASEAN, sudah tentu mereka tidak akan membenarkan mana-mana syarikat perfileman luar negara untuk membuat filem di negara mereka.

Untuk soalan yang kedua itu, oleh kerana filem itu dibuat oleh pihak swasta di Australia dan Kerajaan Australia sendiri pun telah menjauhkan diri mereka daripada filem tersebut dan menyatakan bahawasanya mereka tidak setuju dan menyatakan bahawasanya cerita yang dibuat itu adalah pembohongan semata-mata. Maka, pihak Kerajaan Malaysia tidak ingin mengambil tindakbalas terhadap Kerajaan Australia, tetapi kalau mana-mana pihak pengeluar filem hendak membuat cerita tentang mana-mana negara, pihak Kerajaan tidak ada apa-apa halangan. Yang pentingnya, kita mesti tonjolkan apa yang betul dan benar. Kita tahu ada juga di negara yang maju yang telah lebih jauh membangun daripada kita, banyak juga masalah ataupun keburukan seperti di USA ketika ini, rusuhan di California, harus

didedahkan juga. Tetapi yang penting-nya maklumat, facts mesti betul, jangan bohong seperti filem "Turtle Beach". Kita akan buat, kita akan galakkan orang-orang kita buat, kalau ianya berdasarkan kebenaran, harus kita terangkan, harus kita dedahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12,16 hingga 69 adalah diberi di bawah ini).*

**RAKYAT TERMISKIN—  
KECICIRAN DALAM  
PEMBANGUNAN**

**12. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kementerian sedar tentang keciciran sesetengah golongan masyarakat dalam arus pembangunan negara:

- (a) berapa peratuskah penduduk Malaysia yang terkandung dalam golongan Rakyat Termiskin dan berapa ramaikah yang mendapat perhatian melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin; dan
- (b) apakah peringkat umur yang melayakkan seseorang itu dikenalpasti sebagai golongan termiskin dan apakah purata umur tertinggi mengenai golongan rakyat termiskin di Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Kerajaan sedar tentang keciciran sesetengah golongan masyarakat dalam arus pembangunan negara:

- (a) 4% daripada penduduk Malaysia adalah terdiri dari rakyat

termiskin. Seramai 143,100 isirumah termiskin sedang mendapat perhatian di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT);

- (b) Tiada had umur bagi seseorang itu dikenalpasti sebagai golongan termiskin. Secara purata, 60.6% dari mereka adalah pada peringkat umur 50 tahun ke atas.

**PETRONAS—NILAI KONTRAK**

**16. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa jumlah nilai kontrak yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan dengan PETRONAS sejak penubuhan, Berapa banyakkah syarikat didaftarkan sebagai kontraktor PETRONAS. Sila beri pecahan mengikut Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Berapa banyakkah syarikat asing didaftarkan sebagai kontraktor PETRONAS dan berapakah nilai kontrak yang ditawarkan kepada mereka; dan
- (b) berapakah jumlah syarikat yang diberi lesen untuk mencarigali minyak dan gas di Sarawak amnya dan Baram khususnya dalam masa tempoh lima tahun yang lalu. Apakah hasil usaha carigali yang dijalankan di negeri Sarawak dan di Baram khususnya.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah nilai kontrak yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan dengan PETRONAS sejak tahun 1977 adalah sebanyak \$31,651.0 juta.

Setakat 31hb Disember 1991, jumlah syarikat yang didaftarkan sebagai kontraktor PETRONAS adalah sebanyak 2,222 buah. Dari jumlah ini, 1,424 buah adalah di Semenanjung Malaysia, 140 buah dari Sabah dan 523 buah dari Sarawak.

Jumlah syarikat asing, iaitu usahasama dengan warganegara/syarikat asing di mana bumi-putera mempunyai sekurang-kurangnya 30% penyertaan di peringkat ekuiti, Lembaga Pengarah, Pengurusan dan tenaga mahir, yang berdaftar dengan PETRONAS setakat 31hb Disember 1991 ialah sebanyak 135. Nilai kontrak yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat tersebut sejak tahun 1977 adalah sebanyak \$18,311-0 juta.

- (b) Jumlah syarikat yang diberi lesen untuk mencarigali minyak dan gas di Sarawak dalam tempoh 5 tahun yang lalu adalah sebanyak 12 buah. Dari jumlah tersebut, 4 buah syarikat beroperasi di kawasan Baram. Sejak tahun 1988, sebanyak 7 medan minyak dan 6 medan gas telah ditemui di Sarawak. Dari jumlah tersebut, dua medan minyak dan sebuah medan gas telah dijumpai di kawasan Baram.

#### LEMBAGA LETRIK SABAH, TAWAU—KEBOCORAN MINYAK HITAM

**17. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berkaitan dengan kebocoran minyak hitam di stesen Lembaga Letrik Sabah, Tawau telah mencerminkan drum-drum yang berdekatan dan Tawau serta beberapa kali menyebabkan kebakaran yang besar; adakah tindakan segera dapat

diambil untuk mengalihkan atau menghapuskan minyak hitam tersebut oleh kerana seluruh tenaga stesen dan perumahan di sepanjang parit dan Sungai Tawau akan musnah; dan nyalakan juga:

- (a) sama ada beliau ketahui bahawa terdapat kira-kira 1 juta liter injin minyak hitam yang tidak berguna masih tersimpan di stesen Lembaga Letrik Sabah, Tawau; dan
- (b) sekiranya ya, mengapakah stesen ini masih menyimpan injin minyak hitam ini dan untuk apa.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tindakan yang perlu telah diambil bagi mencegah dan mengurangkan kebocoran minyak hitam serta pengalirannya ke tempat awam. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh LLS termasuklah memasang perangkap minyak (oil trap) dan menggunakan bahan kimia seperti 'oil dispersant' ke atas minyak hitam tersebut. Penggunaan kimia ini dapat mengurangkan kejadian pencemaran air dan kebakaran. Di samping itu, dengan mengisikan minyak hitam ke dalam deram dan tangki, pengaliran minyak tersebut telah dapat dikawal.

Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian ini telah berhubung dengan Majlis Perbandaran Tawau untuk mendapatkan tapak bagi membuang minyak hitam. Dengan adanya tempat pembuangan itu, perkara ini tidak lagi akan mendatangkan masalah kepada orang awam.

Minyak hitam di stesen LLS Tawau itu hanya disimpan buat sementara sahaja iaitu sebelum ianya ditawarkan untuk dijual kepada pembeli. Tawaran bagi mempelawa pembelian minyak hitam tersebut telahpun dikeluarkan melalui suratkhbar tempatan dan kebangsaan.

**MARA—SKIM PINJAMAN  
MENGIKUT KAEDAH ISLAM**

**18. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) MARA telah membuat kajian untuk melaksanakan pinjaman mengikut kaedah Islam iaitu bebas dari riba. Adakah kajian itu telah selesai dan bila ia hendak ditaksanakan;
- (b) adakah peminjam yang sedia ada akan diminta membuat perjanjian baru supaya dapat diterapkan di bawah kaedah ini. Jika tidak, mengapa;
- (c) sila huraikan sedikit kaedah itu jika ia hendak dilaksanakan; dan
- (d) adakah MARA menghadapi implikasi kewangan untuk melaksanakan sistem tersebut. Jika ada, banyak mana.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (a) Pihak MARA telah pun selesai membuat kajian untuk melaksanakan skim pinjaman mengikut kaedah Islam. Skim pinjaman ini akan dilaksanakan. sebaik sahaja Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) selesai menyediakan Buku Panduan "Loan Manual" skim berkenaan.
- (b) Pemberian opsyen akan dibuat kepada semua peminjam sama ada membuat perjanjian baru atau tidak dan tidak ada paksaan dikenakan ke atas pemilihan mereka.
- (c) Secara ringkas kaedah pelaksanaan skim pinjaman yang

dicadangkan itu adalah seperti berikut:

- (i) *Bai'Bithaman Ajil (BBA)*  
(*Jualan Harga Tangguh*)

Di bawah skim ini pinjaman diberi meliputi pembelian harta tetap dan modal pusingan. Pinjaman ini memerlukan cagaran seperti tanah kepunyaan peminjam sendiri. Dengan pinjaman ini peminjam bolehlah memulakan sebarang perniagaan/perusahaan yang halal dari segi Agama Islam. Wang pinjaman bolehlah dibuat sebagai modal pusingan seperti membayar gaji, dan juga untuk membeli harta tetap seperti pembelian mesin-mesin dan alat-alat jentera.

- (ii) *Al-Murabah* (*Jualan Dengan Tambahan Untung*)

Di bawah skim ini pinjaman diberi hanya untuk pembelian harta tetap sahaja dan tanah yang dicagar adalah bukan kepunyaan peminjam. Memandangkan tanah cagaran adalah bukan kepunyaan peminjam, maka akad jual-beli tanah berkenaan di antara peminjam dan MARA tidak dapat dilakukan. Sekiranya peminjam tidak mempunyai tanah, persetujuan dengan tuan tanah perlulah diambil bagi mengadaikan tanah tersebut kepada pihak MARA mengikut peraturan Jabatan Tanah. Justeru itu wang pinjaman diberi adalah

khas untuk pembelian harta tetap sahaja. Dengan lain perkataan MARA membeli harta tetap terlebih dahulu dan dijual kepada peminjam dengan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

(iii) *Al-Ijrah (Leasing)*

Di bawah skim ini pinjaman diberi untuk kenderaan sahaja seperti bas, lori dan sebagainya.

- (d) Pelaksanaan skim ini tidak akan menimbulkan implikasi kewangan oleh kerana tidak banyak perbcaaan dengan sistem yang ada sekarang khususnya dari segi kiraan ansuran.

**HUBUNGAN MALAYSIA  
DENGAN NEGARA ANGGOTA  
KOMANWEL NEGARA-NEGARA  
MERDEKA**

**19. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Luar Negeri menyalakan:

- (a) setelah republik-republik umat Islam berpisah dari CIS, setakat mana hubungan dijalinan oleh Malaysia bagi mengerat hubungan antara wilayah-wilayah tersebut dengan negara ini;
- (b) apakah Malaysia bercadang untuk membuka Kedutaan di republik-republik berkenaan? Jika tidak, bagaimanakah hubungan negara diwakili di situ.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Sukacita saya mengambil peluang ini bagi menjelaskan bahawa apabila Kesatuan Soviet dibubarkan melalui Perjanjian Alma-Ata pada 21 Disember 1991, kesemua 12 republik-republik bekas Kesatuan Soviet adalah dengan

sendirinya menjadi merdeka dan berdaulat dan menganggotai Komanwel Negara-Negara Merdeka. Hanya Republik Georgia tidak menyertai Komanwel tersebut.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, republik-republik di Asia Tengah yang dimaksudkan tidak berpisah malahan adalah anggota Komanwel Negara-Negara Merdeka (CIS).

Malaysia memang berhasrat untuk mengadakan hubungan rapat dengan negara-negara anggota CIS. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri akan melawat republik-republik di Asia Tengah pada pertengahan bulan Mei hadapan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas bagaimana Malaysia boleh bekerjasama dan membantu mereka. Penyertaan wakil-wakil daripada Uzbekistan, Azerbaijan dan Khazakhstan di dalam Majlis Tilawah Al-Quran yang lepas akan mendekatkan hubungan dengan republik-republik Asia Tengah tersebut.

- (b) Pada masa ini Malaysia masih belum lagi ada rancangan untuk menubuhkan Kedutaan baru di republik Asia Tengah. Buat masa ini semua hubungan dengan republik-republik berkenaan dibuat melalui Datu Besar kita di Moscow. Semua republik anggota CIS mempunyai wakil di Moscow yang berhubung dengan perwakilan asing.

**TARAF PENDIDIKAN  
DI SARAWAK—MENINGKATKAN**

**20. Tuan Joseph Mauh ak Ikeh** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramai orang Penan  
(i) lepasan universiti;

- (ii) yang telah menjadi doktor, akauntan, arkitek dan peguam;
  - (iii) guru.
- (b) tentang peruntukan dan seterusnya meluluskan pembinaan dan pembinaan tambahan asrama, rumah guru dan bangunan sekolah bagi sekolah-sekolah berikut di negeri Sarawak:
- (i) SRK Ulu Kakus (Badang), di Daerah Tatau;
  - (ii) SRK Nanga Tau. Ulu Anap, di Daerah Tatau;
  - (iii) SRK Nanga Sidang, Sungai Anap, di Daerah Tatau;
  - (iv) SRK Nagau Kua, Ulu Mukah, di Daerah Mukah;
  - (v) SRK Sungai Duan, Ulu Balingian, di Daerah Kecil Balingian;
  - (vi) SRK Selabi, Pakoh, Ulu Oya, di Daerah Dalat; dan
  - (vii) SRK Nanga Peluga, Ulu Balingian, di Daerah Kecil Balingian.

**Dr. Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tiada perangkaan khusus seperti yang ditimbulkan. Perangkaan yang ada sekarang adalah berdasarkan kciurunan majoriti sahaja.
- (b) Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk meninggalkan taraf pendidikan di semua sekolah di Sarawak terutama sekali di luar bandar dengan mengadakan kemudahan fizikal di sekolah mengikut keperluan supaya murid-murid dapat belajar dalam keadaan yang lebih selesa. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah membina 2 unit rumah guru di SRK Ulu

Kakus yang berharga \$15,600.00 dan pembinaan satu blok dewan makan di SRK Sungai Duan yang berharga \$27,988.00. Semua sekolah luar bandar terutama di Sarawak telah dipertimbangkan untuk kerja-kerja baikpulih dan naiktaraf dalam jangkasa panjang. Pelaksanaan bergantung kepada kedudukan kewangan negara pada sesuatu masa.

**TENAGA NASIONAL  
BHD/SYARIKAT TELEKOM  
MALAYSIA—PENYERTAAN  
KONTRAKTOR BUMIPUTERA**

**21. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) setakat manakah perkembangan dan tindakan yang diambil terhadap permintaan Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Bumiputera untuk meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat bumiputera dalam kontrak-kontrak Tenaga Nasionat dan Telekom Malaysia; dan
- (b) apakah jenis-jenis projek Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia yang ditawarkan kepada syarikat-syarikat bumiputera yang melebihi nilai satu juta ringgit; senaraikan nama-nama syarikat berjaya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**

- (a) Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dan saya sendiri lelah mengadakan satu perbincangan dengan Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Bumiputera pada 26hb Februari 1992 untuk membincangkan beberapa

perkara mengenai kerja-kerja yang boleh diperolehi oleh Gabungan Kontraktor Melayu dan kerja-kerja kontrak yang ditawarkan oleh Syarikat Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Bhd.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera. Oleh yang demikian, kebanyakan projek-projek TNB and STM yang boleh dilaksanakan oleh kontraktor tempatan telah pun ditawarkan kepada kontraktor bumiputera. Jenis-jenis kerja yang telah ditawarkan adalah kerja-kerja kejuruteraan awam, pembinaan perumahan, kaki-langan, pembinaan pencawang-pencawang, kerja-kerja menanam dan pemasangan kabel elektrik dan telefon dan juga bekalan elektrik luar bandar. Bagi projek-projek yang memerlukan alat kelengkapan yang berteknologi tinggi dan diimport dari luar negeri, TNB terpaksa menawarkannya kepada kontraktor-kontraktor antara-bangsa.

TNB telah menubuhkan Unit Penyelarasan Penyertaan Bumiputera untuk membimbing dan menggalakkan penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera. Beberapa langkah telah juga diambil untuk mempertingkatkan lagi penyertaan bumiputera seperti berikut:

- (i) TNB telah berusaha mengadakan dialog dan program latihan supaya dapat menyampaikan maklumat lanjut mengenai projek-projek TNB kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

- (ii) Bagi projek-projek antarabangsa, TNB telah menyarankan kepada mereka supaya kerja-kerja sivil sejauh mana yang boleh, dilaksanakan secara usahasama/subkontrak dengan kontraktor bumiputera.

- (iii) Pada bulan Mac tahun ini satu Majlis Bersama TNB/GKM (Gabungan Kontraktor Melayu) ditubuhkan untuk mengkaji dan mengenalpasti projek-projek yang sesuai untuk penyertaan bumiputera. Kontrak-kontrak yang sesuai diberi secara tender yang dirundingkan (negotiated tender).

- (iv) Senarai projek-projek TNB juga telah dihantar kepada Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Bumiputera.

Untuk Syarikat Telekom Malaysia pula, di samping menawarkan kerja-kerja tender, syarikat berkenaan telah pun bersetuju untuk menanggung belanja bagi melatih 5 orang pekerja GKM di Institut Latihan Telekom untuk membolehkan mereka mendapatkan kemahiran yang perlu bagi menjalankan kerja-kerja kontrak di STM.

Sehingga hari ini, terdapat sejumlah 76 kontrak yang telah ditawarkan kerja dan pakej bernilai di antara \$0.5 sehingga \$15 juta.

- (b) Memandangkan senarai projek itu panjang saya minta izin untuk mengemukakannya kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis.

**KANAK-KANAK CACAT  
DI SABAH DAN SARAWAK—  
BILANGAN**

**22. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pcbangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan kanak-kanak cacat yang terdapat di:
  - (i) Sabah
  - (ii) Sarawak.
- (b) bilangan kanak-kanak cacat yang masih tinggal di pusat kanak-kanak cacat dan yang masih tinggal di rumah masing-masing bagi:
  - (i) Sabah
  - (ii) Sarawak
  - (iii) Wilayah Persekutuan Labuan.

**Dato' Napsiah binti Omar:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Mac 1992 bilangan kanak-kanak cacat yang didaftarkan di Negeri Sabah ialah seramai 1,067 orang dan di Negeri Sarawak ialah seramai 396 orang.
- (b) Bilangan kanak-kanak cacat yang masih tinggal di Pusat/Institusi di Negeri Sabah adalah seramai 57, di Negeri Sarawak seramai 14 dan di Wilayah Persekutuan Labuan seramai 2 orang. Manakala bilangan kanak-kanak cacat yang masih tinggal di rumah masing-masing di Negeri Sabah adalah seramai 1,010, di Negeri Sarawak seramai 384 dan di Wilayah Persekutuan Labuan seramai 37 orang. Pendaftaran kanak-kanak cacat adalah secara sukarela dan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang cacat digalakkan untuk mendaftarkan anak mereka

dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri-negeri yang berkenaan supaya mendapat perkhidmatan yang diperlukan. Pusat Kanak-Kanak Cacat atau institusi cacat itu memberi latihan atau pemulihan bagi pelbagai jenis kecacatan yang terdiri dari institusi yang ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri seperti di Sabah dan Sarawak ataupun badan-badan sukarela.

Pada masa ini, bagi Negeri Sabah dan Sarawak perkhidmatan orang cacat adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan masing-masing bertanggungjawab di atas perkhidmatan ini.

**HOSPITAL DAERAH  
RANAU—PEMBESARAN**

**23. Tuan Osman Minudin** minta Menteri Kesihatan menyatakan Rumah Sakit Daerah Ranau telah siap dibina pada tahun 1973 iaitu sudah pun lebih kurang 20 tahun. Sejak itu penduduk di Daerah Ranau telah bertambah dan rumah sakit ini tidak lagi menampung keperluan masyarakat di Daerah ini. Adakah Kementerian Kesihatan akan memperbesarkan lagi bangunan rumah sakit tersebut dan menambahkan kakitangan yang berkelayakan atau akan membina sebuah lagi bangunan baru di tempat yang lain di Daerah ini. Kalau ya, bilakah rancangan ini akan dimulakan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima cadangan untuk memperbesarkan Hospital Daerah Ranau. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, cadangan-cadangan yang telah disyorkan adalah pembrehan Unit Bekalan Suci-hama Pusat dan Pembinaan Janakuasa Tunggusedia. Walau bagaimanapun, syor-syor ini tidak diberi keutamaan projek-projek yang akan

dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Keperluan Hospital Ranau akan dikaji semula semasa Kajian Pertengahan Pcnnggal Rancangan Malaysia Keenam.

#### **KWSP—KELEMAHAN KAWALAN KESELAMATAN**

**24. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sedar bahawa kawalan keselamatan mengenai caruman wang dalam KWSP sangat lemah sejak beberapa tahun lalu, dan menimbulkan kebimbangan kepada orang ramai. Kes tandatangan Arumugam sebagai Menteri Kewangan baru-baru ini dalam permohonan mengeluarkan wang caruman KWSP adalah di antara kelemahan kawalan keselamatan dalam KWSP. Sama ada Menteri Kewangan

- (a) menubuhkan satu Suruhanjaya DiRaja bagi mengkaji semula fungsi KWSP serta membuat cadangan merombak struktur dalam pentadbiran yang sudah tidak berkesan kerana diwarisi sejak penjajah, atau
- (b) melantik jawatankuasa Parlimen yang dianggotai oleh pelbagai pihak lermasuk parti pembangkang, kcsatuan sekcrja dan badan-badan bebas mengenai pengawas dalam urusan KWSP.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Adalah tidak tepat untuk mcngatakan bahawa kawalan keselamatan ke atas simpanan Ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sangat lemah sejak beberapa lahun lalu. Bagi tahun 1991, KWSP telah meluluskan sebanyak 97,966 permohonan daripada ahli-ahli untuk mengeluarkan simpanan mereka melalui Skim Pengeluaran Perumahan. Selain daripada ini, KWSP juga telah meluluskan sebanyak 116,481 permohonan bagi mengeluarkan simpanan mereka di KWSP di bawah skim-skim pengeluaran yang lain.

Berbanding dengan bilangan permohonan pengeluaran untuk perumahan ini, bilangan 95 kes percubaan penipuan yang disebut adalah 0.1% daripada jumlah permohonan yang telah diproses. Ini tnenunjukkan keberkesanan sistem kawalan yang diamalkan oleh KWSP.

Namun demikian, KWSP memandangkan berat ke atas percubaan penipuan tersebut dan telah mengambil langkah-langkah unluk memperkukuhkan lagi sistem kawalan dan keselamatannya ke atas simpanan ahli-ahli. Satu daripada langkah ini ialah penubuhan sebuah jawatankuasa dalaman yang dianggotai oleh pengurusan tertinggi KWSP untuk mengkaji kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud dalam sistem yang diamalkan sekarang.

Oleh yang demikian, Kementerian berpendapat adalah tidak perlu untuk mengadakan Suruhanjaya DiRaja atau Jawatankuasa Parlimen seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

#### **WANG KERTAS SATU RINGGIT—KEKURANGAN**

**25. Tuan Lim Lay Hoon** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa kekurangan wang kertas satu ringgit dalam pasaran telah menimbulkan masalah dan menyusahkan orang ramai yang terpaksa menggunakan syiling yang begitu beral sebagai gantian.

- (a) adakah benar bahawa Bank Negara tidak akan mengeluarkan wang kertas satu ringgit lagi; dan
- (b) jika ya, bolehkah Bank Negara menimbulkan semula cadangan tersebut supaya wang kertas dapat terus dikeluarkan.

**20. Tuan FongKui Lun** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang Bank Simpanan Nasional (BSN) yang terpaksa mengambil masa

10 hari untuk 'clear'kan koin Malaysia yang dibankkan oleh penyimpannya, begitu juga cek yang dibankkan dalam akaun BSN mengambil masa 10 hari untuk di'clear'kan; jika sedar, apakah langkah yang diambil untuk membaiki kelemahan ini sedangkan bank-bank perdagangan boleh menyelesaikannya dalam tempoh yang singkat.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Klang yang dijadualkan dijawab pada 19 Mei 1992, saya mohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu sebentar sekarang.

Kerajaan memang sedar bahawa kekurangan wang kertas \$1.00 sekarang ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan sesetengah pihak kerana terpaksa menggunakan wang syiling \$1.00 yang agak berat. Kekurangan ini adalah ekoran daripada keputusan Kerajaan untuk menggantikan penggunaan wang kertas \$1.00 dengan wang syiling \$1.00 seperti mana yang telah diumumkan pada 1 September 1989.

Penggantian itu adalah dibuat secara berperingkat-peringkat di mana wang kertas \$1.00 akan terus diedarkan bersama wang syiling \$1.00 sehingga stoknya habis. Penggantian secara berperingkat-peringkat ini juga adalah bertujuan untuk membiasakan orang ramai dengan penggunaan wang syiling \$1.00. Dengan demikian, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengedarkan lagi wang kertas \$1.00 apabila stoknya habis nanti.

Sebelum Kerajaan memutuskan untuk mengeluarkan wang kertas \$1.00 sebagai menggantikan wang kertas \$1.00 kajian mendalam telah pun dibuat dan didapati sesuai dilaksanakan kerana ia boleh menjimatkan wang Kerajaan iaitu dari segi mencetakkan semula wang dan juga kos pengendalannya. Ini adalah kerana purata pusingan hayat bagi wang

kertas hanya dalam lingkungan 8 bulan hingga setahun manakala purata pusingan hayat bagi wang syiling adalah kira-kira 20 tahun.

### PROGRAM SATU KAMPUNG SATU BARANGAN

**26. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa buah negerikah di negara ini yang sudah melancarkan program Satu Kampung Satu Barangan (One Village One Product). Nyatakan negeri-negeri tersebut;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk melancarkan program ini bagi seluruh negara; dan
- (c) adakah faedah-faedah dan kebaikan yang akan diperolehi dari program ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Yang Berhormat, program ini memerlukan penelilian yang mendalam dan setakat ini Kerajaan belum lagi melancarkan program tersebut.

### PELAJAR DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI— TINDAKAN ATAS KESALAHAN

**27. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Pendidikan menyatakan di antara tahun 1986 hingga 1991:

- (a) jumlah pelajar pengajian tinggi dalam dan luar negeri yang digantung dan ditamatkan pengajian mereka, ditarik balik biasiswa kerana berbagai kesalahan;
- (b) jumlah pelajar sekolah yang dipecat, digantung persekolahan mereka kerana kesalahan yang serupa;
- (c) jenis kesalahan yang terlibat; dan

- (d) jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan akibat tindakan tersebut.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar di institusi-inslitusi pengajian tinggi di dalam negeri yang digantung dan ditamatkan pengajian mereka serta ditarik balik biasiswa ialah seramai 3 orang manakala di luar negeri pula seramai 16 orang. Setiap kes telah dikaji dengan teliti supaya seseorang pelajar tidak teraniaya. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling diberi dari masa ke semasa pada pelajar-pelajar yang berkenaan sebelum tindakan sewajarnya diambil.
- (b) Bilangan pelajar yang dikenakan lindakan buang sekolah adalah seramai 481 orang manakala 3,465 orang pula dikenakan tindakan gantung persekolahan.
- (c) Di antara kesalahan yang sering dikenakan tindakan dibuang sekolah atau digantung persekolahan adalah kesalahan-kesalahan yang berat seperti penglibatan pelajar dalam kegiatan kongsi gelap, peras ugut, ancaman kepada guru atau sebarang kesalahan yang mengganggu ketenteraman dan keselamatan pelajar, guru dan sekolah. Walau bagaimanapun,

tindakan buang sekolah dan gantung persekolahan adalah tindakan terakhir pihak sekolah terhadap pelajar-pelajar setelah memberi khidmat kaunseling dan amaran.

- (d) Jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan akibat tindakan tersebut ialah sebanyak \$1.02juta.

**LEMBAGA URUSAN DAN  
TABUNG HAJI—PERBELANJAAN  
MENUNAIKAN HAJI**

**28. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak menggunakan keuntungannya untuk menurunkan perbelanjaan bagi menunaikan haji sedangkan tujuan penubuhan lembaga tersebut adalah hendak meramaikan lagi mereka yang boleh menunaikan haji.

**Tuan Othman bin Abdul:**

Sememangnya Tabung Haji menggunakan keuntungannya untuk menampung sebahagian dari kos pengendalian haji. Ini bermakna, secara, tidak langsung kadar wang naik haji yang dibayar oleh jemaah haji sekarang ini menjadi kurang kerana telah ditanggung oleh Tabung Haji.

Sebagai contoh, Tabung Haji telah menampung sebahagian dari kos pengendalian haji seperti berikut:

Tahun	Kos Keseluruhan Pengendalian Haji	Bantuan Kerajaan Pusat		Perbelanjaan Tanggungan Tabung Haji		Jumlah Subsidi Jemaah Haji
		Jumlah	Kadar Seorang	Jumlah	Kadar Seorang	
	S (Juta)	\$ (Juta)	\$	S (Juta)	\$	\$
1988	9.8	9	296.47	0.8	26.35	322.83
1989	12.85	8	238.73	4.85	144.73	383.46
1990	12.16	7	186.85	5.16	137.73	324.58
1991	13.35	6	242.42	7.35	296.97	539.39
1992	23.04*	4	114.29*	19.04*	537.43*	651.172*

Ini bermakna, jumlah wang naik haji sebenarnya bagi Semenanjung Malaysia ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Wang Naik Haji</i>		<i>Jumlah Wang Naik Haji Sebenar</i>
	<i>Yang dibayar Oleh Jemaah Haji</i>	<i>Tanggung Kerajaan dan Tabung Haji</i>	
1988	\$5,000	322.83	5,322.83
1989	5,000	383.46	5,383.46
1990	5,500	324.58	5,824.58
1991	5,500	539.39	6,039.39
1992	5,500	651.172*	6,151.72*

\* Anggaran

## PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN

**29. Tuan James Jimbun anak Pungga** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementeriaannya akan mempertimbangkan semua cadangan tentang projek hidro Bakun, memandangkan projek ini dapat memberi faedah kepada Negeri Sarawak serta projek elektronik dan dapat mengeluarkan sumber tenaga letrik keseluruh negeri di Malaysia bagi menampung keperluan kuasa tenaga dalam negara kita yang sedang berkembang pesat ke arah perindustrian dalam usaha Kerajaan kita untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

5-5-92.

**51. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyalakan:

- (a) detail tentang projek HEP Bakun yang akan dihidup semula, seperti kos projek itu, sumber kewangan untuk membiayai projek, amaun tenaga elektrik dikeluarkan dll;
- (b) adakah suatu penilaian baru akan dijalankan untuk projek tersebut, memandangkan bahawa projek baru adalah jauh berbeza dari cadangan projek asal, dan adakah

suatu EIA telah dibuat mengikut peraturan-peraturan di bawah Environmental Quality Control Act; dan

- (c) apakah langkah-langkah akan diambil untuk menjaga mereka yang akan terpaksa dipindah ekoran daripada pelaksanaan projek HEP Bakun.

14-5-92.

**10. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Bakun Dam di Sarawak akan dibinakan dan jumlah anggaran perbelanjannya dan sebab-sebab projek ini dipulih semula (revive).

20-5-92.

**4. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan Sama ada Projek Hidro Bakun sedang dihidupkan semula; jika begiluh, bilakah kerja-kerja ke atas projek ini dirancang untuk bermula dan sama ada para penduduk di kawasan tadahan ("catchment area") diberi keterangan dan pandangan penduduk dipertimbangkan terlebih dahulu.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Saya bercadang untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kapit mengenai projek hidro

elektrik Bakun bersekali dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching (Tuan Sim Kwang Yang) pada 5-5-1992, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas (Tuan Michael Lisa Kaya) pada 14-5-92 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang (Tuan Billy Abit Joo) pada 20-5-1992 kerana mencynctuh perkara yang sama.

Kerajaan pada masa ini sedang mempertimbangkan beberapa alternatif untuk menyediakan bekalan elektrik yang cukup bagi menampung pembangunan negara di dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Dalam hubungan ini potensi pembangunan projek-projek hidro di Lembah Rajang adalah dalam rangka pertimbangan Kerajaan. Di Lembah Rajang terdapat beberapa lokasi di mana potensi mengadakan stesen janakuasa setelah dikenalpasti antaranya ialah di Murum dan di Bakun.

Suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan akan menjalankan kajian kemungkinan projek hidro di Sungai Murum pada tahun ini. Kerajaan juga pada masa ini sedang menimbang untuk mengkaji semula pembangunan Projek Hidro Bakun. Oleh kerana itu detail-detail mengenai kos projek, sumber kewangan dan keupayaan penanaan projek-projek tersebut belum dapat diberi pada masa ini.

Mengenai soalan kajian impek kepada alam sekitar sebagaimana yang dikehendaki di bawah Undang-undang Alam Sekitar, kajian ini akan dijalankan bersama kajian kemungkinan projek.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat tentu tersedia maklum, penduduk-penduduk yang terlibat dalam kawasan tadahan projek hidro perlu dipindahkan. Mereka akan diberi penerangan dan akan dipindahkan berdasarkan langkah-langkah yang akan meningkatkan taraf hidup mereka.

### PELARIAN MYANMAR— PENDIRIAN KERAJAAN MALAYSIA

**30. Dato' Dr Afnfudin bin Haji Omar** minta Menteri Luar Negeri menyalakan apakah perkembangan di dalam sikap Junta Military Myanmar selepas Malaysia dan seterusnya OIC membuat pendirian membantah kezaliman yang dilakukan terhadap orang-orang Islam di Myanmar. Andainya kezaliman ini diteruskan apakah bentuk-bentuk tindakan yang akan diambil pada peringkat-peringkat antarabangsa.

6-5-92.

**46. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah sikap Malaysia terhadap keengganan regim di Myanmar enggan menyerahkan kuasa kepada pihak yang memenangi pilihanraya umum di negara itu empat tahun lalu;
- (b) apakah sikap Malaysia terhadap langkah tentera dan komplot yang merampas kuasa di Algeria yang menafikan kemenangan yang diperolehi oleh FIS dalam pilihanraya bebas di negara itu; dan
- (c) memandangkan adanya perbuatan dan sikap tidak menghormati keputusan oleh kedua-dua regim itu, apakah langkah yang diatnbil oleh Wisma Putra bagi mempengaruhi pemerintahan haram di kedua negara menerima keputusan rakyat dan menyerahkan pemerintahan kepada pihak yang dipilih rakyat.

**47. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengembalikan kaum Rohingya yang beragama

Islam supaya dapat kembali ke Myanmar dari Bangladesh dan lain-lain negara dan apakah jaminan bahawa kaum Rohingya yang masih berada di Myanmar tidak akan ditindas serta jaminan pelarian yang pulang nanti dijamin keselamatan dan keadilan mereka;

- (b) jelaskan tindakan bersendirian Malaysia dengan Myanmar, tindakan bersama ASEAN dan lindakan bersama dengan OIC; dan
- (c) apakah sikap dan langkah yang Wisma Putra lakukan apabila Duta Myanmar di Kuala Lumpur menganggap bahawa pelarian di Bangladesh itu bukan warganegaraanya, sebaliknya adalah kaum pendatang.

12-5-92.

**53. Dr Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah lindakan-tindakan diplomatik Kerajaan untuk meringankan penderitaan yang dialami oleh kaum Rohingya di Myanmar.

13-5-92.

**4. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan yang sebenar mengenai pelarian orang Islam Rohingya di Myanmar. Apakah benar ini adalah pendatang haram seperti yang didakwa oleh Kerajaan Myanmar melalui duta mereka baru-baru ini;
- (b) adakah sokongan Kerajaan ke atas masalah pelarian Rohingya ini masih dileruskan;
- (c) apakah usaha-usaha dan bantuan Kerajaan di peringkat antarabangsa untuk membantu Rohingya ini.

**9. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dengan jelasnya mengenai:

- (a) pendirian negara berhubung dengan isu pelarian rakyat Myanmar yang beragama Islam ke Bangladesh; dan
- (b) apakah tindakan diplomasi antarabangsa yang telah diambil oleh negara ini bagi menunjukkan pendirian tegas negara terhadap tindakan kejam, ganas dan tidak berperikemanusiaan pihak Kerajaan Myanmar sekarang.

**61. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed** meminta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah tegas yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu pelarian Islam Rohingya di Myanmar.

20-5-92.

**15. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam mencari perdamaian di Myanmar di antara pihak-pihak yang bersengketa di sana. Adakah bantuan yang diberi oleh Malaysia kepada pelarian Rohingya menjejaskan persahabatan Malaysia dan Myanmar.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, soalan mengenai pelarian Myanmar atau lebih dikenali sebagai Rohingya telah dua kali dikemukakan pada sidang kali ini, iaitu pada 28 dan 30 April 1992. Seperti Yang Berhormat sedia maklum juga, kedua-dua soalan itu telah pun dijawab.

Lanjut dari itu, saya juga telah menerima tujuh lagi soalan-soalan yang berkaitan dengan isu pelarian Myanmar ini dan memandangkan kesemua soalan-soalan tersebut adalah berkaitan, izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan-soalan tersebut secara serentak.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa yang lain, telah mengambil pendirian yang tegas di dalam isu pelarian Myanmar ini. Di sini ingin saya nyatakan bahawa ketegasan ini telah berjaya memujuk pihak-pihak yang terlibat di dalam isu ini, terutama sekali Kerajaan Myanmar untuk segera mencari jalan penyelesaian terhadap isu tersebut.

Kerajaan Myanmar telah pun mengutuskan Menteri Luarnya ke Bangladesh untuk berbincang dengan rakan sejawatnya. Di dalam hal ini Kerajaan Malaysia merasa bersyukur kerana Kerajaan Myanmar telah pun melembutkan pendiriannya dan bersetuju untuk mengambil semula pelarian-pelarian tersebut. Kerajaan Myanmar juga telah mengiktirafkan pelarian-pelarian tersebut sebagai sebahagian daripada rakyatnya dan telah berjanji untuk tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap pelarian-pelarian tersebut.

#### BANGUNAN SEKOLAH USANG

**31. Tuan Wahab bin Suhaili** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sudah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian tersebut untuk mengatasi masalah bangunan sekolah yang sudah berusia lebih daripada 30 tahun, sudah menyebabkan beberapa kemalangan terhadap murid-murid di sekolah berikut:

- (i) SRK Kpg. Iboi, Sadong Jaya; dan
- (ii) SRK Kpg. Sg. Putin, Sadong Jaya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap masalah bangunan sekolah yang sudah lama dan berkeadaan usang. Untuk mengatasi masalah tersebut beberapa

langkah diambil di antaranya ialah melakukan Kerja-Kerja Pembaikan Kecil dan Penyelenggaraan, Program Ubahsuai dan Naiktaraf sekolah serta Projek Tambahan dan Gantian.

Berhubung dengan dua sekolah yang dikemukakan, sehingga hari ini pihak Jabatan Pendidikan Sarawak belum pernah menerima laporan kemalangan mengenai bangunan runtuh di sekolah berkenaan.

#### BUKU TEKS UNTUK DARJAH 1 DAN 2—PERBEZAAN

**32. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Menteri sedar yang buku-buku Inggeris yang diguna oleh murid darjah 1 dan 2 dalam sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan itu berbeza, kenapa ini dibuat dan tidakkah ini akan menjejaskan prestasi murid-murid tersebut;
- (b) adakah Kementerian sedar yang sekolah-sekolah tidak mengikut jadual waktu yang ditetapkan hingga anak-anak terpaksa membawa semua buku-buku ke sekolah. Perkara ini bukan sahaja berlaku di Sarawak tetapi juga di Semenanjung Malaysia; dan
- (c) adakah Kementerian sedar yang guru-guru mengajar di sekolah tiada mengikut program syllabus teratur, terperinci dengan cara sistematik hingga murid-murid sekolah dilonggok dengan kerja-kerja sekolah terutama sekali di masa sebelum atau selepas cuti sekolah untuk menghabiskan masa pelajaran yang ketinggalan,

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari

bahawa sekolah-sekolah menggunakan berbagai buku teks dan buku kerja bagi murid Tahun I dan Tahun II kerana Kementerian Pendidikan menyenaraikan buku teks yang diperakukan oleh pihak Kementerian sendiri. Pihak sekolah memilih dari senarai itu. Guru-guru dibekalkan dengan sukatan pelajaran, Buku Panduan Khas dan kit matapelajaran. Pihak Kementerian Pendidikan yakin prestasi murid tidak terjejas jika guru menggunakan sepenuhnya bahan-bahan di atas dalam pengajaran-pembelajaran dan pemilihan buku untuk Tahun I dan Tahun II.

- (b) Kementerian Pendidikan tidak menyedari bahawa ada murid yang terpaksa membawa semua buku ke sekolah kerana ini berlaku pada beberapa buah sekolah tertentu. Lazimnya, pihak sekolah membekalkan jadual waktu pada semua murid dan murid akan membuat persediaan mengikut jadual waktu harian tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan akan memberi perhatian agar arahan mengikut jadual waktu sekolah tersebut diikuti.
- (c) Kementerian Pendidikan menyedari kadangkala pelajar terpaksa membuat banyak latihan atau kerja sekolah. Hal ini berlaku kerana guru mahu memastikan pelajar mereka mendapat lalihan yang mencukupi. Ada latihan bersifat latihan biasa, ada pula latihan pemulihan dan juga pengayaan. Kementerian Pendidikan akan maklumkan kepada sekolah-sekolah untuk menyelaraskan aktiviti yang berkenaan supaya pelajar tidak tertekan untuk membuat kerja-kerja sekolah yang banyak dalam satu masa.

### **EKSPORT KAYU BALAK DARI SARAWAK**

**33. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah juta cubic meter kayu balak telah dieksportkan daripada Sarawak dalam tahun 1989, 1990 dan 1992;
- (b) apakah langkah akan diambil untuk menghadkan pengeksportan kayu balak daripada Negeri Sarawak ke paras 9 juta cubic meter seperti yang dicadangkan oleh ITTO untuk memastikan "sustainable management" sumber hutan di negeri itu; dan
- (c) apakah tindakan sedang diambil untuk menggalakkan industri berdasarkan kayu di Negeri Sarawak, serta mencari pasaran baru untuk hasil dari industri tersebut supaya mendapat keuntungan "value added".

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):**

- (a) Eksport kayu balak dari Sarawak pada tahun 1989, 1990, 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

1989	—	14.96 juta meter padu
1990	—	15.79 juta meter padu
1991	—	15.75 juta meter padu
1992	—	maklumat belum diperolehi

- (b) Usaha sedang giat dijalankan oleh Kerajaan untuk mengurangkan eksport kayu balak dari Sarawak dengan cara menggalakkan pengeksportan keluaran kayu separuh dan sepenuh siapa. Sebenarnya, saranan ITTO yang dimaksudkan

- itu bukanlah bertujuan menghadkan eksport kayu balak Sarawak kepada 9.2 juta meter padu setahun. Sebaliknya saranan tersebut ditujukan kepada paras pengeluaran tahunan daripada kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di Sarawak yang akan membolehkan negeri tersebut mencapai tahap penghasilan yang berkekalan.
- (c) Tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk menggalakkan industri pemprosesan kayu di Sarawak dan mencari pasaran baru untuk hasil industri tersebut supaya mendapat nilai tokok, adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri Sarawak telah menyediakan insentif tambahan dalam bentuk pemotongan (abatment) 80% ke atas royalti balak yang diproses di dalam negeri untuk dijadikan kayu gergaji, venir, plywood, kayu kumai dan parquet.
  - (ii) Kerajaan Negeri Sarawak telah menyediakan zon-zon pemrosesan kayu seperti di Sejingkat di Kuching, Tanjung Manis di Sarikei, Kemena di Bintulu dan Baram di Miri yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur.
  - (iii) memastikan pengilang-pengilang tempatan mempunyai sumber kayu yang mencukupi untuk diproses. Bagi tujuan ini pengeksport-pengeksport balak diwajibkan membekalkan 20% daripada balak mereka kepada pengilang-pengilang tempatan.
  - (iv) menyediakan Tabung Penyusunan Industri (Industrial Adjustment fund) yang bertujuan memberi pinjaman bagi pembelian mesin, lagi dan peralatan baru untuk pembesaran atau penempatan semula syarikat berasaskan kayu yang sedia ada dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak.
  - (v) menghantar misi perdagangan ke luar negeri bagi mempertahankan dan mengukuhkan pasaran sedia ada di samping menerokai pasaran-pasaran baru bagi keluaran kayu-kayan Malaysia.
  - (vi) mengurus dan menangkis kempen anti kayu tropika yang dilancarkan di beberapa buah negara pengguna yang cuba mengenakan label, sekatan dan pengharaman ke atas penggunaan kayu tropika.

### "BIOSPHERE"

#### DI SARAWAK—PENUBUHAN

**34. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang mewujudkan satu atau lebih "biosphere" di Negeri Sarawak, khasnya di kawasan Magoh, dengan tujuan memelihara alam sekitar hutan di kawasan Baram, memastikan hak-hak kaum Penan kepada cara hidup mereka, dan membantu penyelidikan sains.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan "biosphere" di Sarawak kerana Kerajaan Negeri telah pun

mempunyai kawasan hutan protektif (protective forest) seluas 580,000 hektar yang bertujuan untuk menjamin dan memelihara alam sekitar, kepelbagaian biologi dan keperluan tradisi masyarakat asli di Sarawak. Aktiviti pembalakan tidak dibenarkan di kawasan hutan protektif di Hutan Simpan Kekal.

Sehubungan dengan itu juga, Kerajaan Negeri Sarawak telah punewartakan sembilan (9) buah Taman Negara dan tiga (3) buah Taman Hidupan Liar yang melibatkan keluasan 290,000 hektar dan tambahan seluas 710,000 hektar lagi telah dicadangkan untuk diwartakan bagi maksud berkenaan. Kedua-dua kawasan ini adalah sama dengan konsep "biosphere" kerana kawasan berkenaan memiliki ekosistem tertentu dan unik.

Di samping itu Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan kawasan di Magoh, UIU Baram seluas 8,000 hektar bagi kegunaan kaum Penan dan mereka juga telah diberikan kebenaran bagi menggunakan Taman Negara Mulu yang berkeluasan 52,000 hektar untuk kegunaan tradisi mereka. Melalui hutan protektif yang sedia ada adalah memadai bagi mengekalkan fungsi-fungsi alam sekitar, bahan penyelidikan dan sebagainya.

#### **KESESAKAN LALULINTAS DI BANDAR JOHOR BAHRU**

**35. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bertambahnya kesesakan lalulintas di Bandar Johor Bahru serta lebuh raya daripada Johor Bahru ke Lapangan Terbang Senai, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah ini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Tindakan yang telah dan akan diambil untuk meredakan

kesesakan lalulintas di Bandar Johor Bahru ialah dengan melaksanakan Projek Bersepadu Pembangunan Tambak Johor.

Bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas, Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Projek Jalan Lingkaran Dalam Johor Bahru iaitu menaikkan taraf jalan kepada 6 lorong dari persimpangan Jalan Abu Bakar hingga persimpangan Jalan Bukit Meldrum termasuk persimpangan bertingkat di Jalan Tun Abdul Razak dan Jalan Tebrau. Setakat ini kemajuan rckabentuk ialah 65% dan kerja-kerja ukur telah disiapkan. Tawaran bagi projek ini dijangka akan dipanggil pada akhir tahun 1992 sebaik-baik sahaja masalah pengambilan balik tanah diselesaikan. Di samping cadangan projek tersebut di atas, Kerajaan telah juga mengambil tindakan untuk melebarkan Jalan Selatan Tebrau dan Jalan Ibrahim. Tender telah ditawarkan pada 16-3-92 dan dijangka siap pada 14-3-93.

Kesesakan di Bandar Johor Bahru khususnya di pintu keluar ke Singapura dijangka akan dapat dikurangkan apabila projek menaikkan taraf pintu keluar ke Singapura dimulakan pada pertengahan tahun ini. Projek ini dijangka akan disiapkan pada lempoh satu setengah tahun.

Berkenaan dengan kesesakan lalulintas dari Johor Bahru ke Lapangan Terbang Senai masalah kesesakan akan diatasi sebaik sahaja projek tebuhraya Utara Selatan siap iaitu dijangka pada awal tahun 1994.

#### **PADANG GOLF—BILANGAN**

**36. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) nyatakan bilangan resort-resort golf yang terdapat di seluruh negara hingga ke saat ini.

- (b) lantaran kerana industri ini sangat menguntungkan, adakah Kerajaan turut memikirkan kesan-kesan negatifnya, misalnya jumlah tanah yang begitu luas terpaksa digunakan; dan
- (c) apakah Kerajaan berhasrat untuk memberi peluang kepada rakyat golongan pertengahan dan sederhana untuk turut melibatkan diri dalam industri ini, sambil memberi peluang untuk mereka menghayati permainan golf dengan membina lapangan golf awam untuk rakyat.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:**

- (a) Buat masa ini terdapat sepuluh resort golf di negara ini.
- (b) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri untuk mengadakan garis panduan bagi pembangunan padang golf. Sebagai mana kita sedar, pembangunan padang golf adalah sejenis pembangunan dan melibatkan penggunaan tanah. Kedua-dua perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.
- (c) Mengenai cadangan mengadakan padang golf awam, ini sebenarnya bukan di bawah bidangkuasa Kementerian ini.

**SISTEM PERSEKOLAHAN DUA SESI**

**37. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) nyatakan bilangan murid-murid sekolah rendah dan menengah yang terdapat di seluruh negara;
- (b) adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan sistem persekolahan dua sesi seperti

sekarang (pagi dan petang) kepada satu sesi sahaja (pagi); dan

- (c) selaras dengan hasrat Wawasan 2020, apakah terdapat perancangan untuk melaksanakan program pendidikan susulan yang berorientasikan kemahiran pada sesi petang persekolahan.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen sekolah rendah ialah 2,530,815 orang dan enrolmen sekolah menengah pula ialah 1,375,853 orang pada Jun 1991.
- (b) Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengadakan sekolah satu sidang keseluruhannya untuk sekolah menengah dan sekolah rendah.
- (c) Selaras dengan Wawasan 2020 pihak Kementerian Pendidikan telah mengadakan matapelajaran Kemahiran Manipulatif dalam KBSR dan Kemahiran Hidup dalam KBSM. Sementara itu perancangan dibuat untuk menubuhkan "Vocational Wings" di sekolah menengah biasa dan Kursus Aliran Latihan Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional.

**PELABURAN ASING---JUMLAH MODAL**

**38. Dr Haji Jamaludin bin Mohd. Jarjis** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) nilai pelaburan asing setiap tahun bagi tempoh lima (5) tahun lalu;
- (b) sama ada negara terlalu bergantung kepada pelaburan asing untuk membiayai rancangan pembangunannya; dan
- (c) usaha-usaha meningkatkan pelaburan tempatan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):**

- (a) Bagi tempoh 1987 hingga 1991, modal pelaburan asing bagi projek-projek yang diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, adalah sebanyak \$49,176.0 juta iaitu 60.3% daripada jumlah modal pelaburan. Perbandingan jumlah pelaburan asing dan tempatan bagi tempoh 1987-1991 adalah seperti berikut:

Tahun	Pelaburan Asing (\$juta)	Pelaburan Tempatan (\$juta)	Jumlah Pelaburan (\$juta)
1987	2,060.0	1,873.9	3,933.9
1988	4,878.0	4,215.9	9,093.9
1989	8,652.7	3,562.7	12,215.4
1990	17,629.1	10,539.0	28,168.1
1991	15,956.2	12,175.6	28,131.8
<u>1987-1991</u>	<u>49,176.0</u>	<u>32,367.1</u>	<u>81,543.1</u>

Sebanyak 43 negara-negara asing telah melabur di Malaysia dalam tempoh 1987-1991 dan negara-negara terutama ialah Taiwan, Jepun, U.S.A., Republik Korea Selatan dan Singapura.

- (b) Negara kita tidak membiayai projek-projek pembangunan dengan pelaburan dari negara-negara asing. Pelaburan asing digalakkan untuk tujuan-tujuan tertentu kerana negara masih memerlukan pelaburan asing dari segi modal, teknologi dan faedah-faedah lain. Mengikut Rancangan Malaysia Yang Keenam, untuk mencapai sasaran kadar pertumbuhan 11.5% bagi sektor perindustrian, jumlah pelaburan yang dijangka darj pelabur-pelabur asing ialah 533,000 juta iaitu hanya 41.3% dari jumlah pelaburan yang diperlukan (iaitu \$80,000 juta). Manakala sebanyak 58.7% adalah dari pelaburan tempatan.

- (c) Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu dalam konteks dasar penggalakan pelaburan bagi meningkatkan penyertaan pelaburan tempatan. Langkah-langkah ini termasuk:

- (i) Kerajaan telah mengadakan seminar pelaburan bagi industri tertentu dan sesi dialog di antara Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan pihak swasta tempatan bagi memaklumkan mengenai peluang-peluang pelaburan, dasar-dasar Kerajaan yang baru mengenai pelaburan dan juga rancangan-rancangan pembangunan yang memberi faedah kepada para pelabur dan bakal pelabur. Program-program tersebut akan terus diadakan pada tahun ini. Dua seminar pelaburan tempatan mengenai industri kejuruteraan dan industri berasaskan pertandingan dan sumber asli telah dirancang untuk diadakan pada pertengahan dan akhir tahun ini. Sementara itu MITI juga akan mengadakan sesi-sesi dialog dengan pihak swasta di Kuantan, Kuching dan Johor Bahru.
- (ii) Kerajaan telah menubuhkan pejabat-pejabat cawangan MIDA di setiap negeri untuk menyebarkan maklumat-maklumat kepada pihak swasta tempatan mengenai peluang-peluang pelaburan di mana para pelabur tempatan boleh berkecimpung.

- (iii) Jawatankuasa penyelesaian industri di antara MITI dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah juga ditubuhkan untuk membincangkan hal-hal berkaitan pelaburan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur di peringkat negeri.
- (iv) Beberapa insentif juga telah diperkenalkan untuk pelabur tempatan yang berkecimpung dalam industri kecil dan sederhana. Insentif-insentif ini adalah untuk membantu pelabur tempatan mendirikan projek perkilangan baru dan untuk mempertingkatkan taraf teknologi. Bagi syarikat-syarikat yang mempunyai penyertaan majoriti rakyat tempatan, Tabung Penyusunan Industri telah disediakan untuk syarikat-syarikat tempatan bagi memodenkan operasi mereka.
- (v) Mengubahsuaikan dasar terhadap penyertaan ekuili bagi industri-industri yang telah maju/dewasa. Syarikat-syarikat luar negeri yang ingin mendirikan projek perkilangan dalam industri yang telah maju atau dewasa disyaratkan berusaha secara usahasama dengan pelaburan tempatan. Antara industri yang telah dikenalpasti ialah (dengan izin) "plastic moulded parts", "packaging materials", "coils and transformers", "heat treatment" dan "electroplating".

**PINJAMAN KERAJAAN PUSAT  
KEPADA KERAJAAN  
NEGERI—JUMLAH**

**39. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Dari jumlah tersebut sila nyatakan jumlah yang telah dibayar balik oleh setiap negeri mengikut peratusannya:
- (i) Dari tahun 1980 hingga 1990;
  - (ii) Dari tahun 1991 hingga kepada pembayaran terakhir.
- (b) apakah tindakan-tindakan selanjutnya diambil oleh Kerajaan Pusat terhadap negeri-negeri yang tidak menjelaskan hutang tersebut mengikut kadar yang sepatutnya.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:**

- (a) Jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sejak tahun 1980 sehingga akhir tahun 1990 adalah sebanyak \$6,166.76 juta dan mengikut Kerajaan-kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>\$ juta</i>
Selangor	870.40
Sabah	802.80
Johor	780.50
Kedah	639.40
Perak	583.33
Sarawak	531.10
Kelantan	427.23
Terengganu	417.55
Pahang	361.38
Negeri Sembilan	288.68
Pulau Pinang	213.23
Melaka	191.70
Perlis	59.46
	6,166.76

Dalam tempoh yang sama, bayaran balik yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ialah sebanyak \$1,792.34 juta. Kedudukan mengikut Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>\$ juta</i>
Selangor	456.21
Sarawak	249.63
Johor	238.88
Perak	163.86
Pulau Pinang	153.92
Terengganu	146.81
Kedah	135.32
Sabah	96.84
Melaka	55.74
Kelantan	42.28
Pahang	38.48
Perlis	8.19
Negeri Sembilan	6.18
	<hr/>
	1,792.34

Bagi tahun 1991 pula jumlah pinjaman yang telah diberikan adalah sebanyak \$246.81 juta dan mengikut Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>\$ juta</i>
Kedah	69.64
Negeri Sembilan	55.02
Melaka	42.79
Pahang	23.85
Terengganu	13.40
Johor	11.96
Perak	10.63
Kelantan	5.97
Sarawak	5.90
Perlis	2.90
Pulau Pinang	2.77
Sabah	1.98
Selangor	0.00
	<hr/>
	246.81

Dalam tempoh yang sama, bayaran balik yang telah dibuat oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri ialah sebanyak \$455.63 juta dan kedudukan mengikut Kerajaan-Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>\$ juta</i>
Johor	119.15
Melaka	66.39

Pulau Pinang	60.81
Sarawak	51.71
Selangor	36.26
Terengganu	31.65
Perak	30.66
Perlis	24.26
Kedah	15.10
Sabah	7.28
Negeri Sembilan	6.40
Kelantan	5.90
Pahang	0.06
	<hr/>
	455.63

(b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengutip balik hutang bagi pinjaman yang matang adalah seperti berikut:

- (i) Menghantar surat peringatan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya membayar balik pinjaman yang akan datang;
- (ii) Menahan pengeluaran pinjaman-pinjaman baru sehingga pinjaman yang telah matang dibayar balik;
- (iii) Menguatkuasa Pasal 98(2) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan potongan pemberian geran kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri;
- (iv) Meng"offset"kan pinjaman Kerajaan Negeri melalui penyerahan tanah dan saham oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan;
- (v) Mengadakan mesyuarat/perundingan dengan Kerajaan Negeri yang gagal membayar balik pinjaman mereka mengikut jadual;
- (vi) Membincangkan dalam mesyuarat Majlis Kewangan Negara;

- (vh) Menjadual semula pinjaman yang menghadapi masalah bayaran balik.

### LAPORAN POLIS TERHADAP YUSOF BIN MUSA—SIASATAN

**40. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil penyiasatan yang diperolchi terhadap report Poiis No. K/TRG 4722/90 iailu satu kejadian pada 21-10-1990 di mana seorang yang bcrnama Yusof bin Musa (bckas ADUN Serada, Terengganu) telah mengacukan sepucuk pistol ke arah seorang yang bcrnama Abdul Ghani Mamat, di Simpang Empat Pengadang Baru, Tercngganu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Satu pengaduan mengikut Kuala Terengganu Report 4722/90 bertarikh 21-10-1990 telah dibuat oleh Abdul Ghani bin Mamat dan satu kertas siasatan mcngikut Kuala Tcrengganu IP 816/90 telah dibuka. Pengaduan ini telah dijeniskan di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan Jenayah iaitu ugutan jenayah. Siasatan tetah dijalankan dan kertas siasatan berkenaan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Terengganu untuk kajian.

Setelah mencliti kerlas siasatan yang berkenaan pada 23-2-1991 Timbalan Pendakwa Raya Negeri Tcrengganu telah memberi arahan supaya siasatan ditutup kerana tidak ada terdapat keterangan bebas yang menunjukkan bahawa Yang Berhormat Encik Yusuf Musa mengacukan pistol ke perul pngadu.

### PENGAMBARAN FILEM ASING DI MALAYSIA

**41. Datuk Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak filem

asing yang melakukan penggambaran di Malaysia seperti "The Turtle Beach", "Mountain in the Jungle", "Slow Boat From Surabaya" dan lain-lain banyak menonjolkan adegan-adegan yang tidak benar-sccara langsung atau tidak ia merendahkan martabat rakyat Malaysia khususnya bangsa Melayu:

- (a) apakah usaha Kerajaan untuk mengikut gambaran negatif pandangan buruk negara asing terhadap Malaysia; dan
- (b) apakah usaha Kerajaan untuk mcmpastikan agar perkara-perkara seperti itu tidak berlaku lagi di masa hadapan.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kementerian Luar Negeri sedar bahawa banyak filem asing melakukan penggambaran filem di Malaysia. Walau bagaimanapun, filem "Turtle Beach" tidak dibuat dan difilemkan di Malaysia seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Basri bin Bajuri. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, lokasi untuk filem "Turtle Beach" ialah di Phuket, Thailand. Saya tidak sedar ada filem "Mountain in the Jungle" yang dibuat di Malaysia,

- (a) Pegawai-pegawai Malaysia yang bertugas di luar negara seniiasa peka dan mengikut perkembangan yang berlaku di negara tuan rumah khususnya yang menyentuh lentang Malaysia. Sekiranya, tersiar berita yang negatif atau salah mengenai Malaysia, pegawai-pegawai tersebut akan memberi kenyataan dan fakta-fakta yang sebenarnya kepada pihak yang berkenaan.
- (b) Untuk memastikan agar perkara-perkara seperti itu tidak berlaku lagi di masa hadapan, Kerajaan akan lebih berhati-hati dan waspada terhadap sebarang permintaan untuk membuat filem di Malaysia.

**SYARIKAT KURNIA DAMAI  
SDN BHD—PENGLIBATAN  
SETIAUSAHA PARLIMEN  
DI JABATAN PERDANA  
MENTERI**

**42. Tuan Wee Choo Keong** minta Perdana Menteri menyalakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sudah mengakui di dalam Parlimen pada sesi yang lepas bahawa beliau adalah salah seorang Ahli Pengarah Kurnia Damai Sdn Bhd dan beliau mempunyai S3 juta saham di dalam syarikat tersebut yang mana beliau "tidak perlu membayar satu sen pun untuk saham tersebut";
- (b) sama ada beliau sedar bahawa Kurnia Damai Sdn Bhd ditubuhkan pada 16hb Ogos 1989 dan Setiausaha Parlimen tersebut telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Pejabat Perdana Menteri tahun 1987;
- (c) oleh yang demikian apakah tindakan yang diambil di atas perkara ini oleh kerana Setiausaha Parlimen tersebut sudah melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Perdana Menteri sendiri. Jika tiada tindakan diambil di dalam perkara ini, nyatakan sebab-sebabnya; dan
- (d) satu laporan rasmi telah dibuat kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) tentang perkara ini, apakah tindakan yang diambil oleh BPR setakat ini. Jika tidak tindakan diambil oleh BPR, sila berikan sebab-sebabnya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya memohon untuk menjawab semua soalan daripada Ahli Yang Berhormat

berkenaan sekatigus memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan itu berkailan antara satu dengan yang lain.

Badan Pencegah Rasuah telah pun menjalankan siasatan berhubung dengan dakwaan ke atas Setiausaha Parlimen yang berkenaan, Hasil siasatan mendapati bahawa Yang Berhormat berkenaan tidak menyedari bahawa namanya telah dicatat sebagai Pengarah Syarikat mulai 31-5-1990 oleh Setiausaha Syarikat kerana Yang Berhormat berkenaan tidak menyemak perkara itu dengan rekod syarikat. Walau bagaimanapun sebaik sahaja menyedarinya, Yang Berhormat berkenaan telah meletakkan jawatan dengan serta-merta pada 3-6-1991.

Namun begitu Yang Berhormat berkenaan masih memegang saham Syarikat Kurnia Damai Sdn Bhd dan perkara ini tidaklah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Syarikat atau undang-undang yang lain. Hasil siasatan juga mendapati bahawa tidak berlaku sebarang perbuatan rasuah dalam pemilikan saham oleh Yang Berhormat berkenaan di mana wang diperolehi secara pinjaman. Pemilikan saham ini telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat berkenaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam borang pengisytiharan harta dengan menyatakan saham yang diperolehi itu adalah secara pinjaman.

Walaupun memegang saham di syarikat tersebut, Yang Berhormat berkenaan didapati tidak aktif dalam perniagaan syarikat dan tidak pula memanipulasikan saham syarikat selaras dengan peraturan yang ada. Rumusannya, BPR tidak perlu mengambil apa-apa tindakan-tindakan lanjut kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan tidak melanggar mana-mana undang-undang rasuah atau peraturan berhubung dengan isu yang berbangkit.

**PENYELENGGARAAN  
BANGUNAN DAN PERALATAN  
SEKOLAH—PERUNTUKAN**

**43. Tuan Abdul Malek bin Munip** minta Menteri Pendidikan menerangkan sama ada Kementerian mempunyai peruntukan "maintenance" bagi bangunan sekolah-sekolah Kerajaan dan peralatannya. Jika ada, berapakah jumlahnya dan apakah prinsip pengagihannya.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk penyelenggaraan bangunan dan peralatan sekolah-sekolah memang ada disediakan di bawah peruntukan belanja Mengurus setiap tahun. Untuk tahun 1992, peruntukan kewangan yang telah disediakan bagi maksud ini berjumlah \$35.55 juta. Peruntukan ini diagihkan melalui Jabatan Pendidikan Negeri untuk pelaksanaan mengikut keperluan.

**ISU PEMBALAKAN/KAUM  
PENAN DI SARAWAK**

**44. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan cadangan Amerika Syarikat mengiktiraf hak Penan berkaitan dengan pembalakan di Sarawak dan New Zealand pula memboikot kayu keras tropika, apakah Undak-balas yang beliau akan ambil untuk menghadapi perkara ini supaya pasaran kayu kayan kita tidak terjejas.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Kementerian saya memang sedar terdapat beberapa resolusi dari Ahli Kongres Amerika dan juga Ahli Parlimen Eropah berhubung dengan isu kaum Penan dan kegiatan pembalakan di Sarawak di samping tindakan pemboikotan oleh setengah-setengah pihak di New Zealand terhadap kayu tropika. Menyedari kemungkinan kcsan yang dihadapi dari tindakan pihak-

pihak berkenaan, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian bagi membendung kegiatan ini seperti berikut:

- (a) membetulkan tanggapan dan meyakinkan masyarakat dunia mengenai amalan pengurusan hutan di negara ini dan juga komitmen negara terhadap pemelihara alam sekitar;
- (b) menghasilkan beberapa penerbitan dan video bagi menerangkan secara lebih lepat mengenai amalan pengurusan hutan berkekalan bagi diedarkan kepada masyarakat umum di dalam dan di luar negeri;
- (c) memperbaiki kelemahan di dalam amalan pengurusan hutan di negara ini bagi memastikan pengurusan hutan secara berkekalan dapat dicapai menerusi penentuan kadar catuan tebanan tahunan, tambahan kakitangan serta bantuan kewangan dalam meningkatkan pengurusan aktiviti pembalakan haram;
- (d) penggubalan dasar ke arah pemeliharaan sumber hutan negara dan pembangunan industri pemprosesan hiliran kayu-kayan tempatan;
- (e) memainkan peranan aktif dalam perundingan dan forum-forum antarabangsa di peringkat pebagai hala, serantau, dua hala dan nasional seperti Pengisytiharan Langkawi, Persidangan Peringkat Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan dan sebagainya;
- (f) menjemput misi Pakar Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO) membuat penilaian terhadap pengurusan hutan di Sarawak;

- (g) penghantaran misi ke beberapa buah negara di mana kempen-kempen anti kayu tropika aktif dijalankan secara sendiri atau bersama dengan negara-negara anggota ASEAN; dan
- (h) menerokai pasaran-pasaran baru bagi mempelbagaikan pasaran kayu negara dan memberi tumpuan kepada pengeksporan keluaran kayu bernilai tokok yang tinggi.

#### PERDAGANGAN ANTARA MALAYSIA-AMERIKASELATAN

**45. Dr V. David** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa perdagangan antara Malaysia dan Amerika Selatan telah bertambah berikutan dengan lawalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Chile, Brazil dan Venezuela baru-baru ini; dan
- (b) jika ya, bolehkah beliau memberitahu butir-butir secara mendalam tentang nilai eksport kita kepada negara-negara Amerika Selatan, nilai import kita daripada negara-negara ini, dan apakah rancangan-rancangan jangka panjang.

#### **Tuan Chua Jui Meng:**

- (a) Adalah benar bahawa perdagangan Malaysia dengan negara-negara Amerika Selatan telah meningkat. Jumlah perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara Amerika Selatan telah meningkat sebanyak 22% dari M\$1,716.0 juta pada tahun 1990 ke M\$2,095.5 juta pada tahun 1991..
- (b) Eksport Malaysia ke negara-negara Amerika Selatan telah meningkat sebanyak 107% dari

M\$384.6 juta pada tahun 1990 kepada M\$794.7 juta pada tahun 1991. Manakala import Malaysia dari negara-negara Amerika Selatan adalah M\$1,331.4 juta pada tahun 1990 dan M\$1,297.8 juta pada tahun 1991.

Terdapat potensi bagi Malaysia meningkat dan mengukuhkan hubungan perdagangan dengan negara-negara Amerika Selatan khususnya negara Chile, Mexico, Brazil, Argentina dan Venezuela. Negara-negara ini telah mula mengamalkan sistem ekonomi yang lebih terbuka dan telah memansuhkan sekatan-sekatan perdagangan seperti keperluan lesen import dan mengurangkan cukai import.

Dalam usaha untuk menembusi pasaran tersebut, Kerajaan telah dan akan menyertai pameran-pameran perdagangan serta menghantar rombongan-rombongan galakan perdagangan ke negara-negara tersebut. Pada tahun ini, Malaysia akan menyertai Pameran Perdagangan Antarabangsa Santiago, Chile, dari 28 Oktober-8 November 1992.

Kerajaan juga akan terus menghantar rombongan-rombongan galakan perdagangan ke negara-negara di Amerika Selatan (Chile, Mexico, Venezuela, Brazil dan Argentina) dan di samping itu, Kerajaan juga sentiasa mengedarkan maklumat-maklumat tentang peluang perdagangan yang diterima dari Pejabat-Pejabat Perdagangan serta Kedutaan-Kedutaan Malaysia kepada ahli-ahli sektor swasta Malaysia.

Di kalangan sektor swasta pula, ahli-ahli perniagaan Malaysia yang telah mengiringi

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menubuhkan Persatuan Malaysia-Amerika Latin. Seramai 31 ahli Persatuan tersebut telah menubuhkan sebuah Konsortium Malaysia Latin Amerika Ventures Sdn Bhd dengan modal sebanyak \$30 juta untuk memperluaskan pelaburan dan perdagangan dengan negara-negara di Amerika Latin. Ahli-ahli perniagaan Malaysia juga sentiasa digalakkan melawat pasaran tersebut.

#### HUBUNGAN PERDAGANGAN/ POLITIK ANTARA MALAYSIA— PERSEKUTUAN RUSSIA

**46. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Luar Negeri memberitahu setakat manakah langkah-langkah yang diambil berhubung dengan Russia yang sekarang ini melayak ke arah demokrasi dalam:

- (1) Diplomatik
- (2) Sosial dan Kebudayaan; dan
- (3) Peluang-peluang perdagangan dahulu dan sekarang.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persekutuan Russia merupakan negara pewaris kepada bekas Kesatuan Soviet. Sekaligus ia mengambil alih semua hak dan tanggungjawab perjanjian-perjanjian yang ditandatangani oleh bekas Kesatuan Soviet. Dengan itu semua hubungan dan kerjasama di bidang politik, ekonomi dan kebudayaan dengan bekas Kesatuan Soviet adalah diambil alih dan diteruskan dengan Persekutuan Russia.

Mengenai peluang-peluang perdagangan, pada masa ini Persekutuan Russia sedang menghadapi kekurangan pertukaran wang asing dan kurang kemampuan untuk membayar. Dalam

pada itu, Amerika Syarikat telah menganjurkan Persidangan Penyelarasan Bantuan Perikemanusiaan kepada Komanwel Negara-Negara Merdeka (CIS) bersama-sama dengan 67 negara dan 2 pertubuhan antarabangsa bagi mengenalpasti dan menyelaraskan bantuan yang akan diberikan. Malaysia mengambil bahagian di dalam Persidangan tersebut dan akan mengenalpasti bidang yang boleh disertai. Pelaksanaan bantuan kepada CIS kelak akan memberikan peluang kepada sektor swasta Malaysia memasarkan barangan Malaysia kepada CIS.

#### PULAU BATU PUTIH— RUNDINGAN ISU DENGAN SINGAPURA

**47. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob** minta Menteri Luar Negeri menyalakan:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk merujukan pertikaian Pulau Batu Putih antara Malaysia dan Singapura kepada Mahkamah Dunia memandangkan rundingan dan usaha diplomatik masih belum dapat mengatasi kebumuhan tuntutan kedua negara. Jika tidak, mengapa; dan
- (b) selain Pulau Batu Putih yang melibatkan Singapura, manakah lagi wilayah-wilayah negara ini yang masih menjadi pertikaian dan menjadi tuntutan negara-negara asing, nyatakan negara yang terbabit.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kerajaan berhasrat untuk menyelesaikan isu Pulau Batu Putih secara rundingan diplomatik dua hala dengan Singapura tanpa melibatkan pihak ketiga. Rundingan ini akan dimulakan pada satu tarikh yang sesuai kepada kedua-dua pihak.

Wilayah-wilayah Malaysia yang lain yang dipertikaikan oleh negara-negara lain ialah Pulau Sipadan dan Ligitan dan Pulau-pulau di Laut China Selatan.

**GABUNGAN KAUM ASLI DARI  
NEGARA BERHUTAN  
TROIKA—PENUBUHAN**

**48. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar mengenai penubuhan gabungan kaum-kaum asli dari negara-negara berhutan tropika yang dibentuk pada Februari lalu hasil persidangan mereka di Pulau Pinang; berapa negarakah yang telah mengambil bahagian dalam persidangan itu; dan
- (b) adakah Kerajaan telah menerima sebarang resolusi atau memorandum daripada persidangan tersebut. Jika ada, apakah reaksi Kerajaan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak sedar dan tidak pasti penubuhan gabungan kaum-kaum asli dari negara-negara berhutan tropika hasil dari persidangan seperti yang dimaksudkan, sehingga ke hari ini Jabatan Pendaftaran Pertubuhan tidak menerima sebarang permohonan untuk menubuhkan dan mendaftarkan gabungan itu.
- (b) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak menerima sebarang resolusi atau memorandum yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**KETUA HAKIM NEGARA—USUL  
TIDAK MENGIKTIRAF**

**49. Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad** minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) adakah benar beliau pernah menyokong usul untuk tidak mengiktiraf Tun Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara yang dibentangkan dalam Majlis Peguam empat tahun lalu dengan mengangkat kedua belah tangan;
- (b) jika benar, mengapa sikap itu diambil ketika itu dan adakah beliau tidak menyesal dengan sikapnya dulu; dan
- (c) jika tidak, mengapa Yang Berhormat tidak membuat apa-apa keterangan membantah dakwaan yang dihadapkan kepadanya itu?

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat soalan yang sama telah dijawab dalam sidang Parlimen yang lalu. Soal angkat dua tangan adalah pertuduhan yang tidak meyakinkan dan tidak benar. Ia hanyalah sekadar mengikut emosi dan kepelahan bercakap Ahli Dewan yang berkenaan.
- (b) Membuat sikap dan menukar sikap adalah lumrah, apabila sikap dahulu tidak sesuai dengan perubahan suasana selagi tidak merosakkan akidah. Kita perlu dinamis dan sedia berubah untuk membaiki kelemahan bagi kebaikan dan kesejahteraan negara. Sebagai contoh, PAS di satu masa bersama dalam Barisan Nasional. Kemudian bertukar sikap keluar dari Barisan Nasional. Ini semua memperlihatkan PAS telah biasa menukar sikap. Dengan itu, tiada salahnya

jika ahli PAS menukar sikap menyokong UMNO dan Barisan Nasional pada masa sekarang.

### **PULAU LIGITAN, SIPADAN DAN SPRATLY—PENYELESAIAN ISU**

**50. Tuan Joseph Voon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan Pulau-pulau Ligitan, Sipadan dan Spratly setakat ini.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Mengenai tuntutan Indonesia ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan, Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah bersetuju menyelesaikan isu ini secara damai melalui rundingan diplomatik. Sebuah Kumpulan Kerja Bersama mengenai Pulau Sipadan dan Ligitan telah ditubuhkan oleh Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Malaysia-Indonesia yang diadakan di Kuala Lumpur pada 7-11 Oktober, 1991. Kumpulan Kerja Bersama ini akan memulakan rundingan secepat mungkin dan kita telah berhubung dengan pihak Indonesia untuk menentukan tarikh yang sesuai.

Mengenai keputusan Spratly, Malaysia mahu segala isu yang berkaitan diselesaikan secara aman melalui perundingan. Vietnam, umpamanya, telah memberitahu kita bahawa mereka tidak akan menggunakan kekerasan. Vietnam bersetuju juga dengan pendapat Malaysia bahawa semua negara-negara lain yang membuat tuntutan ke atas kepulauan Spratly supaya tidak menggunakan kekerasan tetapi berusaha mencari penyelesaian secara aman menerusi perundingan.

### **SKIM PEMBIAYAAN KESIHATAN—MEWUJUDKAN**

**51. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan skim insuran kesihatan kebangsaan bagi

membolehkan rakyat mendapat rawatan yang lebih sempurna tanpa menanggung kos yang tinggi.

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji skim pembiayaan kesihatan yang sesuai untuk Malaysia. Di antaranya ialah kajian kemungkinan bagi menubuhkan Tabung Keselamatan Kesihatan Negara (TKKN), Kajian ini masih dijalankan untuk menentukan beberapa aspek kemungkinan skim ini serta implikasinya terhadap semua golongan masyarakat termasuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Skim ini akan diperakukan untuk pertimbangan kajian hanya selepas menentukan segala aspek dan cara-cara pembiayaan termasuk penyediaan rawatan kesihatan yang sama mutu kepada seluruh rakyat di Malaysia.

### **INFLASI—LANGKAH MENGAWAL**

**52. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Kewangan menyatakan kadar inflasi pada masa sekarang dan apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kadar inflasi ini.

5-5-92.

**68. Tuan Joseph Voon** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar inflasi yang dijangka akan meningkat di negara ini.

6-5-92.

**64. Tuan Ong Tin Kim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) selepas beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal keadaan inflasi negara

kita, apakah keadaan inflasi ekonomi negara kita sekarang. Apakah kesannya langkah-langkah oleh Kerajaan dalam kawalan inflasi ekonomi kita; dan

- (b) apakah langkah-langkah atau cadangan-cadangan sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal keadaan selanjutnya.

12-5-92.

**3. Tuan Wee Choo Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kadar inflasi untuk tahun 1991 dan bulan Januari hingga April 1992 dan memberikan sebab-sebab yang mengakibatkan inflasi.

20-5-92.

**70. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kadar inflasi bagi tahun 1991 sebanyak 4.4% tidak mencerminkan keadaan kenaikan kos sara hidup yang sebenar, sebaliknya harga-harga barangan keperluan seperti makanan dan pakaian, harga rumah dan kadar sewa rumah telah naik dengan ketara antara 10% hingga 50% secara kasar;
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung inflasi secara yang wajar bagi mengurangkan bebanan yang terpaksa ditanggung oleh golongan pendapatan rendah terutama yang tinggal di bandar.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Dalam sesi persidangan Dewan kali ini, selain daripada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas pada hari ini, terdapat juga beberapa soalan lain mengenai inflasi, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Aru pada 5-5-1992, Teluk

Intan pada 6-5-1992, Bukit Bintang pada 12-5-1992 dan Bayan Baru pada 20-5-1992. Oleh kerana soalan-soalan tersebut menyentuh mengenai perkara yang sama, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut serentak pada hari ini.

Walaupun terdapat tekanan ke atas harga, keadaan inflasi dalam negara adalah terkawal. Kadar inflasi negara seperti yang diukur oleh Angkatunjuk Harga Pengguna (AHP) bagi tempoh Januari-Februari 1992 telah meningkat sedikit iaitu pada kadar 4.4% berbanding dengan 3.7% pada tempoh yang sama tahun 1991. Semua angka tunjuk kecil AHP meningkat, iaitu angkatunjuk kecil pakaian dan kasut sebanyak 5.6%, perabot, hiasan dalam, perkakas rumah dan urusan rumah tangga sebanyak 4.1%, rawatan perubatan dan perbelanjaan kesihatan sebanyak 4.2%, rekreasi, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan, kebudayaan 5.6% dan pengangkutan dan perhubungan sebanyak 3.0%. AHP untuk makanan telah meningkat kepada 6%. Dalam kumpulan makanan, harga makanan di rumah telah meningkat 6.4%, manakala makanan di luar rumah telah naik 4.1%. Bagi makanan di rumah, harga buah-buahan dan sayur-sayuran telah meningkat 17.1%, manakala bagi ikan telah meningkat sebanyak 10.6%.

Kenaikan inflasi negara adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Ini termasuklah pertumbuhan pesat ekonomi negara dalam tempoh lima tahun lepas. Penggunaan awam dan swasta yang meningkat dengan ketara telah menyebabkan tekanan ke atas sumber-sumber dan harga. Pada masa yang sama bekalan wang telah berkembang dengan pesat selaras dengan aliran masuk pelaburan asing. Pengembangan ekonomi yang pesat juga telah membawa kepada permintaan tenaga kerja yang meningkat hingga menyebabkan negara menghadapi kekurangan tenaga kerja terutamanya tenaga kerja mahir. Ini telah

menyebabkan kadar upah meningkat dan selernya mendorong kepada kenaikan kadar inflasi.

Kerajaan sentiasa mengawasi dengan teliti keadaan inflasi dalam negeri. Beberapa langkah fiskal dan kewangan telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi. Ini termasuklah:

- (i) Menggalakkan simpanan dalam negeri. Untuk mencapai matlamat tersebut Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah membebaskan kawalan peniadbirannya ke atas penetapan kadar faedah pinjaman asas dengan izin, "base lending rate" sistem bank dan membiarkan kuasa pasaran menentukan paras kadar faedah dalam negeri yang sesuai.
- (ii) Dalam Belanjawan 1992, Kerajaan juga telah memperkenalkan beberapa langkah untuk menggalakkan simpanan dalam negeri. Ini termasuklah membenarkan pembukaan cawangan baru bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan bank, mengadakan perkhidmatan bergcrak dan menubuhkan pondok-pondok di pusat pameran atau kompleks perniagaan. Selanjutnya, langkah pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diperolehi dari akaun simpanan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan dinaikkan daripada 55,000 kepada \$50,000.
- (iii) Menaikkan nisbah rizab berkanun (statutory reserve ratio) bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar. Pada 15 Ogos 1991, nisbah rizab berkanun telah dinaikkan

sebanyak satu mata peratusan kepada 7.5%. Seterusnya pada 18 April 1992 Bank Negara Malaysia telah mengumumkan bahawa nisbah rizab berkanun ini akan dinaikkan lagi kepada 8.5% berkuatkuasa mulai pada 2 Mei 1992.

- (iv) Mengetatkan syarat kelayakan bagi penggunaan kad kredit dan syarat-syarat pinjaman sewa beli bagi kenderaan bermotor. Ini bertujuan mengurangkan penggunaan kredit yang tinggi oleh pengguna.
- (v) Kerajaan juga telah melonggarkan dasar pengambilan buruh asing untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja. Usaha ini dijangka dapat mengurangkan tekanan terhadap upah dan seterusnya paras harga dalam negeri.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membendung inflasi tidak akan memberi kesan sepenuhnya kiranya rakyat jelata tidak turut memberi kerjasama dengan memainkan peranan masing-masing bagi membentasi inflasi. Ini termasuklah berbelanja mengikut kemampuan diri sendiri, menambahkan tabiat menabung dan sebagainya. Saya percaya jika setiap lapisan masyarakat memainkan peranan masing-masing kita dapat membendung inflasi di negara kita pada tahap yang paling rendah.

#### **KELAB PEMBELI—MENUBUHKAN**

**53. Tuan G. Palanivel** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bolehkah Kementerian bersama Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat membantu menubuhkan "Kelab Pembeli" demi menolong para pengguna, memerangi inflasi dengan cara pembelian jumlah besar kuantiti

barangan, membandingkan harga serta menukar maklumat mengenai harga dan kualiti barangan di antara satu sama lain.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir);** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun menubuhkan Majlis Hal Ehwal Pengguna (MHEP) di seluruh negara. Salah satu projek yang boleh dirancang dan dilaksanakan oleh Majlis ini ialah untuk menubuhkan "kedai konsumer". Konsep "kedai konsumer" ini adalah sama dengan perkara yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Beberapa Majlis Hal Ehwal Pengguna di peringkat negeri sedang mengkaji perkara ini.

#### **UJIAN LISAN BAGI PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN**

**54. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyalakan:

- (a) apakah kritcrianya dalam ujian lisan bahasa kebangsaan dalam permohonan kewarganegaraan yang perlu melulus ujian itu; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa ramai pemohon tidak dapat kelulusan dalam ujian ini disebabkan tiada sebarang garis panduan bagi mcrcka belajar dan kadang-kadang pegawai yang menjalankan ujian itu sengaja mengeluarkan soalan-soalan yang susah bagi jawab;
- (c) apakah Kerajaan bercadang ujian lisan iiu dimansuhkan memandangkan laal scitia kepada negara adalah dari baiin dan bukan dari bahasa; jika tidak, mengapa; dan
- (d) bilangan permohonan kewarganegaraan dalam golongan ini, kegagalan akibat tidak kelulusan

dalam ujian lisan bahawa mengikut pecahan tahun sejak tahun 1980 hingga Mac, 1992.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Kriteria utama dalam ujian lisan bagi permohonan kewarganegaraan ialah pemohon hendaklah boleh bertutur dan mempunyai pengetahuan yang mudah dalam Bahasa Melayu. Maksud mudah ialah ia boleh berkomunikasi dengan orang lain umpamanya mengenai hal diri, pekerjaan, tempat tinggal dan keadaan sekeliling.
- (b) Jabatan telah menyediakan garis panduan ujian Bahasa Melayu yang boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Pendaftaran Negara yang mengendalikan ujian tersebut.
- (c) Kerajaan tidak bercadang memansuhkan ujian ini kerana masih perlu memandangkan ianya bahasa rasmi negara.
- (d) Kementerian tidak menyimpan perangkaan berkenaan kerana Perlembagaan hanya mewajibkan Menteri menyimpan perangkaan orang-orang yang telah didaftarkan sebagai warganegara sahaja.

#### **PELAJAR SARAWAK YANG MENERIMA BIASISWA/ BANTUAN PINJAMAN**

**55. Tuan Richard Riot Anak Jaem** minta Menteri Pendidikan menyalakan:

- (a) jumlah pelajar dari negeri Sarawak di institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara yang menerima Biasiswa Persekuluan bagi lempoh 1985-1990 mengikut pecahan kaum;
- (b) butir-butir tentang pekerjaan serta jumlah pendapatan ibu bapa-ibu bapa penerima-penerima biasiswa ini.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar dari negeri Sarawak di institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara yang menerima Biasiswa/Bantuan Pinjaman Kementerian Pendidikan bagi tempoh 1985-1990 adalah seramai 62 orang.
- (b) Ibu bapa pelajar yang diberikan pertimbangan untuk menerima biasiswa Kementerian Pendidikan adalah terdiri daripada golongan bekerja sendiri, pniaga kecil, guru, juruteknik, suri rumah, petani, pembantu hospital, pegawai kebajikan, anggota polis, pesara dan lain-lain yang mempunyai pendapatan antara \$80-\$1,500 sebulan.

**GURU TERLATIH  
DI SARAWAK—KEKURANGAN**

**56. Tuan Richard Riut Anak Jaem** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah rendah dan juga menengah di seluruh negara khususnya di negeri Sarawak;
- (b) jumlah guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan di seluruh negara; dan
- (c) jumlah guru-guru pelatih yang berasal dari negeri Sarawak di seluruh negara.

**Dr Leo Michael Toyad:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan pada 1991/1992 mengalami kekurangan guru terlatih seramai 5,930 orang bagi sekolah menengah dan 14,562 orang bagi sekolah rendah. Kekurangan guru-guru terlatih di Sarawak ialah seramai 1,106

orang bagi sekolah menengah dan 1,029 orang bagi sekolah rendah.

- (b) Jumlah guru pelatih kursus pra-perkhidmatan di maktab-maktab perguruan di seluruh negara pada Januari, 1992 ialah seramai 16,851 orang. Bilangan ini akan bertambah apabila maktab menerima pelatih-pelatih baru pada bulan Jun 1992 akan datang.
- (c) Jumlah guru-guru pelatih yang berasal dari negeri Sarawak di seluruh negara ialah 1,835 orang.

**KILANG PADI BUKAN  
BUMIPUTERA—DISKRIMINASI**

**57. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah sebabnya kilang-kilang padi bukan bumiputera telah banyak menjual kilang mereka kepada bumiputera dan langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan supaya semua perkilang padi dapat menjalankan perniagaan mereka tanpa apa-apa kesulitan, gangguan dan diskriminasi oleh mana-mana pihak.

**Dato' S. Subramaniam:** Pertanyaan ini telah dijawab pada 30hb April 1992 semasa menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan pada jawapan asal.

**KILANG PADI TIDAK  
MEMATUHI UNDANG-UNDANG**

**58. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Sain, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap kilang-kilang padi yang masih tidak mengikut undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan hingga masyarakat di Kedah terganggu dengan debu sekam padi yang dibiarkan berterbangan di alam sekitar.

**Tuan Law Hieng Ding:** Di Negeri Kedah, beberapa agensi Kerajaan yang terlibat seperti Lemgaga Padi dan Beras Negara, Jabatan Alam Sekitar, Majlis Kerajaan Tempatan serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri bekerjasama mengawasi, mengawal, menguatkuasakan serta mengambil tindakan terhadap kilang-kilang padi yang masih tidak mengikut undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Tindakan bersepadu ini telah dapat mengawal dan mengurangkan masalah kacauganggu yang ketara daripada operasi kilang padi di negara ini. Dalam pada itu, Jabatan Alam Sekitar sendiri sering menjalankan pemeriksaan mengejut dan tindakan penguatkuasaan selaras dengan kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, P.U. (A) 280 telah diambil terhadap kilang yang tidak mematuhi undang-undang.

#### IMBANGAN PERDAGANGAN LUAR—DEFISIT

**59. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah jumlah imbalan perdagangan negara kila pada tahun 1987, 1988, 1989 dan 1990 dan lcrangkan perbczaannya bcrbanding lahun 1991, dan:

- (a) apakah faktor-faktor yang mempengaruhi imbalan tersebut menghadapi defisit lahun 1991;
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membaiki keadaan itu.

**Tuan Chua Jui Meng:** Malaysia telah mengalami lebih di dalam imbalan perdagangan luarnya dari tahun 1987-1990, iailu sebanyak 513,291 juta pada tahun 1987, \$11,967

juta pada lahun 1988, \$6,966 juta pada tahun 1989 dan \$528 juta pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, pada tahun 1991 pula negara mengalami defisit di dalam imbalan perdagangan luar sebanyak \$6,443 juta.

Defisit ini terjadi kerana kadar pertumbuhan import pada tahun 1991 adalah lebih psal daripada kadar pertumbuhan eksport. Import telah berkembang sebanyak 27.8% iaitu dari \$79,118 juta pada tahun 1990 kepada \$101,116 juta pada tahun 1991. Dalam tempoh yang sama eksport telah berkembang sebanyak 18.9% iaitu daripada \$79,646 juta kepada \$94,673 juta.

- (a) Antara faktor utama yang mempengaruhi imbalan perdagangan tersebut menghadapi defisit pada tahun 1991 ialah peningkatan dalam import barang-barang pelaburan (investment goods) dan barang perantara (intermediate goods). Ini adalah berikutan dengan kejayaan galakan pelaburan Kerajaan yang telah menghasilkan kemasukan pelaburan asing yang besar di sektor pembuatan.

Penubuhan projek-projek perindustrian dengan banyaknya oleh pelabur-pelabur asing memerlukan pengimportan mesin dan jentera serta barang-barang perantara (intermediate goods) yang lain di peringkat permulaannya. Ini dapat dilihat daripada komposisi barangan import pada tahun 1991. Pada tahun tersebut sebanyak \$41,112 juta (40.7%) dari jumlah import adalah barangan pelaburan (investment goods) yang terdiri dari alat-alat jentera, kelengkapan pengangkutan dan keluaran logam dan sebanyak

\$43,645 (43.2%) lagi merupakan barangan perantara (intermediate goods) untuk perkilangan, pembinaan dan pertanian. Barangan pengguna (consumption goods) hanyalah sebanyak \$15,327 juta atau 15.6% dari jumlah import.

Satu lagi faktor yang menyumbang kepada imbalan perdagangan menjadi defisit pada tahun 1991 ialah pembelian besar-besaran barangan modal oleh Kerajaan dan Agensi-Agensi yang lain. Pembelian tersebut termasuklah \$5.2 ribu juta kelengkapan telekom, \$4.2 ribu juta jentera dan perkakas litar elektrik, \$2.8 ribu juta pesawat udara dan kelengkapan alai gami dan \$2.3 ribu juta kapal dan bot. Nilai pembelian-pembelian tersebut adalah amat tinggi dan melebihi 100% nilai pembelian pada tahun 1990.

Dalam pada itu, walaupun eksport negara telah juga meningkat, kadar pertumbuhannya telah menunjukkan trend yang menurun sejak tahun 1988. Ini di antara lain adalah disebabkan keadaan ekonomi dunia yang merosot terutamanya di negara-negara maju yang merupakan pasaran utama Malaysia seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah. Namun demikian, prestasi eksport Malaysia keseluruhannya adalah lebih baik berbanding dengan negara-negara lain seperti Singapura yang mengalami kadar pertumbuhan sebanyak 12%, Jepun 9.5% dan Taiwan 13.5%. Prestasi ini telah meningkatkan kedudukan Malaysia daripada pengeksport yang ke 26 terbesar dalam tahun 1990 kepada yang ke 24 terbesar dalam tahun 1991.

(b) Defisit di dalam imbalan perdagangan Malaysia dijangka akan bertambah baik apabila projek-projek pelaburan yang telah diluluskan memulakan pengeluaran dan seterusnya mengeksport barangan mereka. Namun demikian, untuk membaiki keadaan defisit ini Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Mengadakan program-program penggalakan eksport secara besar-besaran baik di pasaran tradisi seperti Jepun, U.S.A., Singapura, ASEAN dan lain-lain dan juga di pasaran baru seperti Amerika Latin, Afrika, Asia Barat dan Vietnam. Pada tahun ini Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengatur 8 rombongan perdagangan ke luar negeri dan akan mengemukakan penyertaan pengeksport-pengeksport Malaysia di dalam 14 pameran perdagangan antarabangsa bagi memperkembangkan eksport Malaysia terutama sekali barang-barang perkilangan.
- (ii) Menggalakkan pengesport Malaysia supaya meningkatkan mutu barangan mereka dan dengan sendirinya dapat bersaing di pasaran seluruh dunia. Ini akan memesatkan lagi pertumbuhan eksport negara.
- (iii) Menggalakkan pelabur-pelabur menggunakan

bahan-bahan tempatan dalam barangan pengeluaran mcreka. Langkah ini akan dapat mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan import. Dalam hal ini Kerajaan akan memberi tumpuan dan galakan yang lebih kepada pembangunan industri kecil dan sederhana tempatan supaya dapat membekalkan bahan-bahan mentah dan komponen kepada industri-industri besar. Ini akan dapat mengurangkan import bahan-bahan tersebut dan meningkatkan lagi kaitan (linkages) di antara sektor-sektor industri di negara ini.

#### KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJA

**60. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) mengapakah Kementerian Sumber Manusia tidak mewujudkan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja khas bagi mentadbir dan mengawasi hal ehwal kesihatan dan keselamatan di tempat kerja yang kini semakin memerlukan memandangkan kepada pertumbuhan industri yang amat pesat; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan satu standard kesihatan dan keselamatan yang tinggi dan terjamin diamalkan dalam semua sektor industri di negara ini.

#### **Dato' M. Mahalingam:**

- (a) Kementerian Sumber Manusia tidak perlu mewujudkan sebuah Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja khas bagi mentadbir dan mengawasi hal ehwal kesihatan dan keselamatan di tempat kerja memandangkan sudahpun wujud Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian Sumber Manusia yang memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dengan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967.
- (b) Sebagai langkah meningkatkan lagi standard keselamatan dan kesihatan ke satu tahap yang tinggi di negara ini, Kementerian Sumber Manusia sedang menggubal satu Akta baru, iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Kerja yang akan meliputi semua sektor industri dan pekerjaan di negara ini.

#### NILAI RINGGIT MALAYSIA—KENAIKAN

**61. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan nilai ringgit Malaysia berlabah kukuh berbanding dengan dolar Amerika, Yen Jepun, Sterling dan lain-lain. Adakah ini buat sementara sahaja atau ianya akan terus berkeadaan demikian.

7-5-92

**75. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat manakah ekonomi negara terutama sekali eksport-eksport utama negara terjejas hasil daripada peningkatan nilai

matawang Malaysia baru-baru ini berbanding dengan nilai malawang negara-negara pengimport barangan keluaran Malaysia;

- (b) setakat manakah jumlah barangan import bertambah kerana peningkatan yang sama;
- (c) apakah implikasi terhadap industri-industri tempatan jikalau matawang Malaysia meningkat ke tahap yang sama seperti tujuh tahun yang lalu terutama sekali memandangkan kemungkinan barangan import akan lebih murah daripada barangan keluaran tempatan, dan jikalau keadaan seperti itu berlaku apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (d) jikalau peningkatan ini akan memurahkan import sama ada Kerajaan bertujuan untuk memaksakan pengimport-pengimport mengurangkan harga.

/9-5-92

**19. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan matawang negara (ringgit) sekarang berbanding dengan matawang asing dan adakah Kementerian mengadakan apa-apa langkah yang mengukuhkan lagi ringgit Malaysia.

**26. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah akibat-akibat yang dialami oleh negara di dalam perdagangan antarabangsa apabila nilai ringgit naik dibandingkan khususnya dengan dolar Amerika baru-baru ini, dan sila beri nilai akibat ini, kalau ada. Adakah 'trend' kenaikan nilai ringgit ini akan berlaku berterusan, atau hanya sementara sahaja sebelum ekonomi Amerika pulih semula.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Selain daripada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis pada hari ini terdapat juga beberapa soalan lain mengenai ringgit yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan berikut:

- (a) Lembah Pantai pada 7hb Mei 1992;
- (b) Padang Terap pada 19hb Mei 1992;
- (c) Pagoh pada 19hb Mei 1992.

Oleh kerana soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama, saya memohon izin untuk menjawab kesemua pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan serentak pada hari ini.

Sebagaimana Ahli yang Berhormat sedia maklum, nilai ringgit telah mula menjadi semakin kukuh berbanding dengan beberapa matawang utama mulai penghujung tahun 1991. Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, nilai ringgit meningkat sebanyak 5.8% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, 11.7% terhadap yen Jepun, 15.7% terhadap Deutschemark dan 7.9% terhadap dolar Singapura. (*Sila lihat Lampiran I*).

Kenaikan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (i) prestasi ekonomi negara yang kukuh beberapa tahun kebelakangan ini telah menyebabkan keyakinan terhadap ringgit menjadi semakin kukuh;
- (ii) kadar faedah yang tinggi dalam negara telah mendorong pengaliran masuk dana wang asing ke dalam sistem kewangan negara kita serta menggalakkan pengeksporn-pengeksporn membawa balik hasil eksport ke negara;
- (iii) permintaan untuk ringgit bertambah berikutan dari pengaliran masuk modal asing yang tinggi untuk pelaburan di Malaysia;

**Kadar Pertukaran Ringgit  
Berbanding Dengan Matawang Utama Dunta  
(Akhir Tempoh)**

<i>Tempoh</i>	<i>Komposit*</i>	<i>Dolar AS</i>	<i>Dolar Singapura</i>	<i>Pound Sterling</i>	<i>Deutsche-mark</i>	<i>Yen (100)</i>	<i>SDR</i>
1981	103.49	2.24	1.10	4.29	1.00	1.02	2.61
1982	105.20	2.32	1.10	3.76	0.97	0.99	2.56
1983	107.53	2.34	1.10	3.40	0.86	1.01	2.45
1984	109.50	2.43	1.11	2.83	0.77	0.97	2.38
1985	100.04	2.41	1.15	3.48	0.98	1.20	2.65
1986	86.38	2.60	1.20	3.82	1.34	1.63	3.18
1987	78.65	2.49	1.30	4.67	1.57	2.03	3.54
1988	73.81	2.71	1.39	4.87	1.52	2.15	3.65
1989	76.67	2.70	1.42	4.34	1.60	1.88	3.56
1990 (Mac)	77.38	2.72	1.45	4.49	1.61	1.73	3.55
(Jun)	76.41	2.71	1.47	4.71	1.62	1.77	3.58
(Sept)	72.89	2.70	1.53	5.06	1.73	1.96	3.76
(Dis)	71.83	2.70	1.55	5.17	1.80	2.00	3.84
1991 (Mac)	—	2.77	1.55	4.84	1.63	1.97	3.73
(Jun)	—	2.78	1.54	4.53	1.54	2.02	3.66
(Sept)	—	2.74	1.62	4.79	1.64	2.06	3.75
(Dis)	—	2.73	1.68	5.15	1.81	2.16	3.91
1992 (Jan)	—	2.63	1.61	4.69	1.63	2.09	3.67
(I-cb)	—	2.59	1.58	4.56	1.58	2.00	3.58
(Mac)	—	2.58	1.56	4.48	1.57	1.94	3.55
<b>% PERUBAHAN</b>							
(1985—Dis, 1991)	—	11.7	-31.6	-32.4	-45.9	-44.5	-32.2
(1990—Dis, 1991)	—	-1.1	-7.7	0.4	-0.6	-7.4	-1.8
(1991—SlhbMac 1992)	<b>8.3</b>	5.8	7.7	15.0	15.3	11.3	10.1

(Tanda (-) **mcnunjukkan** kemerosotan)

\* Mulai January 1991 Bank Negara Malaysia telah mengadakan nilai komposit baru.

(iv) kedudukan dolar Amerika Syarikat yang lemah dalam pasaran antarabangsa berikutan daripada pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat yang lebih perlahan.

Nilai ringgit yang tinggi buat masa ini mempunyai beberapa implikasi ke atas ekonomi Malaysia. Ini termasuklah:

(i) Harga barang-barang import akan menjadi lebih murah berikutan dari peningkatan nilai ringgit. Ini mungkin menggalakkan lebih banyak import. Walau bagaimanapun, harga import yang murah boleh mengurangkan kos pengeluaran

industri-industri tempatan oleh kerana kebanyakan daripada pekilang-pekilang mengimport sebahagian besar input-input serta alat-alat kelengkapan mereka.

(ii) Kenaikan nilai ringgit juga boleh memberi manfaat kepada negara dari segi pengurangan dalam jumlah dana tempatan yang perlu diperuntukkan bagi membayar balik hutang luar negara.

(iii) Kekukuhan nilai ringgit juga dapat mengurangkan inflasi yang diimport dan selanjutnya menyederhanakan kadar inflasi dalam negeri.

- (iv) Kenaikan nilai ringgit mungkin menjejaskan daya-saing bebrapa pengeksport-pngeksport. Walau bagaimanapun, masalah ini bolch dialasi jika pengeksport-pngngcksport kita meningkatkan produktiviti mereka dan kurang berharap kepada faktor kadar tukaran wang luar.

Kekukuhan nilai ringgit pada masa ini adalah berikutan daripada prestasi ekonomi negara yang kukuh. Nilai ringgit ini dijangka terus stabil, memandangkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih sederhana berbanding dcngan tahun-tahun yang lepas.

Saya ingin tegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa kekukuhan nilai ringgit selama ini semata-mata disebabkan oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campur tangan dalam pasaran matawang asing. Kerajaan akan hanya campur tangan jika terdapat spekulasi yang berlebihan ke atas ringgit bagi menentukan pasaran mata wang senantiasa berada dalam keadaan teratur.

**PERTUBUHAN BUKAN  
KERAJAAN ANTARABANGSA—  
KEGIATAN MEMBURUKKAN  
MALAYSIA**

**62. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pihaknya sudah berjaya mengesan serta mendapat maklumat lengkap mengenai identiti serta kegiatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (PBK) antarabangsa yang sedang berusaha memperkecil-kccil sena memburuk-burukkan Malaysia di mata dunia, khususnya dalam konteks pemeliharaan alam skitar serta hak asasi manusia. Harap scnaraikan di antara PBK yang aktif dan siapakah pcmbiaya kegiatan mereka. Adakah mcrccka mcmpunyai

pcrtalian dengan PBK tempatan ataupun pembangkang di negara ini?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 1,352 Badan-Badan Bukan Kerajaan atau NGO yang diakreditasikan kepada Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED). Di antara pertubuhan-pertubuhan ini terdapat sebilangan kecil yang mengkrttik Malaysia dari masa ke semasa dan kami percaya ada juga yang mempunyai hubungan dengan NGO-NGO tempatan.

Namun demikian, memandangkan pengawasan ini masih dibuat, kami tidak dapat memaklumkan nama-nama NGO-NGO yang terlibat buat masa ini.

**PENGECUALIAN BAYARAN  
MEMPERBAHARUI KAD  
PENGENALAN**

**63. Tuan Billy Abit Joo** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ada ramai pemilik kad pengenalan lama di pedalaman yang belum memperbaharui kad pengenalan mereka bila mereka mencapai umur yang tertentu; dan
- (b) sama ada golongan ini boleh dikecualikan daripada membayar denda apabila mereka menukar kad pengenalan mereka kepada kad pengenalan baru.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Kerajaan sedar masih ada pemilik kad pengenalan yang belum memperbaharui kad mereka scbagaimana dikehendaki oleh undang-undang.
- (b) Jabatan boleh menimbang untuk mengecuatikan bayaran dalam keadaan khas, seperti kemiskinan dan seumpamanya.

## BANTUAN KEPADA KOMANWEL NEGARA-NEGARA MERDEKA

**64. Tuan Wong Win Onn** minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah dan jenis bantuan yang telah dan akan diberi kepada Commonwealth of Independent States (CIS) oleh Malaysia, dan juga nyatakan mekanisma yang dibentuk untuk memastikan bantuan yang diberi akan disalurkan untuk tujuan yang ditetapkan dan diingini.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Malaysia belum memberikan apa-apa jenis bantuan kepada Komanwel Negara-Negara Merdeka. Malaysia telah menyertai Persidangan Penyelarasan Untuk Bantuan Perikemanusiaan Kepada Rpublic-Rpublic Komanwel Negara-Negara Merdeka (CIS) yang telah diadakan di Washington D. C. pada 22-23 Januari 1992. Persidangan tersebut serta persidangan susulan selanjutnya akan mengenalpasti dan memperakukan bantuan yang diperlukan oleh CIS. Semua bantuan-bantuan kepada Komanwel Negara-Negara Merdeka akan diselaraskan oleh Persidangan tersebut melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa Makanan, Kesihatan, Tenaga, Perumahan dan Bantuan Teknik.

## ORANG ASLI—BANTUAN DARIPADA AGENSI KERAJAAN

**65. Dr Kua Kia Soong** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada Orang Asli boleh mendapatkan bantuan secara terus daripada agensi-agensi Kerajaan lain seperti RISDA dan Jabatan Pertanian, ataupun hanya mencrusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli;
- (b) jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh agensi-agensi ini supaya menggabungkan Orang Asli ke dalam aktiviti-aktiviti atau keramaian mereka;

(c) langkah apakah yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam usaha menukarkan agama Orang Asli kepada Islam.

## Dato' Mohamed bin Jamrah:

- (a) Selain daripada bantuan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Orang Asli mendapat beberapa bentuk bantuan secara terus daripada Jabatan dan Agensi Kerajaan yang lain seperti RISDA, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan FELCRA.
- (b) Agensi-agensi Kerajaan yang disebutkan di atas telah mengambil langkah-langkah untuk menggabungkan Orang Asli ke dalam aktiviti-aktiviti mereka. RISDA mengadakan bantuan melalui skim Tanam Semula Berkelompok (TSB) atau Projek Mini Estet di atas tanah Rizab Orang Asli ataupun di atas tanah yang diluluskan atau dikenalpasti untuk dirizabkan. Selain daripada itu, bantuan peralatan memproses getah keping juga diberikan mengikut keperluan seperti bangsal proses getah, mesin, takung dan lain-lain. FELCRA pula membangunkan tanah berkelompok di kawasan yang dirizabkan dan bakal dirizab untuk Orang Asli.

Bagi Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, Jabaian Pertanian memberi bantuan anak bcnih pokok-pokok buahan dan khidmat nasihat di semua kawasan tidak terhad kepada kawasan rizab. Jabatan Haiwan dalam aspek baka ternakan kambing bebiri, lembu dan anak ayam di semua kawasan. Jabatan Perikanan pula memberi bantuan sangkar, anak benih dan khidmat nasihat di semua kawasan.

- (c) Kerajaan memperkenalkan nilai-nilai murni Islam yang sejagat kepada Orang Asli melalui kursus sivik dan ceramah-ceramah. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan dasar penerapan Islam yang memperkenalkan nilai-nilai murni yang sejagat kepada semua rakyat negara ini termasuk Orang Ash.

**PERMOHONAN KAD  
PENGENALAN BARU—KES  
KUIRI**

**66. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah 77,000 pemohon untuk kad pengenalan baru telahpun ditanggguhkan, sama ada kerani kaunter dan pegawai Jabatan Pendaftaran Negara atau pemohon sendiri yang mesti dipersalahkan, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meringkaskan keseluruhan proses permohonan untuk kad pengenalan baru dan juga mengurangkan berbagai bayaran yang terpaksa ditanggung oleh seorang pemohon.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Permohonan tersebut tidak ditanggguhkan tetapi dikategorikan sebagai kes-kes kuiRI yang sebahagiannya bcrpunca daripada kekurangan (shortcoming) Jabatan seperti cap jari yang kurang densiti yang diperlukan, kekurangan kakitangan atau pada pemohon sendiri seperti kekurangan dokumen sokongan dan maklumat tidak lengkap.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini ialah pengambilan kakitangan baru, memperkenalkan sistem kaunter bersepadu dan meringkaskan proses menyelaras maklumat dalam dokumen sokongan. Ini telahpun dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini Selasa lalu,

**PEPERIKSAAN BAHASA  
MALAYSIA SPM—MENYEMAK  
SEMULA**

**67. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah bilangan calon-calon SPM yang merayu untuk menanda semula kertas Bahasa Malaysia SPM dalam lima tahun yang lepas, keputusan penandaan semula kertas Bahasa Malaysia 1991 dan sama ada Kementerian Pendidikan menyatakan akan mengundang salu panel pendidik-pendidik yang bebas untuk mengkaji semula penandaan semula kertas Bahasa Malaysia SPM untuk memulihkan keyakinan awam terhadap sistem peperiksaan.

**Dr Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah calon yang memohon menyemak semula keputusan Peperiksaan Bahasa Malaysia SPM sejak lima tahun kebelakangan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Calon</i>
1987	2,105
1988	2,200
1989	2,228
1990	1,905
1991	4,298

Pemeriksaan semula kertas-kertas Bahasa Malaysia SPM 1991 dijangka dapat diselesaikan pada akhir bulan Mei ini.

Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengundang panel pendidik bebas kerana panel pemeriksa semula yang telah dipilih adalah terdiri daripada pemeriksa kanan yang berpengalaman luas.

**POLIS—TINDAKAN  
TATATERTIB TERHADAP  
PEGAWAI/ANGGOTA**

**68. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Dalam Negeri supaya mengatakan nombor anggota Polis (termasuk pangkat) yang dikenakan

tindakan disiplin dalam tahun 1991 dan juga hukuman-hukuman yang dikenakan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Pegawai dan anggota Polis yang diambil tindakan tatatertib sepanjang tahun 1991 adalah seramai 2,388 orang yang terdiri daripada 26 orang pegawai-pegawai kanan Polis berpangkat Penolong Penguasa Polis hingga Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, 109 orang Inspektor dan 2,253 orang anggota Polis pangkat rendah. Anlra hukuman yang dikenakan ke atas pegawai dan anggota Polis itu adalah merupakan hukuman berat seperti buang kerja dan turun pangkat yang melibatkan 110 orang dan yang selbihnya adalah merupakan hukuman-hukuman ringan seperti turun gaji, lucut hak gaji, tangguh gaji, henti kenaikan gaji, denda dan celaan.

**KADAR BAYARAN TELEPON  
TIDAKMUNASABAH—ADUAN**

**69. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sejauh manakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan di dalam mengatasi masalah kadar bayaran yang dikenakan kepada pelanggan yang tidak berpatutan berbanding dengan kadar penggunaan yang sebenarnya; dan
- (b) berapakah jumlah banyaknya aduan yang dikemukakan oleh para pelanggan di dalam masalah kadar bayaran ini sejak Telekom diswastakan dan berapa banyak kes aduan ini telah diselesaikan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia telah mcngenalkan sistem Bil Terprinci atau "Itemised

Billing" dengan izin, bagi tujuan mengatasi masalah aduan kadar bayaran yang tidak munasabah. Dengan pengenalan sistem ini, jumlah aduan lelah berkurangan dari 50,271 aduan iaitu 4.4% dari jumlah pelanggan dalam tahun 1987 kepada 21,976 aduan atau 1.21% dalam tahun 1991.

- (b) Jumlah aduan yang diterima dan jumlah kes yang diberi pelarasan adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Aduan</i>	<i>Pelarasan</i>
1987	50,271	2,354
1988	38,145	1,638
1989	26,320	1,804
1990	21,286	1,358
1991	21,976	1,603

**USUL**

**UCAPAN TERIMA KASIH  
KEPADA D. Y. M. M. SERI  
PADUKA BAGINDA YANG  
DI-PERTUAN AGONG SULTAN  
AZLAN SHAH**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelapan." (30hb April, 1992).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan telah dihadkan 20 minit seorang sepertimana yang telah diumumkan minggu lalu. Harap dapat kerjasama dari semua pihak. Nilam Puri, hendak sambung? Sila.

3.37ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri):** Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak Kerajaan dan media massa menonjolkan kejayaan TEN, kejayaan Syarikat Telekom Malaysia di mana syarikat ini memang adalah satu kejayaan-kejayaan kerana mereka berniaga bahan keperluan asas, oleh itu sudah tentulah syarikat ini lebih mudah membuat keuntungan daripada syarikat-syarikat yang lain. Oleh kerana berniaga kemudahan asas ini sudah pasti membawa keuntungan, maka berlakulah rebutan saham dan juga pembahagian saham yang menimbulkan isu besar di Malaysia sekarang ni.

Misalnya baru-baru ini didedahkan dalam *Far Eastern Economic Review* bulan April, kita harap Menteri Kewangan dapat memberi penjelasan terhadap skandal \$2 billion dalam usaha untuk membeli saham dari Syarikat Telekom Malaysia. Dan apabila ditanya lagi oleh pihak warlawan: "kenapakah skandal yang sebesar itu boleh berlaku", maka Menteri Kewangan menjawab: "Apalah salahnya?" Begitulah juga pendedahan yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang bagaimana berlaku lawaran saham terhadap MAIKA Holdings, skandal \$9 juta yang tidak sampai kepada ahli-ahli di bawahnya, tetapi hilang entah ke mana dan perkara ini berlaku juga kerana rebutan terhadap saham Syarikat Telekom Malaysia ini, siapa pun hendak kerana ia menjalankan satu perniagaan yang pasti untung.

Begitu juga pemberian kontrak Telekom yang menimbulkan kemarahan yang mana tidak dapat dielakkan oleh

Menteri Kewangan di mana Syarikat Alshom dari Perancis yang berkongsi dengan syarikat bumiputera Pulau Pinang mendapat kontrak yang begitu banyak dan menjadi spekulasi sekarang ini mengatakan campurtangan Menteri Kewangan untuk memberi saham kepada syarikat tersebut kerana syarikat tersebut ada kepentingan dengan satu badan yang dahulunya pernah dikuasai ataupun dipengcrusikan oleh Menteri Kewangan. Sepatutnya dalam zaman kemajuan industri di Malaysia ini, kita menumpukan perniagaan dan kita memberi galakan kepada barang-barang buatan, bukan kita menunjukkan kegagahan perniagaan syarikat ataupun perniagaan benda yang pasti untung.

Kita mesti mencontohi bagaimana Syarikat Coca Cola telah berjaya mempromote minuman itu sehingga ia menjadi minuman utama di dunia. Kita mesti bekerja kuat untuk memperkenalkan misalnya, bagaimana untuk membolehkan rakyat Korea, rakyat Taiwan memakan dodol kita. Begitu juga barang-barang keluaran Jerman, pisau dan sebagainya yang dianggap baik.

Kita juga mengharapkan supaya industri kita mengeluarkan barang-barang yang baik, yang akan terlekat di dalam pemikiran orang-orang, pengguna-pengguna di dunia ini untuk membeli barang-barang daripada Malaysia, bukan menonjolkan syarikat-syarikat yang membuat keuntungan yang besar, tetapi perniagaannya terlalu mudah.

Dalam perkembangan ekonomi sekarang ini, kita melial untuk memastikan ekonomi berjaya dengan baik, maka kita lihat sasaran utama sekarang ini yang dihenlam ialah hukum hudud. Pendapat yang mengalakan bila laksanakan hukum Islam, laksanakan hukum Allah s.w.t., maka ekonomi tidak akan berkembang; sekali lagi hukum ini dipermainkan semata-mata untuk melihat kejayaan ekonomi tanpa

menyadari bahawa scbarang hukum daripada Allah s.w.t adalah mcmbawa kebaikan.

Pandangan berupa ala-Salman Rushdie semakin menjadi-jadi, dcngan mengatakan kalau dilaksanakan Hukum Hudud, maka orang Melayu akan kudung tangan, orang-orang China yang tidak akan kudung tangan akan mengambil peluang ekonomi. Pandangan ini amat memperli hukum daripada Allah s.w.L

Bagi kami hukum ini adalah hukum Allah s.w.t. dan ia wajib dilaksanakan, oleh itu kita mcnyahut cabaran yang dibuat oleh Yang Amal Berhormat Perdana Menteri Malaysia supaya dipinda undang-undang ataupun Perlembagaan dalam Parlimen ini, di mana semasa pilihanraya Bukit Payung sedang berjalan, Perdana Mcntri berucap di Johor bahawa beliau sanggup meminda undang-undang di Parlimen untuk membolehkan Kelantan melaksanakan hukum hudud ataupun hukum Allah s.w.t. Dan kata-kata Perdana Menteri yang disiarkan dalam Warta Berita, semua media cetak, sama ada media cetak Kerajaan atau yang bukan Kerajaan jangan dielak lagi, jangan mencari jalan untuk mengelakkannya, tetapi kita harap Perdana Menteri dan juga pihak Kerajaan dapat mengemukakan usul untuk melaksanakan pindaan Perlembagaan untuk membolehkan Kelantan melaksanakan hukum hudud ini.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);** Yang Berhormat Batu Berendam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, umum semua tahu bahawa masalah hukum hudud ini telah dilimbulkan oleh PAS sejak bertahun-tahun yang lepas,

mengapa pula hendak tunggu Kerajaan hendak mengemukakan usul untuk meminda Perlembagaan? Apakah ini membayangkan bahawa PAS belum bersiap sedia lagi? Selama ini hanya cakap-cakap kosong sahaja? Kalau PAS sudah sedia yakin bahawa hukum hudud ini baik dan sebagainya, saya cabar PAS supaya mengemukakan usul di dalam Dewan semasa Dewan bersidang, jangan hendak tunggu bulan November, bulan Disember kerana sudah lama bercakap, baru ini hendak kajikah? Jadi tidak payah lunggu Kerajaan. Saya cabar sekarang ini PAS kalau belul-betul hendak melaksanakan hukum hudud di Kelantan, bawa Usul itu ke sini, jadi kita sama-sama akan bincang. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menagih janji sebab ucapan Perdana Menteri ada kualitinya. Perdana Menteri bcrucap di Johor ketika pilihanraya Bukit Payung sedang berjalan, bahawa bila wartawan tanya apakah Perdana Menteri sanggup pinda Perlembagaan? Katanya "Kita akan meminda Perlembagaan", Selepas berlaku usik-mcngusik antara DAP, MCA dan GERAKAN barulah kita nampak ada pandangan-pandangan yang lain, tetapi bagi kita Perdana Menteri tidak akan bercakap kosong. Perdana Menteri seorang yang mulia di dunia ini, seorang yang berwibawa. Oleh itu cakap Perdana Menteri adalah menjadi cakap rasmi, sebab itulah kita lihat supaya Usul itu dapat dibawa dalam Parlimen ini dan kita akan bincangkan pindaan Perlembagaan itu.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Batu Berendam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak PAS kerana

menyanjung tinggi kewibawaan Perdana Menteri kita, baru hari ini kita dengar dia puji, selalunya dia bantai habis-habisan. Tetapi soalnya saya hendak tahu jika sekiranya Kerajaan tidak bawa usul ini, saya hendak tahu bolehkah PAS menyatakan hari ini bahawa mereka sanggup membawa usul, kalau sekiranya pihak Kerajaan tidak bawa, PAS akan bawa dalam persidangan Dewan yang ada pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Bagi kami, kami akan mencari jalan, ruang yang bolch schingga terlaksananya hukum Allah s.w.t.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada lagi ya?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Sedikit. Permintaan saya tadi belum dijawab lagi, saya hendak tahu sama ada PAS akan bawa Usul pindaan Perlembagaan itu atau tidak semasa Parlimen bersidang kali ini ataupun hendak tunggu bulan Disember atau tahun depan? Saya hendak tahu itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita hendak tunggu langkah Perdana Menteri dahulu kerana cakupannya itu menjadi cakap rasmi, melainkanlah kalau semua Ahli Yang Berhormat menganggap Perdana Menteri seorang yang pelawak (*Ketawa*). Kalau menganggap Perdana Menteri seorang yang pelawak, yang bercakap hanyalah untuk memenangi pilihanraya Bukit Payung, itu adalah soal yang lain.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Jerai bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Cukuplah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Jerai.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Nilam Puri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, saya beri jalan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebenarnya PAS ini sudahkah bersedia dengan hukum hudud ini? Dok pang-pang tetapi cerita tidak ada apapun. Jadi pada masa kempen pilihanraya 'hudud-hudud', kalau dengar hudud itu kudung habislah seluruh negeri Kelantan. Jadi, kita memberi laluan bentangkan dalam Parlimen ini supaya kita boleh bahas, ini tidak bentang lagi, dok pang-pang buat apa, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, cukuplah soalnya, tetapi kita tegaskan di sini Perdana Menteri yang hendak bawa ke Parlimen ini dan Perdana Menteri ini saya sanjung sudah lama iaitu Perdana Menteri yang tegas dengan cakap-cakupannya, kalau dia hendak tangkap—dia tangkap, dia hendak bentang—dia akan bentang. Itulah sifat Perdana Menteri kita.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Cukuplah, masa sedikit sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tidak beri?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Bukan saya tidak beri, nanti orang kata saya pakat pula dengan Batu Berendam, kami tidak pakat. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Tidak beri ya? Ya, teruskan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Last.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, kalau sanjung sangat Perdana Menteri masuklah Barisan Nasional, buat apa duduk dalam PAS lagi?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Saya tidak perlu layan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita melihat dalam hal ekonomi ini juga kita mahu rakyat Malaysia menikmati, dapat hasil, dapat menikmati pertumbuhan ekonomi yang sedang melanda negeri kita sekarang.

Sekarang ini terdapat 120,000 pekerja elektronik di Malaysia, mereka menyuarakan untuk menubuhkan union (kesatuan) di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa, sebab kita lihat pekerja elektronik di Malaysia ini mendapat upah yang amat sedikit. Kalau dibandingkan dengan pekerja elektronik di Amerika Syarikat mereka memperolehi pendapatan satu jam US\$8; di Jepun pekerja elektronik memperolehi pendapatan satu jam US\$9. Pekerja di Malaysia tidaklah ingin pendapatan sebanyak itu, tetapi paling kurang berilah habuan kepada pekerja elektronik ini dengan gaji yang agak memuaskan.

Sekarang ini rata-rata pekerja elektronik gaji antara \$350-\$500 sebulan sedangkan barang-barang yang mereka keluarkan dipasarkan di Amerika Syarikat, dijual di kedai-kedai barang runcit, barang-barang elektronik "Made in Malaysia" adalah terlalu murah mengikut taraf pendapatan rakyat

Amerika Syarikat. Bila kita tanya, mereka kenapa barang-barang ini terlalu murah? Mereka menjawab, "bahawa barang-barang ini dibuat di Malaysia, kerana kami di sana mendapat buruh yang murah, oleh itu kami dapat memasarkan barang itu yang terlalu murah dibandingkan dengan taraf hidup ataupun pendapatan di Amerika Syarikat". Oleh itu kami daripada PAS menyokong penuh kesatuan sekerja dibentuk di peringkat kebangsaan untuk pekerja elektronik supaya mereka dapat memperjuangkan nasib mereka pada masa hadapan lebih mendapat tempat untuk menikmati hasil keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga untuk memantapkan ekonomi, ekonomi berkembang biak sudah tentulah sektor keselamatan, keselamatan negara hendaklah terjamin. oleh itu Pasukan Keselamatan, pegawai-pegawai Polis terutama sekali gaji mereka hendaklah difikirkan semula atau dikaji semula.

Sekarang ini di bawah Skim SSB, Pasukan Polis ketinggalan jauh. Mereka tidak mendapat habuan daripada kenaikan gaji seperti badan-badan lain ataupun badan-badan Kerajaan yang lain mendapat nikmat. Misalnya Commissioner of Police atau Pesuruhjaya Polis yang bertaraf tiga bintang, kedudukannya adalah setaraf dengan Leftenan Jeneral dalam Angkatan Tentera. Tetapi kita lihat sekarang ini gaji Pesuruhjaya Polis adalah terlalu rendah dibandingkan dengan Jeneral yang bertaraf tiga bintang. Commissioner of Police ini mendapat gaji yang paling kurang berbanding dengan yang bertaraf dua bintang di dalam Angkatan Tentera. Begitu juga Inspektor Polis, kelayakan untuk masuk menjadi Inspektor sama dengan pegawai Kastam. Latihan yang mereka lalui lebih lama. Mereka terpaksa lalui latihan yang lebih lama untuk menjadi pegawai Polis. Tetapi Skim SSB baru-baru ini menampakkan gaji mati

bagi Inspektor Polis lebih rendah dibandingkan dengan gaji mati yang dinikmati oleh pekerja-pekerja Kastam. Gaji yang diperolehi oleh pekerja Kastam itu adalah agak baik. Jangan turunkan hak mereka, tetapi gaji anggota Polis hendaklah difikirkan semula kerana anggota Polis ini tidak seperti ahli-ahli union yang lain yang mana mereka boleh menyuarakan hak mereka, tuntutan mereka. Tetapi pihak Polis ini tidak sebcbas dari segi menyuarakan tidak puas hati mereka terhadap Skim SSB ataupun gaji baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan baru-baru ini di mana semua pangkat daripada Commissioner sampailah konstabel, gaji mereka amatlah rendah dibandingkan dengan gaji yang dinikmati oleh cabang pasukan keselamatan yang lain.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, Polis adalah tanggungjawab mereka mempertahankan undang-undang yang telah diluluskan di Parlimen. Mereka menjaga supaya negeri ini aman dan tenteram.

Satu cabang lagi untuk menentukan supaya negara ini sentiasa berada aman dan tenteram ialah kehakiman mahkamah. Mereka inilah badan final yang menentukan seseorang itu bersalah ataupun tidak. Kebebasan kehakiman menjadi renungan, menjadi perbincangan hatta di kalangan rakyat bawahan sekarang ini. Kebebasan kehakiman amatlah penting sebab apabila keputusan dibuat oleh hakim itu walaupun dia bersalah ataupun menang ataupun dia tidak bersalah tetapi rakyat berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh para hakim. Kebebasan kehakiman ini kalau tidak dijaga, ia akan membawa satu mala-petaka yang dahsyat. Itulah apa yang berlaku di Amerika Syarikat sekarang.

Insiden di Los Angeles di mana pengadilan yang dilakukan terhadap Rodney King, seorang black, seorang hitam, video menunjukkan bagaimana

pihak Polis telah membelasah Rodney King itu dapat dilihat dengan mata kepala kasar oleh orang-orang biasa bahawa mahkamah sepatutnya menjatuhkan hukuman bersalah kepada empat orang anggota polis kulit putih yang membelasah Rodney King. Tetapi rakyat black terkejut dengan keputusan yang dibuat oleh para hakim, iaitu empat orang anggota Polis tidak bersalah. Bila mereka tidak percaya lagi kepada mahkamah, akhirnya rakyat mengambil undang-undang ke tangan mereka sendiri. Itulah apa yang berlaku amok ataupun rusuhan di Los Angeles merebak kepada 27 bandar. Kerugian setakat ini sudah pun melebihi US\$3 billion, satu kerugian yang amat dahsyat.

Begitu juga di Malaysia sekarang ini, kebebasan kehakiman mula dipersoalkan di peringkat rakyat biasa. Misalnya keputusan yang dibuat di Bukit Payong di mana seorang yang lumpuh mengakibatkan berlaku pilihanraya semula. Kemudian pula penceramah-penceramah di pihak Kerajaan sebelum itu telah mengatakan bahawa Hassan Mohamad ini pura-pura lumpuh, tetapi oleh kerana dia ini benar-benar lumpuh maka pada 2hb Syawal yang lalu Hassan Mohamad telahpun menghembuskan nafasnya yang terakhir, meninggal dunia pada 2hb Syawal yang lalu. Rakyat Bukit Payong terutama penyokong parti Pembangkang amat berkecil hati di atas keputusan itu. Mereka memendam perasaan, mereka sedih. Tetapi kami daripada PAS dapat mengawal perasaan ahli-ahli kami. Kita mengatakan walaupun keputusan itu menyayat hati, kita masuk pilihanraya kerana kita telahpun bertanding sejak tahun 1955 yang lalu. Tetapi bagaimana satu hari nanti keputusan yang dibuat oleh hakim menyayat hati orang-orang bawah dan waktu itu pemimpin-pemimpin parti politik Pembangkang tidak dapat mengawal perasaan, maka ketika itu kita bimbang peristiwa di Los Angeles itu akan boleh berlaku di mana-mana akibat kebebasan kehakiman yang berlaku sedemikian rupa.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertarik hati dengan apa yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri sebentar tadi tentang keputusan mahkamah. Saya ingin tahu apakah Yang Berhormat cuba menonjolkan bahawa keputusan mahkamah itu satu keputusan yang tidak adil. Saya hendak tahu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya akur dengan keputusan mahkamah. Tetapi orang biasa melihat sekarang ini kebebasan kehakiman semakin terhakis termasuklah orang-orang profesional, peguam-peguam Bar Council—itu profesion mereka. Tetapi orang-orang bawahan kami sendiri sebenarnya bila kami mengambil keputusan untuk bertanding di Bukit Payong, orang-orang bawahan PAS mengalakan tidak perlu lagi bertanding kerana mahkamah telah berada di pihak parti pemerintah. Kami memujuk ahli-ahli PAS, kami mengatakan tidak, kita kena bertanding sebab kalau kita tidak bertanding, ertinya kita sudah tidak menjunjung demokrasi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta menggulung perbahasan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung ucapan ini, saya ingin memetik Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, laitu muka terakhir, mukasurat 7:

"Beta juga menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat supaya menjalankan tugas,

kwajipan serta tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara".

Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Ncgara hendaklah mendapat yang sama. Bagaimana kami dari parti Pembangkang hendak menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab, ikhlas, jujur dan licin, sedangkan dari segi peruntukan Kerajaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak sama. Parti-parti Pembangkang tidak memperolehi peruntukan pembangunan, kalau tidak silap saya 5200,000 setahun. Kami tidak memperolehi peruntukan itu, sedangkan pihak Barisan Nasional memperolehi peruntukan itu. Oleh itu, ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak dihayati oleh Kerajaan sendiri. Kita harap Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong akan dihayati sepenuhnya dan keadilan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi golong. Mutakhir ini kita melihat Parlimen seolah-olah sudah menjadi kelab eksklusif. Sidang Parlimen ini tidak lagi dilaporkan di dalam TV. Dahulu ada Laporan Parlimen, sekarang sudah tidak ada. Kami dari parti Pembangkang sudah biasa dengan tidak ada laporan, tetapi sekali-sekala kami hendak tengok juga muka Arau, muka Batu Berendam, muka Parit Sulong dalam Parlimen walaupun muka Nilam Puri yang handsome ini tidak keluarpun tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita melihat. ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:.....**  
dan kita harap diperbetulkan semula supaya laporan ini disiarkan supaya rakyat dapat mengetahui apa dia sidang Parlimen sedang berlangsung, dan kita harap RTM dan juga media-media Kerajaan akan mengambil peluang untuk menyiarkan segala ucapan ataupun perbincangan yang berlaku di Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Parit Sulong.

3.58ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin merujuk kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Perlu. Agong yang mengatakan di muka 5 bahawa:

"Ketika negara mencapai kemajuan yang pesat dalam berbagai bidang kita hendaklah berwaspada dan mengambil tindakan untuk mengurangkan atau menghapuskan kesan-kesan buruk terhadap alam sekitar daripada proses pembangunan."

Baginda menyeru atau menekankan bahawa penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak dan usaha ke arah mewujudkan kesedaran rakyat terhadap alam sekitar akan dipertingkatkan melalui Program Minggu Alam Sekitar yang disambut setiap tahun.

Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri negara kita yang telahpun meletakkan Malaysia kepada satu tahap yang paling tinggi di dalam hal ehwal penjagaan alam sekitar walaupun negara ini sering dan sentiasa berterusan jadi sasaran kumpulan-kumpulan bukan Kerajaan ataupun

NGOs antarabangsa yang menekan kita dan menindas kita dari segi penjagaan, pengawalan dan penyeliaan hutan-hutan tropika.

Dalam konteks ini, saya rasa Malaysia memang harus diberi satu penghargaan oleh pihak dunia dan persidangan yang diadakan di Kuala Lumpur telahpun membuktikan hakikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan mengenai penghakisan ozon (ozone layer) ataupun penghakisan lapisan ozon yang memang membahayakan kepada dunia dan masyarakatnya. Sebagaimana yang telah dilaporkan oleh banyak majalah-majalah antarabangsa, penghakisan "ozone layer" sekarang ini adalah satu hakikat. Satu hakikat yang harus dipandang serius, yang memerlukan perancangan yang terawal dan terke hadapan oleh mana-mana pihak, termasuk sesebuah negara walaupun negara itu negara maju ataupun negara itu negara membangun sepertimana status negara kita sekarang.

Kita secara orang awam mengetahuinya dari majalah-majalah, sekiranya ozone layer ini berkurangan, pancaran lembayung matahari ataupun ultra-violet yang akan menyinar kepada kita, khususnya kepada kita yang berada digarisan khatulistiwa akan jadi semakin panas dan semakin terik.

Banyak perkara-perkara yang boleh timbul dari penghakisan ozone layer ini. Pertamanya adalah penyakit-penyakit yang boleh menjejaskan mata, yang boleh menjejaskan penglihatan. Yang keduanya adalah kanser ataupun barah kulit. Ketiganya mengenai penjejakan "immune system" kita daripada menahan penyakit, bukan sahaja oleh kerana penyakit AIDS. Selepas itu, ia akan menjejaskan penghasilan tanaman-tanaman dan juga akan menjejaskan survival ataupun hidup-mati marin ataupun perikanan kita. Perkara ini, saya rasa adalah satu perkara yang amat berat,

satu perkara yang memerlukan perancangan yang teliti daripada pihak bertanggungjawab.

Maka, seiras dengan ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya penjagaan alam sekitar adalah tanggungjawab semua, di samping pada hari ini kita menanamkan, memupuk semangat cinta alam sekitar di kalangan anak-anak sekolah, umpamanya menerusi program-program yang sedang dilancarkan seperti di Lembah Kelang, harus melihat lebih ke hadapan mengenai hal ini.

Saya yang datang dari kawasan selatan, Pantai Barat Semenanjung, khususnya daripada Batu Pahat amat khuatir. Saya khuatir oleh kerana ada satu laporan mengatakan lebih kurang setengah kurun akan datang ini sebahagian Pantai Barat Negeri Johor atau kira-kira 5,000 km persegi, akan hilang, akan ditenggelami air setinggi satu meter ataupun lebih kurang 3 kaki. Ini adalah akibat penghangatan air ataupun global heal yang lahir oleh kerana "greenhouse effect". Perkara ini hari ini mungkin merupakan omong-omong kosong, sebagaimana apabila komputer diperbincangkan 20 tahun yang lalu kita mengambil satu pandangan yang agak remeh.

Tetapi, saya merasa amat takut dan amat ngeri bagi pihak generasi yang akan datang. Saya bukan sahaja takut Negeri Johor sebagai Pantai Barat Malaysia ini hilang. Tetapi kita juga akan kehilangan banyak lagi tempat-tempat yang mungkin menjadi "rice bowl", seumpamanya di negeri Siam, yang akan tenggelam. Sebahagian dari Tanah Jawa juga akan tenggelam, hasil daripada "greenhouse effect".

Jadi, perkara ini Tuan Yang di-Pertua, adalah masalah alam sekitar. Saya mengucapkan syabas. Saya tengok suratkhbar baru-baru ini nampaknya Kerajaan mula mengambil kakitangan

dari segi pemeliharaan alam sekitar atau environment. Tetapi pada waktu yang sama, saya amat kesal sekali apabila ada juga syarikat-syarikat, sama ada syarikat-syarikat dalam negara ataupun menurut laporan yang saya terima dalam suratkhbar—benar, tidak benar, saya tidak lahu—syarikat-syarikat dari Singapura juga menjadikan negara kita "dumping ground" kepada chemicals yang boleh menjejaskan alam sekitar dan boleh mencemarkan air dan boleh membawa akibat penyakit kepada manusia. Bagaimanakah syarikat-syarikat dari luar negeri boleh membawa bahan-bahan toksid masuk ke dalam negara ini dan dibuang ke negara ini, tetapi kita tidak tabu. Ini adalah satu perkara yang agak menghairankan atau mungkin perkara ini berlaku oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa (enforcement officers). Kalau itulah jawapannya, maka kita harus melihat kepada perkara-perkara enforcement. Oleh kerana saya dapat tahu—mungkin saya tidak betul tetapi pihak JPA—kalau ada permohonan-permohonan untuk menambahkan kakitangan Kerajaan, kalau permohonan-permohonan itu tidak mendatangkan economic benefit, kalau kakitangan yang hendak dipohon itu umpamanya ialah bukan berkhidmat untuk menguasai sesuatu yang mendatangkan kewangan, perkara ini agak dipandang ringan.

Jadi, perkara ini saya harap dipandang serius. Saya tidak mahu generasi akan datang, saya tidak mahu generasi Wawasan 2020, saya tidak mahu kecemerlangan negara yang sedang divisikan dan diberi kepimpinan politik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan hancur sekiranya alam sekitar dan masa depan generasi kita dengan ancaman alam sekitar tidak kita atasi mulai hari ini. Jadi, dengan itu saya hanya mengambil masa yang singkat mengenai hal ini dan saya serahkan segala-galanya kepada kebijaksanaan kepimpinan kita untuk menyelesaikan perkara ini.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tetapi saya juga minta pihak Pembangkang, saya meneliti ucapan Ketua Pembangkang, saya meneliti ucapan bagi pihak PAS, saya juga meneliti ucapan daripada saudara saya daripada PAS yang tadi. Tumpuan mereka terlalu singkat, terlalu sempit, tidak pernah sekali pun mereka mempersoalkan alam sekitar melainkan isu-isu alam sekitar yang boleh dipoliticisekan untuk kepentingan mereka yang sempit. Saya harap di dalam hal ini pihak Pembangkang juga akan sama-sama mencroakai.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Parit Sulong ini dia dengar ucapan daripada Ketua Pembangkang—kerana sebahagian daripada ucapan itu mengenai alam sekitar—dengan teliti, hasratnya bagi dasar negara ini?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti tetapi cakap saya jangan memberi tumpuan kepada alam sekitar apabila masalah alam sekitar itu dipoliticisekan demi kepentingan politik yang sempit pihak saudara. Itu yang saya tidak mahu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, harapan saya pada waktu yang akan datang biarlah kalau umpamanya kita dituntut untuk berbelanja lebih sedikit di dalam kita memelihara warisan alam sekitar kita, demi kepentingan generasi akan datang sama-samalah kita menyokongnya. Dan dengan itu saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong.

4. 08 ptg.

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk berucap atas 2-3 isu juga, isu penting bagi masa hadapan negara ini. Isu pertama, Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai hukum hudud.

Tuan Yang di-Pertua, dalam 3-4 minggu kebelakangan atau 5 hari saya ingat terdahulu daripada pilihanraya kecil di Bukit Payung kenyataan rasmi oleh Perdana Menteri bahawa Kerajaan sedia untuk meminda Perlembagaan negara ini membolehkan hukum hudud dilaksanakan dalam negara ini. Itu kenyataan beliau di negeri Johor. Kenyataan itu pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu bahan politik untuk menang dalam pilihanraya kecil di Bukit Payung. Sclepas itu, MCA.....

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada Yang Berhormat bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin minta jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini orang muda.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Orang muda atau orang tua pun kalau tidak ada pengalaman, tidak guna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tunggu dulu. Kalau dia tidak boleh beri jalan, tidak boleh berucap.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jalan. Beri atau tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini mengenai negara, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa.....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Spcaker, selepas kenyataan Perdana Menteri, MCA, Gerakan dan pemimpin-pemimpinnya pada umumnya menyatakan tentu menyokong pindaan itu kepada Perlembagaan Ncgara. Barangkali Perdana Menteri buat kcnnyataan itu untuk political milcage untuk menang di Bukit Payung. Saya ingat Perdana Menteri seorang yang arif, dia tahu pada masa itu Perlembagaan tidak boleh dipinda untuk membolehkan hukum hudud dilaksanakan ke atas orang-orang bukan Islam. Dia tahu sebab dia orang pandai. Dia dapat nasihat daripada Peguam Negara. Oleh itu dia buat kenyataan itu tetapi sekarang dia mahu pusing. MCA pun mahu pusing. Dahulu kita semua tentu beri sokongan penuh kepada satu pindaan sepertimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri di Johor. Sekarang tidak oleh kerana pindaan seperti itu bukan untuk kepentingan orang bukan Islam.

Tuan Speaker, apa yang terjadi adalah isu ini telah disalahguna kuasa oleh Kerajaan untuk political mileage. Sekarang, dengan izin, the ball is now in the court of PAS. Kami di sini, Tuan Speaker, merayu kepada PAS supaya jangan membawa salu usul untuk mcinda Perlembagaan bagi membolehkan perlaksanaan hukum hudud ke atas orang-orang yang bukan Islam.

Tuan Speaker, apa yang saya faham ada peruntukan di dalam Al-Quran mcngenai hukum hudud. Apa yang ada di sana untuk kepentingan orang-orang beragama Islam. Tidak boleh untuk menghapuskan "to destroy the basic structure" bagi Perlembagaan Negara. Ada peruntukan dalam Perlembagaan Negara kita untuk meminda satuperkara.

Tetapi itu untuk pindaan, bukan untuk "alter the basic structure of the Constitution." Jadi, kebebasan beragama adalah basic structure of the Constitution.

Perkara 3, Tuan Speaker, memperuntukkan Agama Islam menjadi agama rasmi dalam negara ini. But that same Article is very fast to add, dengan izin, "Bul all other religions can be practised in ppace and harmony in the Federation."

Perkara 11, Tuan Speaker, membolehkan seseorang bukan Islam untuk praclise his own religion. Bukan parti DAP, pemimpin-pemimpin dalam parti DAP.....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Tasek Chenderoh bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, tidak ada masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada masa, 20 minit sahaja.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan pemimpin DAP, khasnya rakan saya dari Tanjong yang menyercu membuat rayuan kepada PAS untuk mclaksanakan hukum hudud di Kelaman. Ini jadi satu alat yang dimainkan oleh PAS dan UMNO untuk kepentingan diri sendiri. Parli DAP lidak ada apa-apa sangkutan dengan pelaksanaan hukum hudud ke atas orang-orang yang bukan Islam.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Batu Berendam bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini pun orang jahat. (*Ketawa*) Saya tidak mahu beri jalan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta dia tarik balik, perkataan "orang jahat".

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, perkataan "orang jahat" kepada Ahli Yang Berhormat Batu Berendam itu tidak kena.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jahat tidak jahat, semua orang tahu.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling, minta dia larik balik perkataan "orang jahat".

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh tarik balik tetapi apa kenyataan itu semua orang tahu. (*Ketawa*) Apa yang kenyataan saya tidak boleh tarik balik. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.....

**Tuan R. Karpal Singh:** What's a fact will remain a fact. You asked for it, you get it.

**Tuan Yang di-Pertua:**.....jika Yang Berhormat tidak mahu tarik balik, saya tidak benarkan Yang Berhormat berucap.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tarik balik tetapi apa yang fact tidak boleh diubah. (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, barangkali dia orang baik. Itu pun fact juga. Ya, Yang Berhormat Batu Berendam sila duduk.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Terima kasih.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu barangkali juga, Tuan Speaker. (*Ketawa*) Tetapi kemungkinan dia orang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, untuk rekod, tuduhan-tuduhan yang ada dibuat oleh pemimpin MCA khususnya Presiden MCA baru-baru ini, dengan umum dia menyatakan, dengan izin: "Lim Kit Siang has set the fire in Kelantan. He should go there to do the fire fighting." Ini semua, Tuan Speaker.....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tasek Chenderoh bangun.

**Tuan R. Karpal Singh:** . . . .  
kenyataan-kenyataan yang misleading.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak ada asas oleh kerana bukan DAP yang ada apa-apa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Dia belum cakup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tak payah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tidak beranilah.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini kaki kakau!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan. Yang Berhormat bercakap, masa sudah habis. Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Spcacr, kami dalam DAP mengalukan kenyataan oleh Presiden Scmangat 46 baru-baru ini. Hukum hudud boleh dilaksanakan ke atas orang-orang beragama Islam tetapi bukan ke alas penduduk-penduduk dalam negara ini yang bukan beragama Islam. Itu saya ingat satu kenyataan yang baik yang parti DAP sokong sepenuhnya.

Tajuk kedua, Tuan Speaker, ini mengenai kuasa yang ada diberi kepada Menteri Dalam Negeri. Tuan Speaker sebagai seorang hakim di masa dahulu, kuasa yang ada diberi kepada Menteri ini di bawah seksyen 8(1) ISA, seksyen 6(1) Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 dan seksyen 4(1) Emergency (Public Order and Prevention of Crimes) Ordinance 1969. Di bawah ketiga-tiga peruntukan undang-undang ini, budibicara diberi kepada Menteri ini untuk menahan seseorang tanpa peluang untuk bela diri di mahkamah. Peruntukan ini adalah peruntukan yang luas. Ini jadi undang-undang, oleh kerana ini undang-undang, kami di sini dipaksa untuk menerima undang-undang ini sebagai undang-undang. Tetapi adakah budibicara yang diberi kepada Menteri ini digunakan dengan baik.

Pada hari Sabtu, di Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang, di sana saya ada bagi pihak seorang Ang Chng Keng scbagai pccguam. Saya mahu membongkar pecuntary interest saya, jikalau saya boleh berucap di atas kes itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih. Dalam kes itu, di bawah seksyen 6(1), Timbalan Menteri kali ini dengan kuasa yang sama diberi kepada Menteri Dalam Negeri, Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam affidavit yang difailkan dalam mahkamah, dia menyatakan masa dahulu satu perintah yang dikeluarkan oleh Menteri bahawa orang ini ada terlibat dalam pagedaran dadah dan oleh itu dia jadi seorang yang harus ditahan dan dia ditahan di bawah perintah yang ada dibuat oleh Menteri.

Dalam affidavit ini, beliau menyatakan, "Di bawah peruntukan seksyen 6(1) Menteri Dalam Negeri—ini termasuk Timbalan Menteri—boleh, jikalau berpuashati selepas meneliti laporan-laporan yang ada dihantar kepadanya oleh Polis, mengeluarkan suatu perintah", dan Timbalan Menteri dalam affidavit ini menyatakan begini. Ini scandalous olch kerana jikalau ini boleh dibuat ke atas seorang warga-negara, suatu kuasa yang diberi yang boleh disalahgunakan, Tuan Yang di-Pertua, this does not reflect well on the administration of this country, dengan izin. Beliau menyatakan, "selepas meneliti laporan-laporan yang saya terima terhadap Tan Kok Wah—orang yang kena tahan ialah Ang Cheng Keng tetapi ini Tan Kok Wah—"selepas meneliti laporan-laporan ke atas orang ini, saya mengeluarkan perintah ini".

Adakah Timbalan Menteri ini membaca laporan-laporan itu? Laporan itu adalah mengenai Tan Kok Wah. Tidak ada kena mengena dengan Ang Cheng Keng tetapi Menteri ini mengeluarkan satu perintah dan orang itu ada ditahan di Simpang Renggam sudah lebih kurang satu tahun. Jikalau ini satu kesilapan dan ini menjadi satu kesilapan besar iaitu mengenai kebebasan seseorang, adakah Menteri ini—dia tidak ada di sini hari ini dan saya hendak hentam dia baik-baik, (*Ketawa*)—ini adalah satu kesilapan, Tuan Speaker, dan tidak boleh di-maafkan. Bukan ini pertama kali, bukan sahaja Timbalan Menteri Dalam Negeri

tetapi Menteri Dalam Negeri juga dalam satu affidavit iailu dalam satu kes Karpal Singh melawan Menteri Dalam Negeri dan seorang lain iaitu dalam tahun 1988 mengenai ISA juga, iailu seksyen 81.

Dalam satu affidavit, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengaku mengenai prtuduhan kcenam di mana ada disebut pada 10hb Oktober, 1987 bahawa saya ada membuat satu ucapan hangat, racial speech, di Pulau Pinang. Masa itu saya ada berdepan dengan Ketua Hakim Negera Tun Abdul Hamid yang di masa itu sebagai Hakim Besar Pulau Pinang. Menteri ini mengatakan, saya ada membuat satu racial speech, dengan izin. Saya ada membuat speech tetapi dalam mahkamah di hadapan Hakim Besar, bukan luar daripada mahkamah. Perdana Menteri masa itu ada membuat satu affidavit dan dalam message affidavit dia mengaku ada kesilapan.

Apabila Yang Arif Peh Swee Chin mengemukakan satu *habeas corpus* untuk membebaskan saya, 9 jam selpas itu saya ditangkap balik apabila saya hendak pergi ke rumah saya di Pulau Pinang. Silap! Bolchkah ada kesilapan dalam perkara di mana kebcbasan seorang warganegara dalam negara ini ada terlibat? Itu soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dalam jawapannya lusa boleh memberi jawapan yang boleh diterima dari pihak kami di sini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batu Berendam.

4. 25 ptg.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdu Ghafar (Batu Berendam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian menyokong Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah sudi merasmikan Sidang Parlimen Penggal Kedua pada 27hb April yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, perasmian Sidang Parlimen ini oleh Seri Paduka Baginda sekali lagi menandakan betapa teguhnya instilusi demokrasi berparlimen hidup subur di negara ini. Kehadiran Baginda merasmikannya juga melambangkan kemantapan institusi Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara kita. Baginda adalah lambang perpaduan rakyat yang berbilang kaum, agama dan keturunan. Baginda adalah payung negara di mana rakyat bernaung dengan aman dan penuh kesejahteraan. Pimpinan Baginda yang adil lagi saksama selaku Ketua Negara dan Ketua Agama di bawah lunas-lunas institusi ini merupakan daya inspirasi kepada rakyat jelata untuk terus berusaha bagi meningkatkan lagi kesejahteraan dan kemakmuran negara untuk kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu institusi Raja Berperlembagaan ini berbeza dengan sistem Raja mutlak yang wujud di zaman dahulu kala terus terpelihara mengikut asas-asas Perlembagaan itu. Institusi Raja Berperlembagaan yang kita cipta dan merupakan suatu institusi yang paling unik terdapat di dunia, berkehendakkan kita dari rakyat jelata sehinggalah ke Raja-raja sendiri bertindak atas asas-asas Perlembagaan yang digubal dalam sistem demokrasi yang kita amalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini kerana akhir-akhir ini kita telah digemparkan dengan berita-berita mengenai seorang Sultan yang membawa keluar kereta mewah dari gedung kargo MAS di Subang tanpa membayar sebarang cukai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya harap perkara itu dapat diucapkan di luar Parlimen tetapi di dalam Parlimen, kita terikat dengan Peraturan 36(8), kerana sifat mana-mana Duli Yang Maha Mulia Raja-raja tidak boleh dibincangkan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya tidak berniat untuk mempersoalkan sikap Raja-raja dan sebagainya. Tujuan saya ini ialah hendak membawakan kepada Perlembagaan Negara kita. Mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh memberi saya peluang sedikit tentang perkara ini dan mungkin Tuan Yang di-Pertua akan faham maksud saya itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika tidak menyentuh sifat-sifat ataupun tingkahlaku yang tersebut di dalam Peraturan 36(8), Yang Berhormat boleh berucap. Jika sangkut, saya tidak boleh bincarkan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Kalau saya sebutkan isu ini ada kaitan dengan hukum hudud, bagaimana Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Seperti yang saya katakan tadi, jikalau tidak bersangkutan dengan sifat-sifat Raja, boleh berucap.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Di atas pandangan ataupun nasihat Tuan Yang di-Pertua ini, saya akan cuba ikut, tetapi walau bagaimanapun, pada pandangan saya, selepas mengkaji teks ucapan yang telah saya sediakan ini, saya rasa ianya tidak menjejaskan imej Raja-raja itu sendiri. Saya hanya hendak membangkitkan tentang pentingnya wujudnya institusi Raja-raja itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar saranan-saranan mengenai perlunya suatu Kod Etika untuk Raja-raja dan tidak kurang pula pendapat bahawa Etika perilaku Raja-raja adalah berasaskan Al-Quran dan Sunnah Rasul. Apa pun Kod Elikanya, tindakan Raja-raja itu hendaklah mencerminkan tatacara perilaku yang adil, berhemah dan berlandaskan peraturan-peraturan yang digubal-cipta di bawah Perlembagaan Negara.

Kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan dan kita harus menghormati dan bertindak dalam konteks sistem yang kita dokong ini. Kita telah lama meninggalkan zaman Raja mutlak di zaman bahari di mana Raja memiliki segala daripada harta, tanah dan kekayaan negara, malah setiap individu rakyat keseluruhannya. Bahkan Raja boleh bertindak mengikut sesuka hatinya seperti kata pepatah "Bersukan di mata, Beraja di hati."

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ramai rakan-rakan bersetuju, institusi beraja diwujudkan dengan tujuan supaya Raja-raja menjadi pelindung kepada rakyat. Jika tujuan mewujudkan institusi ini terpesong maka kewujudan institusi tersebut tidak bermanfaat lagi. Rakyat memang menjunjung tinggi apabila ada seseorang Raja yang berikrar hendak mengikut ajaran Al-Quran dan Sunnah Nabi dalam melaksanakan tugas-lugasnya. Tetapi kita hendaklah sedar bahawa manusia yang hidup dalam dunia yang penuh pancaroba ini berkehendakkan undang-undang dan peraturan-peraturan lambahan yang dibuat oleh manusia untuk disesuaikan dengan berbagai-bagai keadaan yang berlaku. Misalnya di dalam Al-Quran dan Hadis tidak ada menyebut hak istimewa bagi Raja seperti pelepasan cukai barang-barang yang dibawa masuk oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pelepasan untuk sebanyak 7 buah kereta bagi seorang Sultan sepertimana yang diputuskan oleh Majlis Raja-Raja dalam tahun 1972 dahulu telah dipersetujui oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan. Ini menunjukkan Barisan Nasional, UMNO khususnya, sangat menghormati Raja-Raja walaupun keputusan yang dibuat oleh Majlis Raja-Raja itu sesuatu yang dipaksakan ke atas Kerajaan.

Di negara ini terdapat hanya 9 orang rakyat sahaja iaitu Raja-Raja yang mendapat hak istimewa pelepasan cukai untuk sebanyak 7 buah kereta seorang sedangkan rakyat jelata termasuk yang paling miskin pun terpaksa membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, perlu dinyatakan menegur atau mengkritik Raja-Raja tidak bererti hendak menghina Raja, jauh sekali meruntuhkan institusi Raja. Sebaliknya teguran-teguran itu bertujuan untuk memperbetulkan jika berlaku apa-apa kcsilapan bagi mengukuhkan lagi institusi Raja tersebut.

Di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak DAP dan PAS janganlah mengambil kescmpatan politik kerana hanya UMNO sahajalah dan mungkin parti Semangat 46 yang memperjuangkan sistem Raja Berperlembagaan spherli yang termaktub di dalam Perlembagaan UMNO dan Semangat 46 yang mengasaskan Perlembagaannya atas Perlembagaan UMNO. Sebaliknya tidak termaktub di dalam perlembagaan Parti PAS mahu pun DAP untuk memperjuangkan sistem beraja di negara ini. Oleh itu, rakyat tidak harus tertipu dengan dakyah-dakyah.....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya tidak bcnarkan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu rakyat tidak harus tertipu dengan dakyah-dakyah mereka seolah-olah merekalah yang memperjuangkan sistem bcraja sedangkan hakikat sebenarnya tidak.

Di samping itu, Kerajaan PAS Kelantan juga mestilah menyedari hakikat bahawa negara ini dan negeri Kelantan khasnya memerlukan wang yang banyak untuk membangunkan

ekonomi rakyat. Walaupun Menteri Besar Kelantan pernah mengatakan kemiskinan itu sudah takdir namun rakyat Malaysia termasuk rakyat Kelantan sendiri sudah tentu mahukan kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Bagi mencapai tahap kehidupan ini, Kerajaan perlu berikhtiar untuk mengadakan wang yang begitu besar dan ini termasuklah cukai-cukai yang telah ditentukan dan mesti dibayar oleh semua pihak termasuk Raja-raja. Dalam crti-kata yang lain, Tuan Yang di-Pertua, Raja dan rakyat hendaklah sama-sama memikul tanggungjawab membangunkan negara ini.

Adalah satah pendapat yang mengatakan bahawa kekuatan Raja-raja itu bergantung kepada jaminan yang ada dalam Perlembagaan semata-mata. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kekuatan Raja-raja adalah terletak di atas kasih sayang rakyat terhadap Raja itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu melihat tindak-tanduk Raja-raja yang boleh menjejaskan martabat institusi Raja-raja itu sendiri sehinggakan rakyat hilang hormat terhadap Raja. Kita juga tidak mahu melihat keruntuhan sistem beraja seperti yang berlaku di Russia, di Perancis, di India dan di beberapa buah negara yang lain.

Perlu disedari bahawa dari kira-kira 20 orang Raja-raja yang masih memegang jawatan ketua negeri di dunia ini separuh dari mereka merupakan Raja-raja di Malaysia. Semestinyalah tingkahlaku serta sebarang kegiatan yang dilakukan olch institusi tersebut yang berkaitan dengan kepentingan negara dan rakyat akan menjadi perhatian rakyat jelata.

Raja-raja perlu ingat bahawa walaupun sebahagian besar rakyat negara ini berlatar belakangkan pengaruh feudal, namun nilai-nilai hidup masyarakat kita terutama generasi muda dan generasi akan datang kian berubah

mengikuti peredaran masa. Sewajarnya Raja-raja kita menghargai akan perubahan-perubahan nilai ini serta membuat penyesuaian terhadap tata-cara hidup dan tindak-tanduk mereka agar institusi Raja itu terus dihormati.

Sememangnya tidak ada institusi yang tidak ada cacat-celanya namun kita, Tuan Yang di-Pertua, rakyat dan juga Raja hendaklah memelihara dan menghormati institusi yang kita amalkan sekarang agar ia terus hidup subur.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian yang tidak diinginkan yang berlaku dari masa ke semasa adalah ibarat angin sepoi yang menggoyang pohon, namun kita tidak boleh mengambil ringan atau, dengan izin, take things for granted terhadap insiden-insiden yang boleh menjejaskan nama baik institusi Raja itu. Jangan sampai angin sepoi yang bertiup menjadi ribut taufan sehingga boleh menumbangkan pohon ke akar umbinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita sibuk mencari penyelesaian terhadap isu Raja ini, Kerajaan PAS Kelantan menimbulkan satu lagi isu iaitu hendak melaksanakan hukum hudud di Kelantan dengan meminta Kerajaan Pusat meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Kerajaan PAS Kelantan melaksanakan hukum tersebut.

Soalnya di sini ialah Kerajaan PAS Kelantan yang ghairah hendak memperkenalkan hukum hudud di negara ini. Oleh yang demikian, sewajarnya Parti PAS melalui wakilnya di Dewan yang mulia ini membawa usul meminda Perlembagaan Persekutuan di Parlimen ini. Saya percaya rakan-rakan PAS yang lain seperti DAP, PBS dan Semangat 46 akan tidak teragak-agak memberikan sokongan setiakawan mereka kepada PAS seperti yang dibuktikan di dalam Gagasan Rakyat pada pilihanraya umum yang lalu.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih apabila mendengar ucapan Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Jelutong sebentar tadi di Dewan yang mulia ini yang nampaknya tidak berseluju dengan rancangan PAS hendak memperkenalkan hukum hudud di negeri Kelantan. Bahkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu telah meminta agar "PAS menghormati hak Perlembagaan dan sensitiviti-sensitiviti agama rakyat Malaysia bukan Islam dan mengisytiharkan bahawa mereka tidak akan mengenakan hukum hudud ke atas rakyat Malaysia yang bukan Islam."

Lebih dari itu Yang Berhormat dari Tanjong menyebut bahawa beliau akan merupakan orang yang paling bodoh untuk memberi sebarang jaminan terbuka kepada PAS dalam isu hukum hudud ini. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tasek Chenderoh bangun. Hendak beri jalan? Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Boleh.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tadi saya cuba hendak minta penjelasan daripada Ahli dari Jelutong, nampaknya tidak dapat jalan. Mungkin Yang Berhormat boleh menjelaskan sedikit. Dalam tahun 1989, dalam satu majlis Israk Mikraj dalam kawasan saya di Kampung Sauk yang dianjurkan oleh Parti PAS dan Semangat 46, Ahli dari Ipoh iaitu Ketua DAP Perak telah hadir dan sama-sama memberi ceramah dalam majlis Israk Mikraj tersebut. Apabila saya bertanya seorang sahabat saya daripada PAS kenapakah pemimpin DAP Perak hadir dan memberi ceramah di dalam Majlis Israk Mikraj, jawab sahabat saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa yang hendak dilanya ini?

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Ini hendak tanya. Jawab sahabat saya, "DAP sekarang sudah memahami perjuangan Islam PAS dan bersedia menyokong PAS di dalam dasar Islam PAS. "Tetapi pada hari ini kita melihat keadaan yang cukup berbeza. Bagaimanakah keadaan ini berlaku? Agaknya Yang Berhormat dari Batu Barendam bolch menjelaskan.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sandiwara yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin PAS selama ini. Di luar cakap lain, di dalam cakap lain. Semasa pilihanraya hendak menghadapi Barisan Nasional, dia bersatu, selepas ini dia hendak bercerai balik. Inilah sandiwara yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin DAP, PAS dan mungkin Semangat 46 termasuklah PBS. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Jerai bangun pula.

**Tuan Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, saya minta laluan. Saya hendak mima sedikit penjelasan tentang perkalaan "cerai" itu. Kenapa la ni depa hendak berccrai, tidak syokkah alaupun tidak scronok?

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, dia minta penjelasan dari saya. bukan kepada Yang Berhormat dari Kepong, Kita sclama ini sudah tengok, sebenarnya kita sudah pernah menyatakan bahawa PAS adalah bekas janda UMNO dan kita sudah talak tiga, tiba-tiba DAP gatal sangat, dia hendak menikah dcngan PAS dan dia hendak duduk sama, tidur sama. Kita ingal sudah okay, tiba-tiba bangun pagi hendak kena polong. Jadi, ilu sebab dia minta cerai, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Sebenarnya banyak perkara yang saya hendak limbulkan, letapi oleh sebab saya menghormati arahan dari Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjung Aru,

*4, 41 ptg.*

**Tuan Joseph Voon Vun Shin Choi (Tanjung Aru):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengucapkan syukur dan terima kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tahun 1992 ini adalah merupakan tahun kedua pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Nasional. Belanjawan lahun lepas dan lahun ini telah memulakan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional ke arah pencapaian aspirasi Wawasan 2020. Wawasan 2020 telah diberi publisiti yang begitu meluas terutama sekali oleh Ahli-ahli politik, seminar-seminar juga telah banyak dianjurkan untuk menjelaskan matlamat-matlamat murni Wawasan 2020. Pada persidangan Parlimen yang lepas saya telah mengalakan beberapa pra-syarat ke alas pencapaian Wawasan 2020. Pada persidangan Parlimen kali ini sekali lagi saya ingin mengatakan beberapa prasyarat dengan harapan tindakan-tindakan positif akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama ialah masalah-masalah yang telah diakibatkan oleh kehadiran pendatang-pendatang haram yang begitu banyak di negara kita terutama sekali di Sabah, Ahli-ahli Parlimen telah beberapa kali

berucap dan bertanya di Dewan yang mulia ini berhubung dengan isu pendatang haram. Namun demikian, masalah ini terus berleluasa tanpa penyelesaian yang nyata. Keadaan pendatang haram di Sabah semakin buruk dan merunsingkan. Dari hari ke hari, kita terbaca di dalam surat-surat khabar tempatan tentang jenayah-jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram seperti rompakan, pembunuhan, rogol, penyeludupan dadah, pemalsuan pasport dan kad pengenalan biru. Jika sekiranya keadaan seperti demikian lidak mendapal apa-apa perhatian daripada pihak-pihak berkuasa di negara ini, lambal-laun negara ini akan porak-poranda. Manamana negara yang berdaulat sepatutnya berupaya untuk mengesan dan menyekat keluar masuk orang-orang asing yang datang ke negara tersebut.

Pada masa ini, terutama sekali di negeri Sabah, negara kita seolah-olah tidak mempunyai sempadan. Sesiapa juga boleh masuk ke negeri Sabah sesuka hali mereka, terutama sekali pendatang haram dari negara Filipina dan Indonesia dan yang lebih teruk lagi sudah banyak laporan yang menyatakan bahawa pendatang asing termasuk pendatang haram boleh mendapatkan kad pengenalan biru dan pasport Malaysia. Dengan dokumen-dokumen ini mereka secara automatik menjadi warganegara Malaysia dan seterusnya mendapat status sebagai bumiputra. Kami telah diberitahu oleh pihak tertentu bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri mempunyai dasar untuk menyelesaikan masalah ini, tetapi sehingga kini kita masih menunggu apakah sebenarnya dasar-dasar itu.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali bila ada yang bertanya tentang isu pemberian kad pengenalan kepada pendatang haram, pihak Pejabat Pendaftaran Negara akan berkata, kalau ada bukti sila buat laporan Polis. Ramai orang tahu tentang perkara ini berlaku, tetapi untuk mendapatkan bukti yang

konkrit bukannya senang, apatah lagi kalau ada pihak-pihak tertentu yang bersubahat dengan sindiket pemberian kad pengenalan biru. Jika sekiranya pihak berkuasa tidak mengambil tindakan-tindakan yang positif terhadap isu ini, prasangka boleh timbul yang mengatakan bahawa pihak berkuasa adalah bersubahat untuk memperbanyakkan lagi pendatang haram di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua ialah penyertaan rakyat dalam pembangunan negara. Setiap lapisan masyarakat hendaklah terlibat, jika tidak nanti ada golongan tertentu yang tersisih dan kehendak-kehendak mereka tidak akan diambil peduli. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sejak pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 perancangan pembangunan negara telah terus menerus dibuat dari Kuala Lumpur oleh para perancang dari Kuala Lumpur. Rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak tidak terlibat secara langsung. Kami cuma ada wakil dalam Kabinet Persekutuan tetapi tidak ada wakil dalam susunan kementerian seperti Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan. Justru itu, perspektif nasional dan dasar kebangsaan pada dasarnya dianggap sebagai perspektif dan dasar Kuala Lumpur. Dasar-dasar ini tidak menggambarkan dasar Malaysia pada keseluruhannya, sebab bukan semua golongan rakyat Malaysia terlibat dalam penggubalan dasar. Sebagai contoh, dari 28 buah Kementerian Persekutuan tidak ada seorang pun Ketua Setiausaha Kementerian dari Sabah dan Sarawak dan tidak ada seorang pun Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan yang berasal dari Sabah dan Sarawak dan yang lebih teruk lagi ialah dari 90% daripada Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Persekutuan di Sabah telah diketuai oleh individu yang berasal dari Semenanjung Malaysia. Apabila kita mengeluarkan iakla seperti ini ada sahaja suara sumbang yang menyatakan bahawa "perwakilan dari Sabah mempunyai sifat

parochial". Ini tidak betul. Kita menyuarakan fakta-fakta ini kerana penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak, terutama sekali penduduk asli Sabah mempunyai sosio-budaya dan sejarah sosio yang unik dan jauh berbeza dari Semenanjung Maiaysia. Masalah dan aspirasi mereka juga berbeza. Oleh itu kita perlukan pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak, terutama sekali dari kalangan penduduk asli untuk dilantik dalam jawatan-jawatan penting dalam Jabatan Persekutuan. Sebab hanya anak tempatan sahaja yang dapat memahami keadaan sebenarnya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun hadapan (1993) Persekutuan Malaysia akan menjangkau usia kc-30. Pada tahun itu tibalah masa untuk mengkaji semula laporan antara Kerajaan (IGC) yakni dokumen perjanjian pembentukan Persekutuan Malaysia. Pada hakikatnya IGC mestilah dikaji semula pada tiap-tiap 10 tahun mulai tahun 1963. Kajian lidak dibuat pada tahun 1983, kajian ada dibuat pada tahun 1973 lelapi kajiannya bukan pula mengkaji pelaksanaannya, tetapi beberapa peruntukan dalam IGC telah dimansuhkan. Kemudian beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan turut juga dimansuhkan tanpa persetujuan dari rakyat Sabah. Sepatutnya kajian itu hendaklah ditumpukan untuk melihat sama ada perkara-perkara dalam perjanjian itu telah dilaksanakan atau scbaliknya.

Perkara-perkara seperti inilah yang memperlihatkan bahawa Sabah dan Sarawak scntiasa berada dalam kcrugian. Oleh scbab itu, perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat Malaysia di Sabah scntiasa ada. Jikalau Kerajaan betul-betul ikhlas untuk membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatupadu maka ketidakpuasan hati seperti itu hendaklah disclesaikan. Atas segala-galanya Wawasan 2020 memerlukan kestabilan politik sebagai pra-syarat kepada pertumbuhan ckonomi. Jika tidak ada kestabilan politik, Wawasan 2020 akan gagal. Para pcmimpin Sabah

scntiasa bekerja keras untuk mempertahankan kestabilan politik, Penggubalan Undang-undang Anti Lompat, dengan izin, anti-hop law di Sabah adalah satu daripada strategi untuk mempertahankan kestabilan politik. Sepertimana yang diketahui umum, politik Sabah sejak dari tahun 60an telah diwarnai oleh para pemimpin yang lompat melompat dari satu parti ke satu parti yang lain, kesudahannya ialah kcadaan yang tidak menentu..

Justeru itu, mengakibatkan ketidakstabilan politik yang teruk. Pada waktu itu lazimnya wakil-wakil rakyat menjual kedudukannya kepada "pembeli yang paling mahal". Mereka menggunakan politik sebagai cara untuk mendapatkan kekayaan dengan cepat tanpa mengira aspirasi rakyat yang mengundi mereka semasa pilihanraya. Jika sekiranya kita boleh mengatakan bahawa tindakan seperti itu adalah untuk menegakkan prinsip demokrasi, maka demokrasi seperti itu adalah demokrasi anti rakyat dan demokrasi untuk kepentingan sendiri. Dan oleh sebab demokrasi seperti ini adalah hanya untuk kepentingan sendiri, maka itu bukan demokrasi, sebab demokrasi ditakrifkan sebagai dari rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat. Dan bukannya dari pemimpin, oleh pemimpin, untuk kepentingan para pcmimpin. Di negara ini umum mengetahui bahawa para pengundi mengundi perjuangan parti politik dan bukannya calon semata-mala. Jadi, demi keadilan kepada para pengundi, wajarlah para wakil rakyat meminta mandat dari rakyat jika sekiranya mereka berpindah kcahlian parti politik. Jika sekiranya para wakil rakyat betul-betul berjuang untuk rakyat maka seharusnya mereka lidak gentar menghadapi rakyat pada bila-bila masa. Dari segi moral para wakil rakyat wajib berbuat demikian. Tetapi oleh sebab kepentingan-kepentingan sendiri, mereka pada lazimnya tidak berbuat demikian kecuali mereka dikehendaki oleh

undang-undang untuk berbuat demikian. Hulah tujuan Undang-undang Anti Lompat di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memerhati dengan penuh minat satu lagi kenyataan pemimpin kanan UMNO semasa berada di Sabah baru-baru ini. Beliau berkata: "UMNO akan mengambil tindakan undang-undang ke atas Undang-undang Anti Lompat di Sabah untuk mempertahankan kebebasan rakyat sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Jika sekiranya ini benar, maka undang-undang seperti ISA juga sepalutnya dimansuhkan. Sebab ISA menyekat kebebasan bersuara dan semua mereka yang ditahan di bawah ISA sepatutnya dibebaskan atau dibawa mereka ke muka pengadilan dan bukannya ditahan terus-menerus. Sebcnarnya rakyat sudah muak dengan perangai "double standard" para pemimpin negara ini. Saya khuatir anak-anak kita sudah tidak tahu mana satu yang betul, mana satu yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Batang Sadong.

4. 55 ptg.

**Tuan Wahab bin Suhaili (Batang Sadong):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengambil bahagian dalam perbincangan sebagai luahan rasa terima kasih dan rasa kesyukuran yang amat tinggi terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-IX Sultan Azlan Shah pada 27hb April yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai anggota Dewan yang mulia ini kagum dan amat mcrasa bangga atas Titah Ucapan yang padat, penuh bermakna pengertiannya serta cabaran untuk difikirkan dan dilaksanakan oleh semua rakyat di negara ini. Saya yakin Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong sendiri mengkagumi, meyakini dan merasa bangga dengan suasana politik, pembangunan serta kedudukan kewangan negara kita yang kian bertambah kukuh. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga turut merasa bangga dengan keadaan dan suasana aman dan damai yang dinikmati oleh rakyat negara ini.

Saya ingin, dengan kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad kerana berjaya meletakkan keyakinan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dengan segala kejayaan yang dicapai sebelum ini. Saya percaya usaha Barisan Nasionallah yang dapat membuahkan hasil, yang dinikmati oleh rakyat jelata pada hari ini bukannya dari barisan Pembangkang. Jika sebaliknya sudah tentu Baginda sudah menyentuh tentang Kerajaan Pembangkang di Kelantan dan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara kita yang pesat dengan Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat pada kadar 9.3% setahun adalah menjadi kebanggaan kita semua. Saya yakin perkara ini tidaklah mustahil dipertahankan. Jangkaan pertumbuhan ekonomi pada kadar 8.7% pada tahun 1992 ini adalah di antara yang paling baik di dunia. Ini semuanya berlaku disebabkan keadaan politik di negara ini stabil. Kerajaan dapat menumpu penuh perhatian ke atas-pembangunan negara ini daripada, dengan izin, unnecessary politicking.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya berkaitan dengan kejayaan ekonomi negara ini ada beberapa perkara yang tidak patut dibiarkan, yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara ini. Misalnya sejak kebelakangan ini terdapat isu-isu seperti isu kaum Penan iaitu benteng manusia (human blockage) yang dibina oleh masyarakat Penan ini di beberapa kawasan

pembalakan di Sarawak mendapat perhalian yang amat menyeluruh.

Begitu juga mereka dihasut oleh pelbagai pihak iaitu termasuk pihak dalam dan luar negeri yang mempunyai niat jahat terhadap perkembangan dan peningkatan ekonomi negara ini. Walaupun kononnya mereka berselindung sebagai pejuang alam sekitar tetapi sebenarnya adalah merupakan kunci-kunci Barat yang iri hati dengan kejayaan pertumbuhan ekonomi negara ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Bandar Kuching bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Ya.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Bolehkah Yang Berhormat menamakan siapakah menghasut kaum Penan, kaum Kenyah, kaum Murut, kaum Iban untuk membuat benteng, satu-persatu, siapakah nama dan organisasi dia?

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Terima kasih. Saya belum sampai ke situ, saya ada bukunya, tunggu!

Peristiwa yang kedua ialah pertelagahan yang berlaku di antara kontraktor pembinaan jalan raya dan pemilik tanah di Sarawak. Pertelagahan itu menjejaskan pembinaan jalan raya yang menelan belanja berjuta-juta ringgit. Pertelagahan ini berpunca daripada tindakan beberapa pihak di sepanjang jalan dekat Balingian dan Hulu Mukah. BERNAMA dan Jabatan Pencerangan Malaysia, Sarawak telah mengeluarkan kenyataan dalam akhbar tempatan Sarawak pada 13 Mac 1992 bahawa penduduk di kawasan berkenaan mendesak pemborong membayar mereka sejumlah gantirugi yang tidak berpatutan. Mereka mendakwa bahawa

Kerajaan tidak membayar pampasan yang berpatutan kerana tanah mereka adalah jenis Native Customary Rights (NCR). Timbalan Menteri Kerja Raya, yang pada masa ini juga ada hadir di Dewan yang mulia ini, telah melawat beberapa rumah panjang di kawasan tersebut untuk menerangkan tujuan yang sebenarnya kepada rakyat di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pihak Pembangkang masih berusaha bersungguh-sungguh untuk meracuni fikiran rakyat dengan dakwah yang salah. Ini adalah satu bentuk hasutan. Dalam masa yang sama, media massa kurang memainkan peranan yang berkesan di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, saya mencadangkan agar RTM dalam semua rangkaian dan dalam semua bahasa, di semua bahagian, di seluruh pelusuk tanahair hendaklah peka terhadap perkembangan dan ehwal semasa agar perkara yang salah dapat dibetulkan dan disebarkan kepada rakyat dengan secepat yang mungkin.

Ya, saya beralih kepada suku kaum Penan, Tuan Yang di-Pertua. Suku kaum Penan yang berada di Sarawak sering menarik perhatian banyak pihak, sama ada di negara ini atau di arena antarabangsa. Mereka dikatakan penduduk yang paling miskin, paling tidak bertamadun, paling terabai dan paling teraniaya. Di luar negara, pihak tertentu seperti Green Peace, individu dan sebagainya, manakala dari dalam negara ini tidak kurang hebatnya kumpulan-kumpulan tertentu dan orang perseorangan sibuk melibatkan diri untuk menonjolkan identiti diri dan mencari publisiti murah, kononnya memperjuangkan nasib kaum Penan ini. Pelbagai tuduhan dilemparkan kepada Kerajaan Malaysia dan secara keseluruhannya dapat disimpulkan sebagai satu pengabaian dan penganiayaan sudah dilakukan ke atas kaum Penan ini oleh Kerajaan Malaysia.

Saya berbalik kepada soalan Yang Berhormat. Buku ini bertajuk "Rain Forest Politics" oleh Philip Harris. Kalau kita baca dalam buku ini, tidak kurang daripada 10 kali nama Harrison Ngau telah disebutkan sebagai pejuang, sebagai co-ordinator Sahabat Alam Malaysia. Jadi, pada mukasurat 119. .

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bandar Kuching bangun pula.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Seperti yang saya tahu, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan atau adakah beliau sedar bahawa Yang Berhormat Harrison Ngau sudah meninggalkan SAM selepas dia dipilih sebagai Ahli Parlimen unluk kawasan Baram. Dia tidak ada dalam SAM lagi, tetapi dia hendak benteng terus dibina. Itu pertama.

Yang keduanya, Harrison Ngau sudah dinasihati ataupun diarah oleh Presiden Parti Bangsa Dayak, iaitu Menteri yang duduk di situ, janganlah bangkitkan masalah alam sekitar lagi, maka don't bark up the wrong tree, dengan izin. Maka adakah beliau sedar sekarang bukan Harrison Ngau lagi?

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Terima kasih. Buku ini ditulis dan dipublished dalam tahun 1990 selepas Pilihanraya Parlimen. Saya tak tahu nak cakap lagi, kena bacalah sendiri buku ini dan harganya lebih kurang \$29 sahaja, saya percaya Yang Berhormat boleh beli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila teruskan.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sama ada Yang Berhormat itu seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching sebagai Ahli PBDS, itu saya tidak tahu. Yang saya tahu, dia adalah seorang Ahli Yang Berhormat dari Bebas, tidak ada parit.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada. ....

**Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, di sebelah sini pula bangun.

**Datuk Leo Moggie anak Irok:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjelaskan bahawa Yang Berhormat Harrison Ngau memanglah Ahli Parti Bansa Dayak Sarawak.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Terima kasih. Jadi, sekarang kita tahu. Yang saya tahu, semasa dalari pilihanraya Parlimen, Yang Berhormat dari Baram ini adalah menggunakan tiket Bebas. Jadi, kalau sekarang dia masuk ke dalam PBDS, bererti mungkin PBDS telah memainkan satu peranan yang amat mengelirukan dalam pilihanraya yang lepas. ....

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bandar Kuching bangun pula.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya paling terkeliru sebab saya ingat Parti Bangsa Dayak dengan Parti PBB semua sama dalam Barisan Nasional.. Sekarang seolah-olah ada perang saudara dalam Barisan Nasional. (*Ketawa*) Siapa musuh dan siapa kawan Yang Berhormat ini, saya pun tak tahu. Minta penjelasan.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Sama ada kita musuhkah atau kawankah, itu soal yang lain. Apa yang saya hendak nyatakan di sini adalah isu mengenai alam sekitar dan masyarakat Penan. Okay, puashati? Saya belum sampai kepada statistik masyarakat Penan lagi kerana masyarakat Penan ini merupakan satu museum piece yang harus dipertahankan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, jumlah kaum Penan di Sarawak adalah seperti berikut, supaya kita tahu apakah masyarakat Penan ini sebenarnya.

<i>Daerah</i>	<i>Jumlah Kampung</i>	<i>Jumlah Penduduk (Penan)</i>
Baram	55	5,813 orang
Suai Niah, Miri	5	1,094 orang
Belaga	14	1,730 orang
Bintulu	8	820 orang
Limbang	5	288 orang
Jumlah <sup>1</sup>	87	9,745 orang

Daripada jumlah di atas, hanya 4% sahaja yang masih mengamalkan cara hidup berpindah-randah, iaitu mengamalkan sistem nomad dan 75% sedang dalam proses untuk hidup menetap, iaitu semi-settle, selebihnya 21% yang terdapat di kawasan Daerah Miri dan Bintulu telah pun menetap dan mengamalkan cara hidup seperti kaum-kaum lain di Sarawak.

Kaum Penan yang terlibat akibat kesan pembalakan adalah golongan yang masih mengamalkan cara hidup berpindah-randah ini dan sebilangan daripada golongan separa menetap di Daerah Baram dan Limbang, bilangannya hanyalah lebih kurang 2,500 orang ataupun 25% daripada keseluruhan jumlah penduduk kaum Penan, mengikut banci yang dibuat oleh Pejabat Daerah Baram dan Limbang. Untuk memastikan supaya kaum Penan ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan di negara ini, Kerajaan Negeri Sarawak telah menyediakan beberapa program. Ini yang tidak dibangkitkan oleh pejuang-pejuang alam sekitar, mahupun Sahabat Alam Malaysia.....

**Tuan Sim Kwang Yang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bandar Kuching bangun pula.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Saya tak ada masa. Sit down! Kerana saya ada banyak lagi hendak bincangkan ini. Kerajaan Negeri telah menyediakan dan melaksanakan beberapa program projek khas untuk kaum Penan sejak tahun 1987, di samping program-program yang sedia ada. Saya hendak nyatakan kepada Dewan yang mulia ini, sebab apa yang kita banyak dengar apabila kita baca daripada suratkhobar-suratkhobar ini yang negatif sahaja, yang positif tak ada. Jadi, hari ini saya hendak cakap fasal yang positif. Yang negatif sudah banyak diperkatakan oleh pejuang-pejuang alam sekitar, khususnya orang Sahabat Alam Malaysia.....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Minta maaf, saya tak ada masa lagi. My time is running short.

Program khas ini boleh dibahagikan kepada dua kategori. Program ini mengandungi program pusat perkhidmatan dan program sukarelawan Penan. Program yang pertama tadi ialah dijalankan di mana Kerajaan akan menyediakan kemudahan asas seperti sekolah, perubatan, pertanian dan sebagainya—ini yang biasa. Jadi, saya pendekkan ini oleh kerana masa tidak mengizinkan.

Manakala program sukarelawan Penan ialah di mana belia Penan yang mempunyai kelulusan sekolah menengah diberi latihan kemahiran seperti pertukangan kayu, pertanian, asas perubatan dan lain-lain.

*Program Jangka Pendek:*

Program jangka pendek ini adalah merupakan bantuan untuk keperluan asas melalui pemberian projek-projek kecil seperti bantuan memperbaiki rumah panjang, pembinaan jeti dan

sebagainya. Sejak tahun 1987-1991, sebanyak \$5.5 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk melaksanakan program khas ini. Ini kita tidak pernah dengar dalam surat-surat khabar. Yang kita dengar orang hanya mengadakan blockage ataupun benteng-benteng manusia supaya proses pembalakan tidak dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, saya juga ingin mengetahui daripada maklumat-maklumat yang diterima oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan sama ada mereka tahu—ini soalan saya: berapa banyakkah pertolongan-pertolongan yang telah dibuat oleh pejuang-pejuang alam sekitar ini ke arah pembangunan masyarakat Penan? Ini kita hendak tahu juga, jangan hentam Kerajaan sahaja.

Jadi, bersabit dengan keadaan dan masalah Penan ini, sebenarnya telah timbul apabila seorang rakyat Sweden yang bernama Bruno Manser yang pernah duduk dan menetap di Sarawak dan bercampur-gaul dengan masyarakat Penan telah mengeluarkan beberapa kenyataan mengenai tindakan Kerajaan yang merupakan satu tindakan yang zalim kalau mengikut pendapat Bruno Manser ini. Dan di dalam kes Bruno Manser ini saya ingin bertanya, dia masuk ke Sarawak dengan jalan yang betul dengan menggunakan pasport yang betul, dengan menggunakan saluran-saluran yang betul, tetapi apabila dia balik, keluar daripada negeri Sarawak, dia tidak menggunakan jalan yang sama. Saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, adakah siasatan yang menyeluruh telah dibuat bagaimana seorang rakyat asing ini dapat menyeludup keluar tanpa diketahui oleh pihak-pihak yang berkuasa? Mungkin dalang-dalang yang telah mengaturkan program ini agar Bruno Manser ini tidak dapat diangkap? Saya mahu penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan.

Satu hal lain lagi Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat gulung? Sudah hendak sampai masa.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Saya banyak lagi. Minta saya gulung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta gulung.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Terima kasih. Jadi, berkenaan dengan masyarakat Penan ini, kita tidak menghalangkan pejuang-pejuang alam sekitar ini membuat komentar-komentar, tetapi hendaklah berasaskan fakta-fakta yang betul. Jadi, kalau kita bacakan daripada buku ini, seakan-akan apa Kerajaan Malaysia buat semua tidak betul sehinggalah ada satu perkara yang amat memalukan disebabkan Kerajaan Malaysia pada hari ini yang mengamalkan sistem demokrasi yang diperintahkan kebanyakannya daripada masyarakat orang Melayu telah menyebabkan masyarakat lain yang menderita seperti dalam mukasurat 87. Saya tak hendak baca ini oleh kerana ianya amat memalukan, seakan kita ini kalau dia sebut di sini orang Melayu yang kebanyakan dalam Malaysia ini telah menyebabkan masyarakat lain menderita, jadi ini harus ambil perhatian—mukasurat 87 dan 89. Kementerian Dalam Negeri harus baca buku ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Wahab bin Suhaili:** Masa sudah cukup? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sungai Petani.

5. 16ptg.

**Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani);** Tuan Yang di-Pertua, saya

mengucapkan julaan terima kasih kerana diberi ruang dan kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan ini.

Sesungguhnya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda tersebut telah menyinggung setiap aspek permasalahan yang mencecah kehidupan rakyat jelata dan Kerajaan yang sedang memerintah. Ruang lingkup isu-isu yang disinggung dalam Titah Ucapan tersebut benar-benar membuktikan hakikat bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda amal pcrihalin dengan perjalanan pentadbiran Kerajaan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Titah Ucapan tersebut juga dengan jelas menunjukkan bahawa Baginda amat berpuas hati dengan setiap perancangan, pelaksanaan dan program-program pembangunan yang sedang, serta akan dirancang oleh Kerajaan.

Baginda turut mcngingatikan betapa kestabilan, keamanan dan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang ras di dalam negara yang tercipta ini wajar dikekalkan. Sesungguhnya Baginda mengingatkan betapa, walau apa jua perancangan ekonomi dan soal yang bermula daripada DEB sehinggalah kepada Dasar Pcmbangunan Nasional dan RRJP2 serta Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga tidak mendatangkan sebarang kesan seandainya kestabilan, keamanan dan perpaduan yang sedang dinikmati kini gagal untuk dipertahankan.

Keadaan ekonomi negara pada keseluruhannya kian mantap dan memberangsangkan. Ketika negara-negara lain termasuk negara-negara maju sedang sibuk bergelut untuk mempertahankan ekonomi daripada terus menjunam, Malaysia masih boleh berbangga dcngan ekonomi yang terus stabil. Imej Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus melonjak tinggi dan menyerlah ke merata pelusuk dunia. Imej ini terus bersinar dan kestabilan yang terus mantap inilah yang juga

disedari para pengundi di Jerlun, Jerai dan Bukit Payung.

Walaupun olak kepala mereka terus diterjah dengan sentimen-sentimen yang membawa unsur-unsur kekarutan, kekolotan dan juga kefanatikan melulu, rakyat masih yakin dengan pemimpin team yang dinamik dan punya jalur-jalur wawasan yang menyinar jauh di bawah kepimpinan politik ahli politik berhati cendekiawan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.

Di tengah-tengah kegawatan, kekalutan dan kekemelutan ekonomi dan sosial, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri muncul dengan leam kepimpinannya yang mampan, kompak dan padu. Inilah pemimpin yang lelah memutar jarum jam ke depan, simbol agar kita tidak membazirkan masa untuk terus maju.

Perdana Menteri yang telah berjaya menyingkap sumpahan legenda Mahsuri di pulau keramat Langkawi, inilah seorang visionist yang telah memukau jutaan masyarakat antarabangsa dengan idea-idea tuntasnya dengan berbagai saranan, syor serta wawasan negara terus menapak maju setelah puas mengharung berbagai onak dan ranjau di sepanjang era pendakiannya. Dan dalam detik ini, kita rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli PAS dan DAP boleh mendabik dada dan bcrbangga betapa antara tahun 1988 hingga tahun 1990, negara telah mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat pada kadar purata 9.3% setahun. Pada tahun 1991 sahaja, pertumbuhan ekonomi adalah sebanyak 8.8% dan pada tahun 1992 pula dijangka lcrus berkembang pada tahap 8.7%.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada jauh di depan kita semua untuk membawa kita ke mercu kegemilangan, agar Malaysia dan rakyatnya mendapat penghormatan dunia.

Kita sudah terlalu lama dianggap kerdil, lemah dan tidak berwibawa. Malaysia perlu mengubah orientasinya untuk menghadapi dunia luas dan rakyatnya juga ingin berkongsi impian ini. Inilah hasrat seorang pemimpin yang telah berjaya membangkitkan imaginasi, impian dan keyakinan rakyat yang sama sekali belum pernah berlaku sebelumnya. Malah pemimpin ini telah turun ke gelanggang bercakap dalam bahasa yang mudah tentang perubahan yang selama ini dituntut oleh rakyat, dan dengan komitmen untuk memberikan yang terbaik. Hakikatnya amat mudah, Malaysia harus berubah scandainya ia mahu maju dan dihormati. Hakikatnya, idealisme ini tidak akan bererti tanpa didokong oleh landas, teori dan pendekatan praktis yang berkesan. Gagasan beliau walau semuluk manapun akan hanya tinggal impian kosong, seandainya gagal ditafsir dan direalisasikan. Walau apapun jua ulasan dan sorolan, namun DEB tetap mencipta sejarahnya yang tersendiri. Kelahiran DEB adalah lahap awal selepas tragedi kambing hitam 13hb Mei, 1969.

DEB lahir di alas titisan darah dan air mata rakyat pribumi yang sejak ratusan tahun yang lampau, telah disisihkan oleh arus pembangunan di tanah pusaka nenek-moyangnya sendiri. Mungkin kejayaan DEB sukar untuk diterjemahkan dengan statistik dan angka. Malah statistik dan angka yang muluk-muluk bukanlah bukti konkrit tentang kejayaan DEB untuk para petani dan nelayan miskin. Namun bukti kejayaan DEB jelas di mana-mana, walau apa jua kritikan DEB telah berjaya mencorakkan ribuan anak desa yang comot-momot, yang kerepot raut wajahnya menjadi pegawai tinggi yang cukup segar, tampan dan bergaya.

DEB telah menempatkan ribuan anak-anak petani, penoreh getah dan penarik beca di menara gading, dan ramai di antara mereka terus berkubu di kampus sebagai para ilmuwan yang sibuk bergelut dengan buku-buku tebal dan segala jenis

teori. DEB mampu menukarkan ribuan penjaja warung kecil di pinggir jalan menjadi seorang usahawan dan entrepreneur yang sambil memutar steering kereta mewahnya masih mampu pula mencongak-congak kontrak yang berbilion ringgit nilainya.

DEB berjaya mencorakwarnakan hidup ribuan anak desa yang tidak punya apa-apa, yang hanya sibuk bergelut dengan lintah dan pacat sawah menjadi seorang insan yang penting dalam dunia korporat atau politik negaranya.

Pada 17.6. 1991 yang lalu ialah detik keramat yang wajar dinukilkan dengan tinta emas dalam lipatan sejarah negara. RRRJP2 dan DPN telah dilancarkan secara rasmi.

Selama 20 tahun DEB telah meletakkan asas-asas yang kukuh untuk menentukan kesinambungan DPN ini. DPN ini merupakan jelmaan daripada kelemahan DEB dalam bentuk dan wadah yang baru. DPN telah ditegakkan pancangnya untuk dijadikan panduan dalam perjuangan yang masih jauh titik perhemiannya. DPN adalah kesinambungan daripada DEB yang masih berpaksi kepada matlamat asas, membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat.

Rancangan Malaysia Keenam adalah paduan erat antara DEB dan DPN dalam menjambatani usaha-usaha gigih Kerajaan untuk merealisasikan idealisme unggul Wawasan 2020. Program yang menyeluruh ini adalah hasil adunan para cendekiawan, para pemikir, ahli profesional, ilmuwan dan juga ahli politik yang sangat sensitif dengan permasalahan yang melanda masyarakatnya. Mereka sanggup memerah otak dan mencanai fikiran demi untuk mencetuskan sesuatu yang hebat. DPN menerusi RM6 tidak menjanjikan harapan yang tinggi menggunakan, tetapi tetap menjanjikan ruang lingkup yang lebih optimistic untuk semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan ialah alat yang paling dominan untuk merealisasikan hasrat dan impian Wawasan 2020. Ilmu dan pendidikan adalah fasilitator unggul untuk memastikan negara akan terus maju ke depan.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam kerana telah memperuntukkan sebanyak \$8.5 billion (pertambahan 46%) berbanding peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Peruntukan ini juga membabitkan 15.4% daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor awam mengikut Rancangan Malaysia Keenam. Rancangan Malaysia Keenam jelas menitikberatkan pembangunan sumber tenaga manusia yang berpendidikan mahir dan terlatih bagi mencapai matlamat sosio ekonomi negara dalam Dasar Pembangunan Nasional.

Kerajaan telah benar-benar menyedari hakikat bahawa pembangunan sumber tenaga manusia adalah unsur paling penting dalam menentukan kejayaan Wawasan 2020. Sejarah juga telah membuktikan bahawa sumber manusia adalah lebih penting untuk memajukan negara, malah lebih penting daripada sumber alam semula jadi.

Dalam sejarah contemporary Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura telah membuktikan kenyataan kebenaran ini. Negara-negara ini mempunyai sumber alam yang amat terhad, tetapi mereka maju kerana rakyatnya. Sebaliknya, banyak negara-negara dunia ketiga yang kaya dengan sumber alam semula jadi, tetapi kerana pembangunan sumber manusia yang lemah, tetap tidak berdaya memajukan diri sendiri.

Penekanan terhadap aspek pembangunan tenaga manusia tidak sewajarnya mengutamakan kepentingan memberi latihan kemahiran serta pengetahuan kepada rakyat, tetapi juga berhasrat untuk mengubah corak

pemikiran serta sikap agar menjadi manusia yang lebih dinamik serta mempunyai daya ketahanan yang tinggi. Dalam 10 tahun dari sekarang ia akan dapat mencanai kita semua agar menjadi insan yang mampu bersaing lebih produktif dan kreatif. Ini merupakan cabaran yang paling besar. Adalah lebih mudah untuk mengubah muka bumi daripada mengubah sikap manusia.

Penekanan terhadap pembangunan sumber tenaga manusia ini akan membuatkan rakyat berubah menjadi lebih dinamik, agresif dan cekap bcr-urusan di bidang-bidang yang baru bagi kita. Gagasan ini mengharapkan rakyat mempunyai pemikiran terbuka dengan melihat peluang hidup melewati batas Malaysia, ASEAN alau Asia. Kerajaan berhasrat untuk menjadikan dunia sebagai pentas mereka beroperasi dan mampu pula bersaing dengan orang-orang lain di dunia.

Dasar Pendidikan Negara sewajarnya diorientasikan ke arah menghadapi cabaran menjelang tahun 2020. Dasar perindustrian, penswastaaan dan perluasan perdagangan dengan dunia luar akan menjadi faktor dominan yang mencorakkan perkembangan ekonomi, pekerjaan, struktur sosial dan juga pendidikan di negara kita di hari muka.

Masyarakat Malaysia akan terus berubah menjadi masyarakat industri moden yang terbuka dan cepat meninggalkan ciri-ciri masyarakat tradisional.

Perkembangan pendidikan kita perlu menjurus ke arah membentuk kelompok pelajar yang lebih cenderung menerima pendidikan yang lebih luas, yang lebih cenderung kepada sains, matematik dan perdagangan supaya hasil daripada pendidikan ini mereka mempunyai pilihan yang lebih besar untuk meningkatkan pelajaran dan latihan dalam pelbagai bidang di peringkat yang lebih tinggi.

Selain daripada itu isu-isu pendidikan yang sewajarnya diberi perhatian oleh Kerajaan ialah mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang lebih canggih terhadap sekolah-sekolah di luar bandar. Dalam konteks ini peruntukan membina bilik-bilik darjah secara gotong-royong wajar ditcruskan kerana projek-projek begini banyak membantu mengalasi masalah kekurangan bilik darjah. Begitu juga dengan peruntukan untuk mendirikan asrama desa yang sewajarnya diteruskan.

Cadangan untuk mewajibkan kelulusan matapelajaran Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM boleh dilaksanakan dengan syarat prestasi serta penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid luar bandar, adalah sama dengan tahap penguasaan bahasa Inggeris murid-murid di bandar. Untuk itu langkah-langkah berkesan untuk mempertingkatkan tahap pencapaian bahasa Inggeris murid-murid luar bandar wajar dilaksanakan segera.

Masalah skim dua gaji guru wajar diselaraskan dengan adil agar tidak ada guru-guru yang menerima gaji baru yang lebih rendah daripada skim gaji lama, dan juga agar tidak ada guru-guru lama yang mengalami penurunan pangkat serta jawatan implikasi daripada pelaksanaan skim dua gaji.

Hasrat untuk mengkaji penubuhan sebuah universiti terbuka wajar digalakkan. Penubuhan institusi pendidikan swasta juga wajar digalakkan dengan hasrat untuk mempertingkatkan peluang-peluang pendidikan tinggi kepada rakyat. Namun satu sistem kawalan yang berkesan terhadap institusi berkembar yang tumbuh macam cendawan di musim hujan ini sekurang-kurangnya agar tidak menyimpang daripada falsafah pendidikan negara perlu diadakan. Kewujudan institusi sebegini perlu diselaraskan dengan kursus-kursus yang menjadi keperluan negara. Dan lantaran kerana pendidikan

itu sendiri sudah menjadi industri yang menguntungkan, langkah-langkah wajar dibuat agar institusi berkembar ini tidak dimonopoli oleh sesebuah negara tertentu sahaja.

Untuk diselaraskan dengan aspirasi Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional, matapelajaran kemahiran manipulatif dalam KBSR sekarang wajar digantikan dengan matapelajaran kemahiran hidup seperti dalam KBSM yang mencakupi ruang lingkup yang lebih luas. Di samping itu, aspek-aspek dalam KBSR dan KBSM sendiri wajar disesuaikan dengan kehendak-kehendak dan idealisme Wawasan 2020 itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah \$9 billion untuk pertanian dan pembangunan luar bandar sahaja dalam Rancangan Malaysia Keenam, saya yakin masalah prasarana asas di luar bandar akan dapat diatasi. Bekalan elektrik, airjalan dan kemudahan telefon misalnya masih menjadi rungutan rakyat. Sewajar prasarana asas ini perlu diberi keulamaan. Rakyat yang tinggal jauh di desa-desa dan lelahpun 34 tahun menghirup udara merdeka ingin juga menikmati bekalan air paip dan sinaran api elektrik.

Walaupun ribuan kilometer lebuh raya yang lebar dan luas dibina dengan kenderaannya yang meluncur laju di atasnya, namun masih ada anak-anak sekolah yang terpaksa berdebu ketika berpanas dan berlumpur ketika hujan untuk ke sekolah. Walaupun Jambatan Pulau Pinang tersergam megah penuh bangga, namun ada anak-anak sekolah yang terpaksa meniti nibung di kampung untuk ke sekolah; walaupun ratusan kondominium mewah tegah bercerancang mencecah awan di dada kolaraya, namun ribuan para petani dan nelayan masih menjadi penghuni setia leralak usang di pinggir sawah. Para sctingan di kotaraya juga masih berebut kepala paip air untuk mandi dan membasuh, walaupun di seberang

perkampungan mereka air mencemrik 24 jam untuk menghiduikan padang golf milik para clitis kotaraya. Ini adalah realiti dan fenomena biasa. Rakyat begini inginkan pembelaan dan mereka hanya memohon ehsan kepada pihak berwenang, pihak Kerajaan untuk membantu mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

Tuan Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tumpat.

5.34ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi junjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, Sultan Azlan Shah pada pembukaan Dewan ini pada 27hb April, 1992 walaupun keesokan harinya kurang mendapat liputan daripada media massa.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakam setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri yang memberi seribu harapan pelaksanaan hudud di Kelantan. Isu tersebut telah mencuit hati penyokong UMNO dan penyokong PAS kerana menghayati hukum itu. Dan jika semua pihak diberi hidayat, maka ada harapan kedua golongan yang bersaing itu akan mendekati hati antara satu sama lain, insya Allah. Siapa yang akan mengemukakan usul pindaan Perlembagaan bagi memberi laluan kepada pelaksanaan syariat Islam di Kelantan tidak penting, tetapi yang penting hukum wahyu dihayati dan diadungkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai penuh keyakinan tidak ada seorang pun umat Islam di negara kita

ini yang akan menentang sama ada secara langsung atau tidak langsung pelaksanaan hukum hudud di Kelantan. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan di atas sikap positif yang ditunjukkan dalam persoalan ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan beragama" Islam, saya harapkan supaya memberi laluan yang sebaik-baiknya kepada Kerajaan Negeri Kelantan dalam soal ini. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat bersedia menerima perundangan Barat ciptaan insan, sekular, duniawi semata-mata yang belum tentu adil atau tidak, belum tentu dapat membasmi jenayah ataupun tidak; kenapa MCA, parti GERAKAN, DAP dan sebagainya dapat memberi laluan, hukum hudud dilaksanakan di Kelantan dengan penuh keterbukaan dari keikhlasan.

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Seremban bangun. Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Tuan Yim Chee Chong:** Oleh kerana hukum hudud adalah amat....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat! nanti sekejap. Beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya tidak beri jalan, no entry.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila teruskan. Seremban sila duduk.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sorry. Hukum hudud bukan satu hukum yang akan menyekat kebebasan beragama.

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Hukum hudud bukan satu hukum yang akan menyekat kebebasan beragama. Hukum hudud bukan hukuman yang zalim, tetapi hukum hudud merupakan hukuman yang adil kerana ianya datang daripada Allah s. w. t. pencipta kita dan alam semesta ini. Di dalam Al-Quran Allah telah memberi jaminan keamanan masyarakat akan wujud jika hukum hudud dilaksanakan. Hukum hudud adalah hukum yang bersifat ukhrawi dan duniawi. Dan dari segi hikmah dan Falsafahnya adalah untuk menegakkan keadilan di muka bumi ini kepada semua manusia tidak kira agama dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menyentuh perkara ini kerana perkara ini telahpun.....

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ..... diterangkan dengan jelas.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** ..... nanti sekejap.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** ..... oleh rakan saya dari Marang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Seremban bangun atas apa?

**Tuan Yim Chee Chong:** Dia kata tidak kira agama, ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini adalah Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sabar, Tumpat hendak beri jalan lagi atau tidak?

**Tuan Yim Chee Chong:** ..... agama yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat diminta jangan berucap tanpa keizinan saya dan itu terpulang pada Yang Berhormat dari Tumpat sama ada hendak beri jalan atau tidak. Ya, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau tidak, teruskan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Masa tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, sila duduk.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya tidak berhajat menyentuh perkara ini kerana perkara itu telahpun diterangkan dengan jelas oleh rakan saya dari Marang. Yang perlu saya sentuh di sini ialah tentang nasib yang melanda umat Islam yang mulai menjadi "dagang" dalam era pembentukan dan pembinaan dunia baru atau 'The New World Order' ciptaan Bush.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dibentuk.....

**Tuan Chor Chee Heung:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Alor Setar bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya tidak beri jalan, minta maaf.

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Bcrhormat nanti dahulu, Yang Bcrhormat.

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sekarang ini masa Tumpat bercakap. Kalau tidak beri, teruskan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Nanti kita bincang di luar. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu terpulanglah. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apabila Penubuhan Bangsa-bangsa Bcrsalu dibentuk selamatnya Perang Dunia Kedua, rata-rata negara umat Islam sudah merdeka dan yang baru merdeka menaruh harapan akan mendapat perlindungan dan pembelaan daripada badan dunia itu. Tetapi terbukti sepanjang sejarahnya, ia tidak pernah memihak kepada masalah umat Islam terutama apabila masalah itu berlawanan dengan kepentingan Barat dan pihak yang bukan beragama Islam.

Tidak ada apa-apa perlindungan dan pembelaan. Apa yang badan itu dapat beri kepada umat Palestin apabila tanahair mereka dirampas oleh Israel. Selama 50 tahun, umat Palestin diburu, dihina dan diusir daripada kampung halaman dan hari ini mereka yang berkampung di Gaza Strip dan Tcbing Barat Sungei Jordan juga diusir kerana tapak khemah mereka hendak ditempatkan oleh Yahudi Soviet. Tidak ada apa-apa yang PBP telah buat dan tidak juga apa yang dunia Islam boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua, Masjidil-Aqsa ditawan, dicatatkan dan sebagainya; tiada apa yang PBB dan dunia Islam boleh buat. Apabila dunia menyetujui India yang merdeka dipecahkan kepada India dan Pakistan, PBB menyaksikan isu Kashmir dan Jammu tidak diselesaikan. PBB tidak mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikannya dengan membuat resolusi bagi mengadakan pungutan suara di Kashmir sama ada wilayah itu mahu bersama India atau Pakistan atau bersendirian.

Sudah hampir 50 tahun kini dan isu sudah melibatkan India dan Pakistan berperang dua kali. Tetapi PBB tidak dapat membantu umat Islam Kashmir yang majoriti itu untuk menentukan nasib mereka sendiri. Kashmir adalah isu yang bila-bila masa boleh menimbulkan perasaan pceperangan antara India dan Pakistan. Jika ia tidak diselesaikan, maka bererti PBB akan membenar dunia di rantau itu terus menerus bergolak dan saling bermusuhan di antara satu dengan yang lain. PBB jelas memerangi negara anggotanya Iraq dalam Perang Teluk yang lalu dan sehingga ini, ia membunuh dan menindas rakyat Iraq melalui beberapa resolusinya dengan mengepung ekonomi negara tersebut. Sekarang PBB mencekik leher rakyat Libya atas tuduhan dua rakyat Libya meletupkan kapalterbang Pan Am di Scotland pada hal Majalah *Times* baru-baru ini melaporkan bahawa rakyat Libya tidak terlibat. Ertinya PBB telah bertindak terlalu gopoh, tidak teliti dan terlalu tidak sabar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam krisis di Yugoslavia, PBB dan EEC, iaitu European Community, memberikan perhatian serius bila Croatia mengisytiharkan mereka keluar daripada Yugoslavia. Berbagai-bagai langkah mereka lakukan bagi menghalang pertumpahan darah berterusan; tetapi bila Bosnia yang beragama Islam

menuntut kemerdekaan sekarang, tidak ada pihak yang membela umat Islam Bosnia yang tertindas oleh pihak saki-baki Yugoslavia. Umat Islam Bosnia kini terhimpit serta dibunuh semacam membunuh tikus, tidak cukup serangan dengan senjata, air yang mereka, minum juga kadang-kadang diracuni. Cyrus Vance, bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat yang menjadi wakil PBB menyelesaikan masalah Yugoslavia dengan republik-republiknya tidak melindungi rakyat Bosnia sama seperti perhatiannya kepada Croatia. Amat menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua.

Jika rakyat Croatia diberi perhatian oleh Pertubuhan Serantau Eropah, pertubuhan atas nama Islam tidak bersuara barang sepuatapun, termasuklah negara kita yang tercinta ini. Sekarang PBB begitu sibuk memberikan perhatian kepada Afghanistan yang diduga boleh menyelesaikan masalahnya sendiri. Segala kekeliruan yang berlaku di Kabul sesudah Soviet Union terkubur, sesudah Najibullah dilucutkan kekuasaannya, kerana campurtangan kuasa-kuasa asing, termasuk PBB sendiri. Masing-masing cuba mengalih matlamat dan objektif umat Islam Afghanistan dimana pejuang Mujahideen mampu mengatasi masalah mereka. Pihak luar, terutama Amerika Syarikat, hendaklah jangan campurtangan di saat-saat yang muktahir ini di Afghanistan.

Afghanistan akan mencapai kemenangan dan saya rasa kemenangan telahpun dicapai. Biarlah mereka menentukan sendiri nasib mereka. Dunia sebenarnya membiarkan Afghanistan berperang selama 14 tahun. Masing-masing terlalu berat melihat cara Mujahideen masuk Kabul. Sebenarnya kuasa tuar bukanlah sayang sangat kepada jiwa dan darah rakyat Afghanistan tetapi mereka cemburu

dengan bentuk pemerintahan yang Mujahideen hendak tegakkan di Kabul. Mujahideen bukan menghadapi apa-apa kesulitan yang besar jika kuasa-kuasa asing memberi peluang beberapa hari sahaja lagi kepada mereka menyelesaikan masalahnya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat yang genting seperti ini, umat Islam di Bosnia dan di Rohingya baik yang berada di Bangladesh sebagai pelarian atau yang masih berada di Myanmar yang lidak terdaya lari memerlukan bantuan dan pembelaan mereka terbunuh dan berkebuluran. Mereka tidak tahu bagaimana hendak mengatasi masalahnya. Mereka ini yang patut diberi perlindungan, bukan rakyat Afghanistan. Rakyat Afghanistan melalui pejuang-pejuang Mujahideen tahu apa yang mereka patut buat kerana mereka mempunyai matlamat dan perjuangan yang jelas untuk membentuk sebuah masyarakat, dan negara Islam yang berpandu kepada Al-Quran dan Sunnah. Apakah rahsia kemenangan Mujahideen dan mengapa Palestin yang disokongoleh hampir 100 juta umat Arab yang terdiri daripada berbelas-belas negara Arab tidak mampu memberi pembelaan berkesan kepada Palestin? Hampir 50 tahun umat Arab berjuang untuk membebaskan Palestin, berbilion-bilion dinar dan rial dicurahkan untuk membeli senjata moden dan canggih daripada seluruh rusuhan dunia; berbilion-bilion dinar dan rial juga dicurahkan untuk melatih tentera dan memikirkan strategi peperangan yang terbaru tetapi tidak sehelai bulu roma Yahudi pun dapat digugurkan oleh peluru-peluru yang banyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, jika peluru-peluru tadi digugurkan sahaja di bumi Palestin tanpa diletupkan nescaya cukup untuk menjadikan Isracl gunung peluru dan rakyat Israel tertimbus di bawah timbunan peluru, malangnya wang yang begitu banyak dicurahkan bagi membeli

peluru bukan sahaja tidak dapat membebaskan Palestin, Israel pula menambah kawasan takluknya di Jordan, Lubnan dan Syria. Semua peluru tadi tidak mampu melintasi kuasa Israel kecuali peluru berpandu Al-Husin dan Al-Abbas yang digunakan oleh Iraq dalam Perang Teluk yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan umat Arab membebaskan Palestin ialah kerana mereka tidak meletakkan pergantungan perjuangan kepada Allah bagi menegakkan negara yang diredai Allah tetapi meletakkan pergantungan kepada senjata dan duit yang diperolehi daripada minyak. Tetapi Afghanistan yang tidak punya banyak senjata, senjata tadi telah digunakan sekadar membantu perjuangan yang jelas, yang meletak segala pergantungan kepada Allah.

Persoalan bagi kita Malaysia sekarang, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang Kerajaan buat sebagai anggota PBB bagi mengalih monopoli pengaruh PBB yang rata-rata anti-Islam itu. Sikap pasif Kerajaan Malaysia terhadap trend anti-Islam, PBB menyebabkan Malaysia juga menjadi pak turut, walaupun kononnya Perdana Menteri adalah wira dunia ketiga. Palestin, Yugoslavia, Arab, Libya, Afghanistan dan lain-lain negara yang bertindas tadi adalah anggota kumpulan dunia ketiga. Mereka ditindas, tetapi apakah pihak yang mendakwa wira dunia ketiga telah buat untuk membela pihak tertindas tadi?

Saya bimbang dakwaan itu satu dakwaan palsu. Bagi membuktikan dakwaan itu berasas dengan kedudukan yang Allah beri, dengan olah yang Allah kurniakan untuk berfikir maka wajarlah sesuatu dilakukan bagi mengubah tren PBB yang usang itu. Dunia seluruhnya sebak untuk menghidup dan memperkuatkan pertubuhan serantau masing-masing seperti NATO, Kesatuan Eropah dan lain-lain. Malaysia tidak merasa sensitif untuk mencergaskan OIC yang Malaysia mengabung diri di dalamnya.

Sikap pasif Kerajaan Malaysia itu jelas seperti yang disebutkan di dalam hadis Rasulullah s.a.w: "Di akhir zaman umat Islam laksana buih, mereka ramai tetapi tidak berfungsi."

Tuan Yang di-Pertua, kembali kila di dalam negeri, saya akan menyentuh beberapa isu. Yang pertama, isu purdah. Selepas mahasiswa purdah di institusi pengajian tinggi dipecat tanpa belas kasihan yang sebahagian besar daripada mereka berada di lahun akhir di rana sebelum itu puteri-puteri Maahad Tahfiz, Pusat Islam yang memakai purdah juga dilarang berbuat demikian. Bagaimana mahu mendefinisikan fenomena itu?

Di UIA boleh membenarkan konsert di sana tiba-tiba menjadi amat keras langkahnya apabila berhadapan dengan siswi-siswi purdah. Perbuatan seperti itu amat memalukan. Inikah kesedaran Islam yang mahu ditonjolkan tanpa menunjukkan rasa toleransi sedikitpun sedangkan pemakaian ala ghairah yang mengiurkan setiap lelaki dibenarkan. Falsafah pendidikan apakah yang diamalkan oleh pemerintah dalam soal pakaian ini?

Harapan kakitangan Kerajaan untuk memakai purdah tertutup apabila tindakan memecat Hajah Halimah Saadiah Haji Kamaruddin, Pegawai Kerani di Jabatan Undang-undang negeri Perak disahkan oleh mahkamah. Dalam suratnya kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, beliau menegaskan di mana kebencian kepada pakaian purdah dijadikan satu peraturan walaupun memakainya tidak menghalang dari melakukan tugas-tugas harian atau menjejaskan prestasi kerja atau membahayakan dirinya atau orang lain.

Dalam suratnya kepada Dato' Abdul Kadir Talib, beliau menegaskan latarbelakang kehidupannya sebagai seorang janda muda. Hidupnya bosan

tanpa pedoman dan cuba membuat perubahan kelslaman secara berperingkat-peringkat. Katanya, "Sekarang saya berpurdah, saya tidak diganggu dan difilnah lagi. Saya tidak lagi mendengar perkataan-perkataan yang kurang sopan, kotor dan lucah di hadapan saya. Saya rasa lebih terjamin keselamatan saya. Maruah saya sebagai janda juga terpelihara. Menerima ucapan assalamualaikum dari setiap kawan muslim yang dijumpai". Inilah pengakuan dan pengalaman baik daripada beliau yang sepatutnya kita hargai. Di manakah yang dikatakan demokrasi? Di manakah yang dikatakan prikcmanusiaan dan kebebasan hcragama kepada setiap individu dan masyarakat di negara ini sebagaimana yang ielah diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Pakaian purdah yang diamalkan itu bukan pakaian ala Paris atau ala ratu cantik. Masalah kenal atau susah hendak mengadakan komunikasi tidak timbul dan tidak boleh dijadikan alasan. Orang-orang yang beragama Sikh dibenarkan memakai serbannya alas alasan agama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya akan timbulkan.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya gulung dengan isu yang terakhir. Di tengah-tengah riu-rendah membicarakan hukum hudud, nun di Amerika di Los Angeles dan beberapa buah kotaraya yang lain telah berlaku rusuhan kaum yang meragut puluhan nyawa insan yang tidak berdosa dan kerugian yang sudah meningkat ke angka bilion akibat daripada diskriminasi dan ketidakadilan yang berlaku atau dengan lain perkataan membelakangi perintah Allah. Di samping itu di negara kita mulai ditiupkan suara sumbang dan sombong kononnya Kelantan berada di dalam paras berjaga-jaga.

**Tuan Yim Chee Chong:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap, Seremban bangun atas apa?

**Tuan Yim Chee Chong:** Minta penjelasan tentang rusuhan di Amerika Syarikat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood;** Tidak beri jalan.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tiap-tiap kali tidak beri jalan, kenapa? (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu hakdia.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Di samping itu di negara kita mulai ditiupkan suara-suara sumbang kononnya di Kelantan dalam paras berjaga-jaga. Krisis ekonomi telah berlaku, pengangguran rakyat Kelantan kononnya telah berduyun-duyun macam orang pelarian telah mulai meninggalkan Kelantan atau berhijrah ke negeri lain untuk mendapatkan kerja. Per kapita Kelantan hanya 53,000 sebulan berbanding dengan negeri lain di bawah pemerintahan Barisan Nasional sebanyak \$6,500 sebulan.

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Sabah, ucapan Timbalan Menteri Kewangan sewaktu melawat Kelantan, ucapan Senator Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dan juga ucapan Menteri Belia dan Sukan di Kelantan beberapa hari yang lepas adalah senada dan seirama. Semacam satu pasukan bola yang sedang beraksi di padang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ya, sedikit lagi. Semacam satu pasukan berbalas pantun yang menjual pantunnya kepada regu yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Alor Sctar.

5.57ptg.

**Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar):** Terima kasih di atas keizinan memberi kesempatan kepada saya untuk membahas usul menjunjung kasih kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hanya berhasrat untuk membangkitkan beberapa perkara yang saya percaya masih belum mendapat perhatian Kerajaan kita.

Mcmang tidak dapat dinafikan bahawa dengan wujudnya kerjasama yang erat di antara rakyat jelata dan Kerajaan, negara kita telah mencapai kemajuan dengan prestasi yang baik di semua bidang khususnya dalam bidang perindustrian dan kemajuan ekonomi di seluruh negara. Ini semua dapat dibuktikan dengan dasar pragmatik dan konsep yang terbuka yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional serta pembahagian peluang yang ada secara adil dan saksama, rakyat dari semua lapisan masyarakat terus bertambah rajin dan berusaha dengan lebih-lebih gigih dan akhirnya mencapai mallaamat Dasar Pembangunan Nasional.

Dalam proses kerajinan dan berusaha oleh rakyat semua ini, mereka bukan sahaja membantu Kerajaan tetapi juga membawa kemakmuran dan kemewahan

kepada mereka sendiri dan masyarakat kita jika prestasi pertumbuhan ekonomi negara terus dikekalkan. Kita harus merasa bangga atas pencapaian pertumbuhan ekonomi dengan keluaran dalam negara kasar pada kadar purata 8.8%. Pencapaian ini jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia ini, Malaysia boleh dikatakan salah sebuah negara yang mempunyai pencapaian yang tertinggi sekali. Saya percaya dan tidak syak lagi Kerajaan akan terus berusaha supaya perkembangan pada 1992 dapat meningkat ataupun sekurang-kurangnya dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, Kerajaan harus memastikan penguasaan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada satu-satu golongan sahaja, seperti dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jika Kerajaan ingin melihat suatu masyarakat bangsa Malaysia yang bersatu-padu, kita harus mengambil langkah yang ikhlas supaya membasmikan kemiskinan dalam negara kita tanpa mengira kaum. Seperti kita sedia maklum, buat masa ini masih terdapat peratusan yang agak tinggi kumpulan rakyat khususnya di luar bandar yang begitu miskin.

Dalam ucapan saya di Dewan yang mulia ini, seringkali saya menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan bahawa masalah kemiskinan yang dihadapi oleh rakyat kita adalah terdiri dari semua kaum dan bukan sahaja kaum bumiputera. Walaupun saya memang sedari Kerajaan telah memberikan perhatian melalui agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA dan FAMA lelahpun mewujudkan program sosio-ekonomi seperti PPRT supaya menolong rakyat yang termiskin akan tetapi hingga kini usaha-usaha sedemikian masih tidak mencukupi. Lebih-lebih lagi saya ingin mendesak supaya program PPRT dapat diperluaskan demi kaum bukan bumiputera dapat menikmati kemudahan juga.

Saya sedari bahawa definisi bagi rakyat termiskin ialah pendapatan sebulan bagi sekeluarga adalah sebanyak \$175 ke bawah. Saya berpendapat \$175 sebagai taksiran sudah tidak tepat dan sesuai lagi sekarang sebab memandang kedudukan ekonomi negara serta taraf hidup masa kini begitu tinggi. Walau bagaimanapun, program-program bertujuan membasmi kemiskinan haruslah ditambah dan dibahagikan secara lebih adil dan saksama supaya lebih ramai rakyat dari golongan kaum lain dapat merasainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin beralih kepada bidang kesihatan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kesihatan alas usahanya membina lebih banyak hospital-daerah dan melcngkapkan hospital-hospital yang besar dengan kemudahan-kemudahan yang perlu demi untuk memastikan taraf kesihatan rakyat ditingkatkan lagi. Program-program terhadap penyakit berjangkit seperti AIDS, penyakit kelamin dan anti merokok telahpun memberi kesedaran yang lebih bermakna kepada rakyat kila.

Walaupun bagaimanapun, masalah-masalah yang dihadapi oleh pesakit-pesakit buah pinggang khususnya mereka yang bergantung kepada mesin haemodialysis untuk mencuci buah pinggang masih belum dapat diatasi dengan memuaskan. Saya menerima rayuan daripada pesakit-pesakit dalam kawasan saya bahawa mereka tidak diberikan perkhidmatan mesin haemodialysis di Hospital Besar oleh kerana mereka bukan kes endrenal failurc, dengan izin. Oleh yang demikian, pesakit-pesakit terpaksa pergi ke Pulau Pinang untuk mendapatkan rawatan dan perkhidmatan tersebut dengan bayaran yang agak tinggi.

Baru-baru ini kita dengar pihak Kerajaan kemungkinan akan menswastakan pusat-pusat perkhidmatan mesin haemodialysis dan oleh yang demikian pesakit-pesakit terpaksa

mendapatkan perkhidmatan di pusat-pusat swasta tersebut. Jika keadaan sedemikian terjadi, adalah amat mendukacita dan menyedihkan sebab bidang kesihatan adalah tanggungjawab yang diletakkan kepada Kerajaan. Sebahagian besar pesakit-pesakit buah pinggang adalah terdiri daripada golongan yang miskin. Adakah tujuan Kerajaan untuk menyusahkan rakyat dengan penyakit buah pinggang yang makin menular dengan bebanan yang tidak sepatutnya dan dalam masa yang sama memberikan kekayaan kepada segelintir usahawan yang mempunyai modal untuk mendapatkan pcnswastakan pusat-pusat haemodialysis.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari kebelakangan ini saya telah mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberitahu bahawa pertubuhan kebajikan di mana-mana negeri akan diberikan tugas untuk menjalankan perkhidmatan haemodialysis. Berita ini boleh dikatakan amat membanggakan tetapi beliau tidak menyebutkan bagaimana ataupun melalui cara apa pertubuhan kebajikan dapat menjalankan perkhidmatan ini.

Selain dari ini, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Kcsihatan bahawa terdapat sejenis penyakit yang dahulunya tidak pernah kita dengar, iaitu penyakit Thalassemia. Jika tidak salah saya, penyakit Thalassemia ialah penyakit berkaitan dengan serious blood disorder, dengan izin, Buat masa ini di seluruh negeri Kedah Darulaman telah terdapat seramai 491 pesakit didaftarkan dengan hospital dan sebahagian besar pesakit adalah terdiri daripada golongan kanak-kanak yang berumur 8 hingga 12 tahun. Saya percaya jumlah pesakit seluruh negara tidak kurang daripada 5,000 orang.

Baru-baru ini di kawasan saya, sebuah prtubuhan yang dinamakan Pertubuhan Thalassemia Negeri Kedah Darulaman telah ditubuhkan di bawah naungan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah. Sebagai penasihat kepada pertubuhan ini, saya telah mengarahkan supaya usaha dibuat bagi mengadakan kempen kesedaran orang-orang awam terhadap penyakit ini dan pada masa yang sama juga mewujudkan satu tabung perdermaan untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan \$300 hingga \$500 untuk rawatan setiap bulan, iaitu pemindahan darah sctiap minggu. Para pesakit tidak sewajarnya bergantung kepada Bank Darah Hospital kerana darah juga dipertukan oleh pesakit-pesakit lain terutamanya di waktu kecemasan.

Di sini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kesihatan sama ada ada satu perangkaan atau statistik disimpan mengsnai pesakit Thalassemia dan hingga kini berapakah sebenarnya jumlah pesakit di seluruh negara? Apakah langkah yang akan diambil berhubung dengan pengubatan dan rawatan pesakit seperti menyediakan tabung darah khas bagi rawatan pemindahan yang begitu kerap.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berundur diri saya ingin menyentuh sedikit tentang lopik yang amat serius dan menarik. Dua hari yang lalu kita semua telah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Marang memberikan penerangan dalam Dcwan yang mulia ini alas undang-undang hukum hudud. Saya rasa amat dukacita atas cadangan parti PAS untuk menukarkan sistem perundangan hukuman yang ada sekarang kepada hukum hudud mengikut Quran. Di sini saya berani mcnyalakan, walaupun saya menghormati cadangan pihak PAS sebab ini adalah salah satu prinsip perjuangan partinya supaya mengislarnisasikan pcmerintahan ncgara ini tetapi saya tidak akan menyokong cadangan tersebut. Adakah pihak PAS mcngambil kira kepekaan rakyat-rakyat bukan Muslim di ncgara ini sbelum melahirkan cadangan seperti tersebut? Jika pihak PAS dapat mengesahkan bahawa cadangan akan

mengimplimentasikan hukum hudud ini tidak dikenakan kepada rakyat bukan Muslim, adakah negara ini dapat diperintahkan dengan dua sistem perundangan tanpa sebarang masalah dan huru-hara seperti yang dipersoalkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah berucap di dalam Dewan yang mulia ini.

Memang saya sedar bahawa Quran telah menetapkan cara hukuman termasuk hukum hudud tetapi bukannya sistem hukum hudud ini diwujudkan pada zaman dahulu kala dan hanya sesuai dalam kcadaan yang lain. Dunia ini ialah dunia yang modcn, banyak perubahan telahpun berlaku. Pada zaman dahulu adakah manusia dapat pergi ke lain negara dengan kapal terbang? Adakah pernah manusia berkayalan untuk menaikkan kapal angkasa lepas ke planet yang lain? Jika satu Kerajaan yang bertanggungjawab harus membuat dan mengimplimentasikan dasar dan undang-undang, ia terpaksa mcngkaji secara mcndalam dan mengikut perkembangan bersesuaian dengan peredaran masa dan zaman moden. Bagi undang-undang hukum hudud, jika ianya diimplimentasikan, seolah-olahnya kita akan kembali ke zaman 100 lahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah mcngenai cita-cita parti PAS. Memandangkan perkembangan atas cadangan hukum hudud oleh parti PAS kini begitu serius, saya terpaksa memberitahu Dewan yang mulia ini, ini adalah satu operasi oleh pihak DAP scbagai salah satu anggota Gagasan Rakyat bagi tujuan memancing undi daripada rakyat bukan bumiputera pada pilihanraya umum yang telah menjual dan mengkhianati rakyat bukan bumiputera, seumpamanya rakyat-rakyat keturunan Tionghua. Pada masa pakatan di antara PAS, Semangat 46 dan DAP, pihak DAP telah memberikan jaminan kepada rakyat bukan bumiputera bahawa di bawah pemerintahan Gagasan Rakyat, ideologi

PAS tidak akan menjadi satu prinsip pemerintahan dan lebih-lebih lagi persoalan mengadakan undang-undang hukum hudud tidak dibangkitkan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihanraya umum, pihak DAP telah mencapai kemenangan di beberapa kawasan Parlimen seluruh negara, tetapi janji-janji mereka kepada rakyat bukan bumiputera nampaknya telahpun musnah ataupun hilang. Sekarang pihak DAP tiba-tiba mengatakan mereka tidak bersetuju atas cadangan parti PAS. Adakah rakyat akan percaya kepada parti politik DAP yang tidak bertanggungjawab, tidak bermaruah dan begitu kotor dalam taktik memancing undi sahaja. Apa yang saya merasa hairan ialah, sekarang pihak DAP berhasrat untuk menjemput pihak MCA dan Gerakan bagi maksud membuat bantahan atas cadangan dan tindakan parti PAS mengenai pengenalan hukum hudud di negeri Kelantan. Saya menyeru pihak DAP janganlah meneruskan sandiwara politik ini. Tolonglah cuba mengubah sikap dan ideologi parti DAP....

**Tuan Lim Guan Eng:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Tuan Chor Chee Heung:** Oleh kerana pihak Yang Berhormat dari....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Hendak beri jalan?

**Tuan Chor Chee Heung:** Saya tidak beri jalan sebab dia tidak pernah beri saya jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan Chor Chee Heung:**.... bersikap lebih ikhlas kepada rakyat dan penyokongnya. Siapa tidak tahu bahawa

pada permulaannya parti MCA dan GERAKAN termasuk MIC mempunyai bantahan yang begitu kuat atas cadangan parti PAS untuk memperkenalkan dan melaksanakan hukum hudud. Hanya parti DAP sahaja yang memainkan peranan "two-headed snake", dengan izin, yang merupakan seorang yang tidak bermaruah untuk mencapai kemenangan dalam apa sahaja, bersetuju dengan pihak PAS dalam mengadakan Gagasan Rakyat dengan pengetahuan sepenuhnya bahawa hukum hudud akan dicadangkan tetapi tidak diberitahu kepada penyokong-penyokongnya.

Apabila hukum hudud dibangkitkan oleh pihak PAS baru-baru ini, barulah pihak DAP berpura-pura membuat bantahan hingga berani menyoalkan sama ada pihak MCA berani membantahkan cadangan terhadap hukum Hudud ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya diberitahu bahawa Yang Berhormat dari Tanjong menyoalkan dan memberitahu kemungkinan cadangan oleh parti PAS terhadap hukum hudud ini bercanggah dengan Artikel 11 Perlembagaan negara kita. Apa yang saya ingin soal di sini, sebab apa Yang Berhormat tersebut tidak mengambil tahu perkara ini sebab menyertai Gagasan Rakyat atau tidak mahu ambil tahu langsung kecuali memastikan kemenangan pilihanraya sahaja. Adakah kekesalan parti DAP pada masa ini telah lewat? Saya melahirkan ketidakpuasan terhadap perkara ini sebab masalah dihadapi oleh kita semua bukan sahaja dihadkan dalam negeri Kelantan tetapi seluruh negara.

Di sini saya merayu kepada semua pihak, semua rakyat, parti-parti politik untuk membuat bantahan atas cadangan parti PAS tersebut. Dan saya juga ingin merayu kepada pemimpin parti PAS supaya berfikir dan mengkaji secara mendalam sebelum sebarang tindakan ke atas cadangan hukum hudud ini dapat dicadangkan dan seterusnya diimplimentasikan.

Kepada pihak DAP, mereka terpaksa berani untuk menyelesaikan semua masalah ini sebab seperti dikatakan oleh orang "He who starts the fire, must put it out," dengan izin. Maka dengan kata-kata sedemikian saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Padas.

**Tuan Radin Malleh (Padas):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kota Melaka.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bantah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bantah kerana apa itu Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bantah kerana Tuan Yang di-Pertua tidak menjemput seorang wakil DAP untuk berucap. Itu sepanjang masa Yang Berhormat dari Ampang Jaya yang memperkerusi Mesyuarat ini tidak memanggil seorang wakil dari DAP,....

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan bangkitkan perkara yang tidak kena-mengena. Saya hendak memperingatkan Yang Berhormat dari Kota Melaka, sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak dipanggil, ini tidak bermakna bahawa wakil DAP tidak dipanggil. Itu sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya membantah. Yang Berhormat dari Bayan Baru pun ada di sini. Saya rasa ini sangat tidak adil!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan nafikan hak orang lain untuk bercakap ya!

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ini sangat tidak adil. Ketidakadilan.....  
(*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa Yang Berhormat kena jaga kesopanan dan tingkah laku sendiri dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana Tuan Yang di-Pertua tidak adil.... (*Disampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila,

6.12 *ptg.*

**Tuan Radin Malleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun menjunjung Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 27hb April 1992 yang lalu. Saya akan cuba menghadkan perbahasan ini pada isu-isu yang disentuh dalam Titah Ucapan DiRaja di samping menjalankan tanggungjawab saya sebagai Wakil Rakyat.

Sebagai rakyat biasa saya sangat kagum dan begitu senang hati sekali kerana Titah Ucapan DiRaja merangkumi keseluruhannya baik di bidang pembangunan, keselamatan dalam negeri dan serantau, perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, pertumbuhan ekonomi negara, pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, hubungan baik dan kerjasama dengan negara-negara ASEAN dan juga dunia luar.

Dengan tekad dan azam yang kuat dan semangat perpaduan dan sikap toleransi, Baginda menaruh harapan bahawa kita akan dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang penyayang dan mempunyai nilai-nilai positif, bermaruah dan bermartabat tinggi. Baginda juga menasihatkan agar perpaduan yang sedia terjalin itu hendaklah dipereratkan lagi supaya kita dapat menumpukan sepenuh usaha dan tenaga untuk pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar demi mencapai mailamat ini kita mestilah mempunyai nilai-nilai murni dan sikap positif untuk membawa rakyat dan negara ini ke mercu kejayaan di samping mengalami ketenteraman dan juga kesejahteraan hidup yang berkekalan. Bagaimanapun, kita tidak boleh duduk diam sahaja dan membiarkan Titah Ucapan DiRaja ini yang mengandungi kala-kata seribu harapan yang sungguh menyenangkan hati semua lapisan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini ditelan masa begitu sahaja. Kita mestilah mempratikkannya supaya sliap rakyat dapat menikmatinya dan menjadi kebanggaan kita semua sbagai anak Malaysia yang merdeka.

Demi mencapai cita-cita ini, saya menyeru kepada Kerajaan supaya betul-betul memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk mengurangkan perbezaan tahap pembangunan negeri-negeri dan mewujudkan pcmbangunan yang scimbang.

Kcrajaan mestilah mempertingkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur fi?,ikal dan sosial di kawasan yang masih mundur yang terdapat di negeri Sabab supaya pcmbangunan di kawasan-kawasan berkenaan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

**Saya merujuk kepada negeri Sabah** kerana tidak bolch dinafikan bahawa ngeri itu adalah salah satu negeri yang termundur dari segi pembangunan sungguhpun kita sudah merdeka hampir 29 tahun. Apabila saya merujuk kepada ngeri Sabah saya harap segelintir pemimpin Pusat tidak begitu scnsitif langsung menuduh saya anti-Persekutuan ataupun berfahaman sempit. Saya pcrcaya dan yakin, kebanyakan para pemimpin Pusat pada kebelakangan ini berulang-alik kenegeri Sabah sudah lebih prihatin dan menyaksi sendiri keadaan negeri itu di segi pembangunan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Saya rasa tidak keterlaluan jika saya mcngatakan bahawa negeri Sabah kclinggalan 29 tahun di segi pcmbangunan jika dibandingkan dengan scengah-seiengah negeri di Scmcnanjung. Kalaulah begitu hakikatnya, maka menjelang Wawasan 2020, kebanyakan negeri-negeri di Semenanjung sudah menikmati k^majuan yang diidam-idamkan scdangkan negeri Sabah baru mengorak langkah menuju ke ambang pintu Wawasan 2020.

Dcngan itu saya harap Kerajaan akan melaksanakan rancangan-rancangan dan program-program pcmbangunan seperti yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kcdua yang mcngandungi Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Keenam dari Perlis hinggalah ke Sabah dcngan adil dan saksama supaya kita sama-sama nikmati erti-kata kemerdekaan sebenarnya,

Tiada makna sama sekali kita melaung-laungkan kemerdekaan jika sekiranya masih terdapat kawasan-kawasan yang kurang maju di negara yang kita cintai ini.

Begitu juga saya memohon kepada Kerajaan Pusat untuk memberi peruntukkan yang lebih besar kepada negeri Sabah dalam rancangannya membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum terutama sekali kumpulan termiskin di luar bandar. Ini memandangkan seperti yang kita semua scdia maklum bahawa kadar kemiskinan di negeri Sabah masih di tahap yang tertinggi sekali pada keseluruhannya di kawasan desa iaitu dalam lingkungan 40% berbanding dengan Semenanjung Malaysia hanya 22%.

Suatu perancangan yang komprehensif khas untuk negeri Sabah bagi menentukan pelaksanaan program-program pembasminan kemiskinan patutlah diadakan supaya rancangan ini betul-betul mencapai matlamatnya.

Kalau Kerajaan tidak berbuat demikian, maka sampai tahun 2020 pun masih ramai lagi rakyat di Sabah terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar berada di dalam keadaan yang miskin. Oleh itu, saya harap benar Kerajaan boleh merangka program yang berasingan di negeri Sabah untuk mengatasi masalah kemiskinan di negeri itu demi mencapai cita-cita dan juga semangal Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan DiRaja juga, Baginda menasihatkan supaya usaha-usaha bagi membanteras wabak penyalahgunaan dadah di semua bidang perlu dipertingkatkan lagi. Dalam soal ini saya berpendapat supaya Kerajaan mengambil tindakan dan langkah-langkah awal supaya rakyat kita terutama sekali anak-anak muda kita tidak terperangkap dalam kogiatan penyalahgunaan dadah.

Saya masih ingat lagi dalam sidang Parlimen yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa masyarakat memandang rendah para penagih dadah dan tidak menerima mereka kembali ke pangkuan masyarakat apabila keluar daripada pusat-pusat pemulihan.

Persoalannya kenapa kita tunggu mereka ini terjerumus ke lembah kehinaan. Kita seharusnya mengambil tahu kenapa mereka memilih jalan buntu. Mungkin disebabkan pengangguran, kurang kasih sayang daripada ibu bapa dan sebagainya ataupun mungkin kita tidak mengadakan pengawalan ataupun pengawasan yang ketat terhadap kemasukan dadah ke dalam negara kita. Pendeknya, kita mestilah "nib in the bud" sebelum wabak penyalahgunaan dadah berleluasa. Kita selalu mendengar dan membaca kata-kata seperti "pencegahan lebih baik daripada penguabatan."

Tuan Yang di-Pertua, seperti di dalam Titah Ucapan DiRaja juga Baginda

bertitah bahawa Kerajaan Malaysia sentiasa mendukung prinsip keluhuran Perlembagaan dan pemerintahan berdasarkan undang-undang.

Sistem kehakiman kita yang bebas, adil dan saksama akan terus dipelihara. Di sini sukacita saya membangkitkan isu anti-hop law yang diperkenalkan di Sabah, Sarawak dan kemudian di Kelantan. Isu ini kini menjadi isu nasional. Di Kelantan Mahkamah Agung sudah memutuskan bahawa undang-undang tersebut adalah tidak sah. Dengan izin, "in essence the *ratio decidendi* of the Supreme Court was that the amendment of the Kelantan Constitution is inconsistent with the Federal Constitution", kerana kononnya ianya bercanggah dengan hak dan kebebasan seseorang untuk berpersaluan. Artikel 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan menyatakan, "all citizens have the right to form associations". Bagi saya, peruntukan ini cukup jelas. There is no ambiguity in this provisions, dengan izin. Jadi, saya berfikir, tidak payah kita gunakan "golden rule" mahupun "mischief rule" untuk membuat terjemahan peruntukan undang-undang ini. Kalau kita menyalakan bahawa peruntukan pindaan yang terdapat di Perlembagaan negeri Sabah, Sarawak dan Kelantan itu menyekat kebebasan ataupun fundamental liberty seseorang, maka ini bagi saya kurang tepat, kerana seseorang itu masih bebas dan tidak disekat untuk bertanding semula.

Bagaimana pula dengan peruntukan Artikel 48(6) Perlembagaan Persekutuan yang dipinda ataupun amended pada tahun 1988 yang menyekat seseorang wakil rakyat daripada bertanding semula dalam tempoh 5 tahun. Tidakkah ini menyekat kebebasan ataupun fundamental liberty seseorang warganegara itu? Kita semua sedia maklum bahawa undang-undang ditadbir mengikut lunas-lunas keadilan. Kalaupun betul keadilan itu yang dituntut, maka persoalan kita ialah

adakah adil bagi seseorang Ahli Yang Berhormat yang menang atas tiket A, misalkata, dan membawa kemenangan itu ke tiket ataupun parti B, sudah lentu tidak. Oleh itu memanglah munasabah baginya meletakkan jawatannya dahulu kemudian bertanding semula di atas tiket parti barunya. Di samping itu kita seharusnya menghayati tujuan peruntukan anti-hop law tersebut. Ianya bertujuan semata-mata untuk mewujudkan keadaan politik yang stabil di samping menjimatkan perbelanjaan, masa dan tenaga rakyat. Sungguhpun Mahkamah Agung sudah memutuskan, ini bukan bermakna ianya tidak boleh mempersoalkan keputusannya yang lalu sebab sedangkan House of Lords di England boleh membuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka membangkitkan keputusan Kementerian Dalam Negeri tentang peraturan baru berkenaan dengan persoalan kad pengenalan yang tidak payah mengemukakan sijil kelahiran seperti yang diumumkan oleh Setiausaha Parlimen pada 26hb April, 1992. Kita faham tujuan peraturan baru itu ialah untuk memudahkan para pemohon mendapat kad pengenalan dan mempercepatkan lagi pemerosesan permohonan-permohonan baru kad pengenalan. Saya merayu kepada Kementerian Dalam Negeri supaya tidak menggunakan peraturan baru ini di negeri Sabah memandangkan keadaan dan situasi di negeri itu agak berasingan ataupun berlainan dengan Semenanjung Malaysia. Di negeri Sabah terdapat ramai pendatang tanpa izin, pelarian dan pekerja imigran dan kebanyakan mereka ini mahu tinggal tetap di Sabah. Justeru itu ramai di antara mereka yang begitu mudah memperolehi kad pengenalan dan begitu juga pemalsuan kad pengenalan yang memang berleluasa di Sabah. Jadi, kalau peraturan baru ini diamalkan di Sabah, maka bertambah mudahlah para pendatang tanpa izin, pelahan dan pekerja imigran mendapat kad pengenalan. Mungkin perkara ini tidak dirasai oleh rakyat di Semenanjung

Malaysia tetapi kami di Sabah sungguh sedih sekali. Kebanyakan daripada bukan warganegara Malaysia mendapat kad pengenalan sewenang-wenangnya bak kata orang berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan peraturan baru pengangkutan yang dikenakan ke atas bas-bas mini. Saya merayu kepada Kementerian Pengangkutan supaya peraturan baru ini jangan dahulu dikuatkuasakan di Sabah. Ini memandangkan jalan-jalan raya di Sabah belum lagi sampai ke tahap seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia, tambahan pula kaum bumiputra yang memiliki bas-bas mini ini belum mempunyai kemampuan untuk membeli bas-bas yang lebih besar. Kalaulah peraluran baru ini dikuatkuasakan sekarang, maka alamat papa kedanalah pemilik-pemilikinya. Oleh itu saya meminta belas ihsan dan jasa baik Kementerian Pengangkutan supaya menimbang semula rayuan ini untuk kepentingan kaum bumiputera yang bergantung nasib mereka kepada mata pencarian di bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini, di sini sukacita saya mengutarakan permohonan-permohonan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk menimbang dan meluluskan permohonan-permohonan berikut.

Pertama, rumah-rumah bagi Pegawai-pegawai Kerajaan di Jabatan Persekutuan iaitu di daerah Tenom. Dua unit untuk Bahagian Satu, lima unit untuk Bahagian Dua, 30 unit untuk Bahagian Tiga. Untuk makluman, rumah-rumah kediaman ini diperlukan oleh Pegawai-pegawai daripada Jabatan Polis, Perubatan dan Kesihatan, Pendaftaran, Imigresen dan Pertahanan di daerah Tenom. Pegawai-pegawai yang berkenaan sekarang ini kebanyakannya tinggal di rumah-rumah sewa dan ada juga tinggal di rumah

Kerajaan Negeri yang mana menafikan hak pegawai-pegawai yang lain menduduki rumah kediaman yang mercka berhak menduduki.

Kedua, Sekolah Menengah Berasrama Penuh di daerah Tenom. Ini memandangkan sekolah yang ada sekarang sudah tidak sesuai dan tidak selamat lagi di samping tidak mampu menampung pertambahan penuntut yang semakin bertambah setiap tahun.

Ketiga, Balai Bomba di daerah Sipitang. Daerah Sipitang makin bertambah maju di samping bangunan-bangunan kedai juga bertambah banyak dalam daerah ini. Di dalam daerah ini terdapat luas kebun-kebun pertanian yang dipunyai oleh penduduk-penduduk kampung dan semasa keadaan kemarau seringkali berlaku kebakaran di sana sini. Dan dalam keadaan kecemasan serupa ini amallah sukar untuk mendapatkan bantuan mcmadam api.

Keempat, bekalan elektrik luar bandar. Pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar harus peka bahawa sebilangan besar penduduk-penduduk di luar bandar belum menikmati bekalan elektrik. Berhubung dengan ini saya meminta kepada Kementerian berkenaan untuk menyediakan peruntukan bekalan elektrik bagi kawasan pilihanraya Padas terutama sekali di kampung-kampung berikut - Kampung Lih Lagud, Kampung Gunting, Kampung Tepoh di daerah Tenom dan Kampung Bcrambai serta Kampung Bubus di daerah Sipitang. Begitu juga saya ingin menyeru kepada Kementerian berkenaan supaya memulakan projek-projeck bekalan elektrik di kampung-kampung dalam kawasan Kemabung yang mana sudahpun mendapat kelulusan beberapa tahun yang lalu. Untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projeck ini saya mengesyorkan supaya ianya dikendalikan

oleh kontraktor-kontraktor tempatan dan bukan seperti sekarang ini di mana ianya dikendalikan oleh syarikat Zanwa Sendirian Berhad daripada Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap benar permohonan saya ini mendapat perhatian dan kelulusan demi tidak menghampakan rakyat Malaysia di Sabah khususnya di kawasan Padas.

Dengan itu saya memohon menyokong Titah Ucapan DiRaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bayan Baru.

*6. 28ptg.*

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bersama menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bertitah pada 27hb yang lalu. Di samping itu saya juga ingin merakamkan perasaan dukacita dan sedih kerana dalam ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak begitu menekankan sangat tentang kepentingan, perlindungan dan kebajikan kaum pekerja di negara ini.

Begitulah juga dalam dasar-dasar Kerajaan termasuk Wawasan 2020 tidak memberi penekanan yang sepatutnya demi untuk menjaga kepentingan, perlindungan dan kebajikan kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Hari Buruh sepatutnya bukan sekadar dihormati dengan mengisytiharkan sebagai satu hari kelepasan am, tetapi hendaklah disambut secara besar-besaran di seluruh negara oleh Kerajaan, majikan dan pekerja untuk mengenangkan jasa kaum pekerja di samping mempereratkan lagi

perhubungan antara pekerja, majikan dan Kerajaan. Malangnya, Hari Buruh setiap tahun berlalu dengan sambutan yang dingin dan kaum pekerja berbincang dengan berbagai masalah yang dihadapi oleh mereka. Ada Kesatuan-kesatuan Sekerja mengambil kesempatan di perhimpunan Hari Buruh yang diadakan secara simbolik di seluruh negara untuk melahirkan perasaan keciwa dan marah terhadap majikan dan Kerajaan yang mereka anggap tidak adil serta mencabul hak-hak asasi mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat boleh sambung besok.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*